



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4161]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Hakim Mahkamah Agung—Penggantungan Jawatan, Y.B. Tuan Lee Lam
Thye (Bukit Bintang) [Ruangan 4256]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4259]

Rang Undang-Undang Lembaga Koko Malaysia (Permerbadanan) [Ruangan 4259]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)
(Pindaan) [Ruangan 4322]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Skim Pengeluaran Wang KWSP — Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)
[Ruangan 4326]

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR. MAHATHJR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang-Pasu).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negeri dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BADA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR. LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR. LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

" Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar DATUK AMAR STEPHENS YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

" Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- Yang Berhormat. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., POS (Kuala Selangor).
- " Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- " Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- " Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- " Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- " Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- " Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- " Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D.P. VIJANDRAN (Kapar).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (SEGAMAT).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M..K., J.P. (Alor Setar).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB. D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DiNG, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR. TING CHEW PEH (Gopeng).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” DR. ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- ” DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH.D.S.M., A.M.N., P.J.K., (Lembah Pantai).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A..S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- " DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K., (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- " TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- ” TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).

- Yang Berhormat TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S., (Betong).
- " DR. ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- ” DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- " TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN HU SEPANG (Rasah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA @ JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- ” DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- ” DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- " TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- " TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- ” DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping),

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

" DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

” PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

" TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

" TUAN MAIDOM BIN PANSAI @ PAUL PANSAI (Kota Belud).

” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).

" TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

" DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
p.B. (Nilam Puri).

" TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

" TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S.,
B.S.I. (Muar).

” TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

" TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).

” DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

" TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.,
(Balik Pulau).

” TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).

" DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).

" TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

" TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

” TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

" TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

” DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- ” TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- " TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- ” DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- ” TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DR. PATAU RUBIS.P.B.S. (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Ipoh).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- ” DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- ” TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- ” DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- ” DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- ” PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TUAN S. S. SUBRAMANIAN, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

- ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATO- ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- ” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.
Ketua Penolong Setiausaha:	Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar
Penolong Setiausaha:	Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.
Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting:	Haji Yahya Manap
Penyunting Kanan:	P. B. Menon
Penyunting Kanan:	Haji Osman bin Sidik
Penolong Penyunting:	N. Ramaswamy
Penolong Penyunting:	Amran bin Ahmad

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Hajjah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Su Soon Chuan
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abdul Samad

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 7hb Julai, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN

**MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN KETUA-KETUA
NEGARA KOMANWEL —
MANFAAT**

1. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keuntungan/faedah yang negara kita dapati dari Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel yang akan diadakan pada tahun 1989 di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Cbe Wan): Tuan Yang di-Pertua, banyak manfaat yang akan diperolehi oleh negara kita sebagai tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Di antaranya:-

- (1) Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah adalah satu penghormatan kepada negara dan pemimpin-pemimpin kita dan juga kepercayaan negara-negara ahli Komanwel mengenai keupayaan Malaysia mengendalikan satu persidangan yang sebesar ini.
- (2) Dengan adanya persidangan yang sebesar ini di Malaysia kita akan mendapat publisiti yang amat luas dengan beratus-ratus orang pemberita dari se-

luruh dunia termasuk dari negara-negara maju yang akan bertumpu ke Malaysia untuk mengikuti perkembangan persidangan.

- (3) Hasil dari publisiti yang luas ini akan memberikan pendedahan yang luas pula dari segi pelancongan ke negara kita selaras dengan polisi industri pelancongan negara semasa kini.
- (4) Selain daripada itu secara tidak langsung kemungkinan bertambahnya pelaburan luar dan perdagangan dengan negara-negara Komanwel tidaklah dapat diketepikan terutamanya dengan negara-negara maju Komanwel.
- (5) Sempena dengan persidangan ini juga Ratu Elizabeth akan diundang untuk melawat Malaysia sebagai tetamu Kerajaan dan untuk bersama-sama dengan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel. Ini akan menambah lagi tumpuan media luar ke negara ini.
- (6) Persidangan ini juga akan dapat merapat dan meningkatkan lagi hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara ahli Komanwel dan meninggikan lagi peranan Malaysia di peringkat antarabangsa.
- (7) Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ini mestilah dianggap sebagai satu usaha bukan sahaja dari pihak Kerajaan tetapi juga penglibatan

semua lapisan rakyat di negara ini memandangkan Malaysia akan menjadi tumpuan dunia keseluruhannya semasa persidangan tersebut, maka kebersihan semua tempat di negara kita perlu diutamakan dan dipertingkatkan daripada sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang berapakah kos yang dianggar hendak dibelanjakan untuk mengatur Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel.

Yang kedua ialah apakah sebab negara Malaysia bercadang untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah beberapa kali mengkritik Pertubuhan Komanwel yang menyatakan Komanwel ini tidak memberi apa-apa faedah untuk ahlinya.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, anggaran kos perbelanjaan bagi Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan tersebut baru sahaja diluluskan oleh pihak Perbendaharaan dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat kelulusan. Selepas itu sahajalah jumlahnya akan dapat diketahui pada umum.

Keduanya, sebab Malaysia sanggup menjadi tuan rumah telahpun saya sebutkan sebentar tadi melalui jawapan saya pada soai asalnya. Tentang apakah dulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkritik Komanwel dan sekarang pula sanggup menjadi tuan rumah, saya kira Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu sedar bahawasanya keadaan dan perkembangan sentiasa berubah. Dulunya pihak Komanwel tidak sangat mementingkan negara-

negara kecil dalam Komanwel dan hanya menitikberatkan kepentingan beberapa negara tertentu sahaja dalam Pertubuhan Komanwel ini tetapi dengan kritikan yang dibuat itu terdapat beberapa perubahan yang meyakinkan kita bahawasanya sekarang dasar Komanwel adalah lebih adil dan saksama di mana negara-negara kecil pun diambil berat oleh Pertubuhan Komanwel. Sebab itulah mengapa pihak Kerajaan telahpun mengubah sikap dan menyokong Komanwel serta sanggup pula menjadi tuan rumah kepada persidangan pada tahun hadapan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Kuala Lumpur pada tahun 1989 bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah program-program yang telah disusun untuk Ketua-ketua Negara Komanwel ini di samping program persidangan itu sendiri? Dan adakah program-program ini akan memberi masa yang terluang kepada Ketua-ketua Negara Komanwel untuk berjumpa dengan kumpulan-kumpulan ataupun Kesatuan-kesatuan Sekerja ataupun parti-parti politik yang ada di dalam negara kita ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan telah menyusun agenda persidangan tersebut dan adakah perkara-perkara yang luar biasa yang akan dimasukkan di dalam agenda pada tahun 1989 ini seperti yang berlaku di persidangan di Kanada bagi persidangan yang lalu di mana agenda yang paling luarbiasa sekali ialah pemecatan negara Fiji daripada Komanwel.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program rasmi yang telahpun diaturkan oleh Urusetia Komanwel, pihak Kerajaan Malaysia juga sedang mengaturkan lain-lain acara yang mana kita akan memilih Langkawi sebagai

tempat program asing untuk Ketua-ketua Kerajaan pergi berihat sambil melihat keindahan dan kemudahan pelancongan yang terdapat di Pulau Langkawi. Selain daripada itu juga, kita mungkin berusaha untuk membuat jemputan kepada Ketua-ketua Kerajaan tertentu untuk melawat lain-lain tempat sekiranya masa mengizinkan, juga sekiranya ada permohonan atau ada kes yang tertentu boleh kita menganjurkan perjumpaan di antara pemimpin-pemimpin Kerajaan tertentu dengan wakil-wakil pekerja, parti-parti politik ataupun sebagainya.

Yang keduanya ialah tentang agenda persidangan tersebut, ini akan dipastikan oleh Sekretariat Komanwel yang berpusat di London. Pihak Kerajaan Malaysia belum dapat lagi memastikan apakah perkara-perkara yang akan dimasukkan ke dalam agenda.

BUKU AKADEMIK TERJEMAHAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

2. Dr. Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah tajuk buku-buku akademik atau rujukan yang telah diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke dalam Bahasa Malaysia sejak 31hb. Ogos, 1957 dan adakah jumlah ini mencerminkan keperluan institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 223 judul terjemahan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu 133 judul untuk bidang sains, sosial dan kemanusiaan, manakala 90 judul untuk bidang sains. Sebanyak 348 judul buku seperti di atas sedang diusahakan terjemahannya. Di samping itu, lebih kurang 400 buah buku lagi akan diterjemahkan pada tahun 1989 untuk memenuhi keperluan di institusi pengajian tinggi seterusnya. Buku terjemahan, terutama teks rujukan universiti tidak

pernah tahan lama, tetapi sentiasa berubah. Oleh itu buku-buku yang masih ada itu perlu diganti dengan buku-buku baru selepas beberapa tahun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak terdapat terjemahan-terjemahan yang dibuat oleh Dewan Bahasa tidak begitu tepat dan ini membawa kepada salah faham mengenai degan fakta-fakta yang diterjemahkan itu. Soalan saya, adakah pihak Dewan Bahasa akan menilai semula terjemahan-terjemahan ini dan dibuat lain ataupun dibaiki terjemahan yang begini.

Yang kedua, adakah Dewan Bahasa mewujudkan satu panel penterjemah-penterjemah profesional yang bukan sahaja terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa yang sedang bercuti.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa mempertingkatkan prestasi terjemahan itu.

Berkaitan dengan soalan kedua, di sini saya tidak dapat memberi satu jawapan dan saya akan beri jawapan selepas saya semak perkara itu.

PENGARUH KOMUNISME DI MALAYSIA

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah komunis di Malaysia yang cuma kurang daripada dua ratus orang boleh mengancam keselamatan negara dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk memastikan negara kita bebas dari pengaruh komunisme.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, walaupun dewasa ini terdapat kurang daripada 200 orang pengganas komunis

yang bergerak di kawasan Semenanjung Malaysia dan Sarawak, mereka ini merupakan barisan hadapan dalam menjatangkan rancangan dan cita-cita komunis yang didukung oleh Parti Komunis Malaya dan Parti Komunis Kalimantan Utara untuk menggulingkan Kerajaan Malaysia. Kita tidak seharusnya lupa sejarah keganasan dan kekejaman yang telah dilakukan oleh anggota-anggota penganas komunis dan talibarut mereka, terutamanya oleh PKM yang telah melancarkan pemberontakan bersenjata di negara ini sejak 40 tahun lalu. Sungguhpun PKM dan PKKU kini mempunyai kekuatan yang kecil sahaja, mereka masih lagi mengancam keselamatan negara. Kita hendaklah sentiasa mengambil sikap berwaspada terhadap rancangan dan tindak-tanduk mereka.

Pihak Kerajaan telah dan sedang melaksanakan berbagai rancangan secara menyeluruh dan berkesan dalam usaha membanteras pengaruh anasir-anasir komunis. Walau bagaimanapun, langkah-langkah ini tidak dapat didedahkan secara terperinci kepada umum atas sebab-sebab kepentingan keselamatan. Apa yang dapat ditegaskan di sini ialah Pasukan Keselamatan kita telah dan akan sentiasa mengadakan gerakan-gerakan keselamatan dan melaksanakan berbagai aktiviti-aktiviti lain untuk menghapuskan terus ancaman komunis itu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada apa yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat tadi iaitu tentang keganasan, kezaliman komunis tetapi sekarang nampaknya komunis telah menukar cara taktik untuk memasukkan fahaman komunisme dalam masyarakat, iaitu melalui idealisme komunis itu sendiri dan ini mungkin ia dapat meresapi golongan pelajar di institusi tinggi ataupun persatuan parti politik ataupun kesatuan sekerja ataupun juga melalui agama.

Jadi, saya ingin tahu apakah cara atau 'method' yang digunakan oleh Kerajaan untuk memastikan peresapan idealisme komunis ini tidak berlaku dan apakah Kerajaan telahpun mengenalpasti orang-orang yang terlibat dalam hal ini seperti di kalangan pelajar atau parti politik walaupun pada lahirnya parti politik itu tidak mengambil idea komunis, tetapi cara penyampaian atau tindakan yang dilakukan oleh setengah-setengah pemimpin politik itu menggambarkan semangat komunisme. Saya ingin dapat tahu apakah tindakan ataupun cara yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang cara pihak komunis menyebarkan fahaman mereka melalui apa yang dikenalkan sebagai 'Communist Front Organisation' yang mana mereka kadang-kadang meresap masuk ke dalam pertubuhan-pertubuhan yang kononnya berjuang berkenaan dengan keadilan ataupun hak asasi manusia, berkenaan dengan hak pekerja-pekerja, berkenaan dengan alam sekitar, berkenaan dengan bermacam-macam lagi kegiatan sosial. Melalui badan-badan ini, iaitu Communist Front Organisation ini biasanya mereka dapat mempengaruhi pemuda-pemuda yang kurang berpengalaman dan juga mempengaruhi ahli-ahli politik yang memang mirip dengan cara-cara komunis.

Kerajaan sentiasa berwaspada berkenaan dengan perkara ini, sebab itu pada bulan November yang lepas, tahun sudah, Kerajaan terpaksa memasukkan dalam tahanan beberapa orang yang menjadi anggota Communist Front Organisation ini yang mendapat ilham daripada luar negeri dan kegiatan ini bukanlah dapat diatasi keseluruhannya, mungkin masih ada pihak-pihak yang lain yang masih lagi mirip kepada tindakan-tindakan pro-komunis ini dan Kerajaan sentiasa memerhati gerak-geri

orang-orang yang tertentu yang disangka ada kaitan dengan gerakan Communist Front Organisation ini.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Perdana Menteri setakat ini berapakah penganas komunis di dalam kem tahanan di dalam negara kita ini dan bolehkan juga Perdana Menteri memberitahu bagaimana Kementerian-nya mengenalpasti seseorang itu ataupun sesuatu kumpulan itu komunis selain daripada mereka yang bersenjata, dan adakah Kerajaan akan mencopkan semua golongan ataupun orang yang menentang dasar-dasar Kerajaan sebagai komunis.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka yang tepat kerana saya tidak dapat notis, Namun demikian, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan betul-betul berasa bertanggungjawab dalam perkara ini. Sebab itu semasa saya mengambil-alih sebagai Perdana Menteri, walaupun ada hampir 2,000 orang dalam tahanan, hampir semuanya telah dibebaskan, melainkan ada lebih kurang 300 orang yang menjadi hardcore menyokong komunis, yang tidak mahu bertaubat dan tidak mahu menolak cara-cara yang tidak sesuai dengan demokrasi negara kita dan mereka ini masih ada dalam tahanan. Jika Ahli Yang Berhormat ingin tahu angka yang sebenar, bolehlah saya beri kepada Ahli Yang Berhormat kemudian.

Tentang bagaimana kita kenal mereka ini, biasanya kita kenal mereka kerana mereka menyokong fahaman-fahaman komunis, cara-cara mereka bergerak menunjukkan bahawa mereka menyokong tindakan-tindakan yang dibuat oleh komunis. Mereka kerap kali cuba mempengaruhi orang-orang lain dengan fahaman-fahaman komunis dan lain-lain cara lagi yang mudah. Diketahui kalau kita bekerja sebagai orang yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

Berkenaan dengan mencopkan orang yang menentang Kerajaan sebagai komunis, kalau kita anggap orang yang menentang Kerajaan sebagai komunis, saya fikir kita kena sediakan jel banyak-banyak kerana banyak orang yang menentang Kerajaan, tetapi kita tidak masukkan mereka dalam tahanan dan kita juga tidak menuduh bahawa mereka adalah komunis.

Ahli Yang Berhormat sendiri patut faham bahawa kalau kita anggap anggota parti lawan yang mengkritik Kerajaan sebagai komunis, hari ini dia tidak duduk di situ.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada komunis di dalam negara ini mendapat bantuan atau sokongan dari pihak luar negeri, dan kalau ada, dari pihak mana.

Soalan keduanya, apakah dasar Kerajaan tentang ketua-ketua komunis yang telah melarikan diri daripada negara ini yang telah dikatakan bertaubat dan ingin pulang ke sini, dengan mengambil rujukan kepada Shamsiah Fakeh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa setengah-setengah daripada mereka yang menjadi komunis ini mendapat sokongan daripada negara-negara luar. Sebab itu ada ketua-ketua mereka yang sekarang ini tinggal di negara-negara tertentu, yang mana sudah tentu negara-negara ini adalah negara yang bersimpati dengan mereka, sebab itulah mereka ini diterima di negara-negara itu. Ini menunjuk bukti bahawa mereka mendapat sokongan daripada beberapa negara komunis di dunia.

Berkenaan dengan dasar kita terhadap ketua-ketua komunis yang telah bertaubat dan ingin balik ke masyarakat kita, kita harus ingat bahawa mereka ini terlibat dengan satu

gerakan yang menyebabkan pembunuhan begitu ramai daripada rakyat Malaysia, dan mereka tidak boleh nafi bahawa kegiatan mereka merosakkan harta, menakutkan rakyat dan mencederakan serta membunuh anggota pasukan keselamatan dan juga orang ramai. Hanya dengan mereka bertaubat sahaja maka dengan itu mereka diterima balik kedalam masyarakat, menunjukkan bahawa kita begitu sekali mudah untuk menerima mereka, sedangkan orang lain yang melakukan kesalahan yang semacam ini akan dihukum penjara, bahkan mungkin hukuman gantung dan sebagainya. Jadi, tidaklah dapat kita dengan begitu mudah menerima balik mereka yang sudahpun berasa mereka bersalah dan ingin balik ke pangkuan masyarakat dengan begitu sahaja. Kalau mereka balik maka tidak dapat tidak kita terpaksa; pertamanya, memasukkan mereka dalam tahanan. Di situ mereka mesti dipulihkan supaya kita dapat menentukan bahawa mereka tidak lagi mempunyai fahaman komunis dan juga kita ingin menentukan sama ada mereka terlibat secara langsung dengan kes-kes tertentu supaya tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

Kalau kita dapati setelah mereka dimasukkan di dalam tahanan bahawa mereka sebenarnya tidak terlibat secara langsung dan mereka betul-betul bertaubat dan mereka juga sudah menolak fahaman komunis, mungkin juga kita akan bebaskan mereka daripada tahanan kemudian daripada itu.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

4. Tuan Zubir bin Embung minta Menteri Kewangan menyatakan perancangan kemajuan dalam melaksanakan skim pinjaman perumahan berdasarkan konsep yang telah dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad terutama kepada Pegawai-pegawai dan kakitangan Islam. Apakah kajian telah dibuat dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Arifin): Tuan Yang di-Pertua, kajian untuk pelaksanaan skim pinjaman perumahan oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan amnya seperti mana yang diamalkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad tidak dibuat oleh Kementerian Kewangan. Pemberian kemudahan pinjaman perumahan merupakan salah satu daripada jenis urusan kebanyakannya bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Terserahlah kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang berkenaan untuk melaksanakan pemberian kemudahan pinjaman perumahan mengikut lunas-lunas Islam seperti yang diambil oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Walau bagaimanapun, pada masa ini rakyat Malaysia amnya, termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan Islam yang ingin mengambil pinjaman perumahan telahpun mempunyai pemilihan untuk menikmati kemudahan pembiayaan perumahan mengikut lunas-lunas Islam daripada Bank Islam Malaysia Berhad.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan sendiri yang telah menganjurkan penubuhan Bank Islam dan Bank Islam telah menjalankan skim pinjaman perumahan mengikut lunas-lunas Islam, jadi apakah sebabnya di mana Kerajaan tidak boleh melaksanakan program pinjaman perumahan mengikut skim Islam yang ditaja oleh Kerajaan sendiri.

Tuan Mohamed Farid bin Arifin: Tuan Yang di-Pertua, satu kertas kerja telahpun disediakan untuk mengkaji berkenaan dengan kemungkinan menjalankan sistem sedemikian. Walau bagaimanapun, satu keputusan belum dibuat lagi.

NAJIS DADAH — UJIAN Am KENCING KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN

5. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa

minta Perdana Menteri menyatakan dalam pengambilan kakitangan yang baru, kebiasaannya hanya pemeriksaan kesihatan secara am sahaja dikenakan. Kadangkala kita terdapat ada golongan yang diambil ini terlibat dengan najis dadah. Oleh hal yang demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan ujian air kencing dan pemeriksaan menyeluruh terhadap semua kakitangan yang akan diambil bekerja bagi mengelakkan mereka yang terlibat dengan najis dadah bagi semua kategori (Kumpulan A hingga D). Jika ada kesan najis dadah apakah langkah selanjutnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs. Suleiman bin Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, belum ada peraturan yang mensyaratkan kakitangan baru Kerajaan menjalani ujian air kencing bagi mengesan mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah. Walau bagaimanapun Kerajaan telah menetapkan supaya setiap calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam disyaratkan membuat akuan di bawah Akta Akuan Berkanun, 1960 bahawa ianya bukan penagih dadah. Oleh itu sekiranya Kerajaan mendapati terdapat pegawai dan kakitangan yang dilantik itu terlibat dengan penagihan najis dadah, tindakan boleh diambil untuk menamatkan perkhidmatan mereka mengikut Perintah-perintah Am 57 Bab 'A' 1973 kerana membuat akuan palsu.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan sama ada dalam tempoh percubaan mahupun tetap, yang bersabit melibatkan diri dalam najis dadah?

Drs. Suleiman bin Mohamed; Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang serius terhadap kakitangan atau pegawai Kerajaan yang terlibat dalam penagihan najis dadah dan memang tidak ada tolak ansur dalam perkara ini.

Bagi mereka yang di dalam tempoh percubaan bagi lantikan pertama, Kerajaan akan menamatkan perkhidmatan mereka mengikut Perintah-perintah Am 58 Bab 'A' 1973. Ini selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/84.

Bagi mereka yang disahkan, seperti soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit, Kerajaan akan memberi cuti separuh gaji kalau mereka dengan sukarela meminta rawatan dan kalau dengan perintah mahkamah pula, maka mereka bolehlah dihantar ke Pusat Pemulihan tanpa gaji sepanjang tempoh rawatan dan pemulihan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa tidak ada peraturan khas untuk Kerajaan mengenakan ujian air kencing, tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, semasa kita membuat pemeriksaan kesihatan secara am, kita juga membuat salah satu daripada ujian tersebut ialah ujian air kencing. Jadi saya hendak bertanya, apa yang susahya itu, kita membuat ujian air kencing untuk pemeriksaan am tadi untuk apa dan air kencing yang untuk kita hendak check sama ada dadah ataupun tidak ini dengan menggunakan alat apa? Sebab pemeriksaan secara umum memang kita dikenakan ujian air kencing. Jadi, apakah boleh Kerajaan menyediakan dua alat untuk satu ujian? Jadi soalan saya, mengapakah begitu susah untuk Kerajaan menyediakan dua alat kerana orang itu terpaksa kencing juga sebelum dia melalui pemeriksaan umum tadi? Itu soalan saya.

Drs. Suleiman bin Mohamed; Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan air kencing bukanlah merupakan salah satu faktor yang kita hendak pastikan sama ada seseorang itu terlibat dengan najis dadah atau tidak. Banyak perkara yang dapat kita nilai sama ada seseorang itu terlibat dengan najis dadah. Misalnya

dapat kita lihat daripada tingkah laku dan tabiat seseorang itu. Jadi seseorang penagih dadah di dalam masa 2-3 hari kalau dia tidak mengambil dadah, kalau kita mengadakan pemeriksaan air kencing maka kita tidak dapat mengesan sepenuhnya sama ada dia penagih ataupun tidak. Kerajaan sebenarnya tidak ada masalah di dalam hendak mensyaratkan supaya mereka menjalani pemeriksaan air kencing tetapi tentulah perkara ini menjadi bebanan juga kepada Kerajaan.

SKIM MEMILIKI RUMAH PEKERJA

6. Dr. V. David minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalakkan lebih ramai majikan menyertai Skim Kepunyaan Rumah bagi pekerja-pekerja lombong dan ladang;
- (b) bilangan rumah yang sedang dalam peringkat pembinaan, tempat pembinaan dan tarikh jangka siap mengikut pecahan sektor; dan
- (c) ladang-ladang dan lombong-lombong yang telah mengambil bahagian dalam Skim ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Dewan, Skim memiliki Rumah Pekerja adalah merupakan rancangan sukarela di mana pihak majikan sama ada ladang ataupun lombong digalakkan untuk membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh para pekerja mereka. Untuk menggalak dan mendorong penglibatan para majikan dalam

Skim ini, Kementerian Buruh telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk mempercepatkan pelaksanaan Skim ini;
 - (ii) Pegawai-pegawai Buruh dalam siri lawatan mereka ke ladang-ladang dan lombong-lombong telah menyarankan dan menggalakkan majikan supaya menyertai Skim ini; dan
 - (iii) Pegawai-pegawai Buruh juga memberi nasihat kepada majikan-majikan ke atas perkara-perkara mengenai Skim ini yang melibatkan agensi Kerajaan.
- (b) Skim Memiliki Rumah Pekerja ini yang sedang dalam proses pembinaan adalah seperti berikut:-

	Unit Rumah
1. Ladang Pasir Pinji, Ipoh, Perak	463
2. Ladang Bukit Mertajam, Kulim, Kedah	286
3. Lombong Sungai Besi, Hulu Langat, Selangor	441
4. Lombong Southern Kinta Consolidated, Hulu Selangor, Selangor	415
5. Lombong Berjantai, Kuala Selangor, Selangor	477
Jumlah:	<u>2,082</u>

- (c) Setakat ini 8 buah ladang dan sebuah lombong yang menyertai Skim ini telah menyiapkan rancangan mereka di ladang-ladang dan lombong seperti berikut:-

1. Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah	323	unit
2. Ladang Dovenby, Sungai Siput, Perak	108	"
3. Ladang Tenamaram, Batang Berjuntai, Selangor	110	"
4. Ladang Teluk Merbau, Selangor	196	"
5. Ladang Glenmarie, Kelang, Selangor	121	"
6. Ladang Sungai Buluh, Kuala Selangor	212	"
7. Ladang Kemas, Kuala Selangor	66	"
8. Ladang Temiang South, Seremban, Negeri Sembilan	35	"
9. Lombong Supreme Corporation Bhd., Petaling, Selangor	525	"
Jumlah:	1.605	unit

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan syabas atas sedikit kejayaan yang dicapai untuk membina lebih banyak unit rumah untuk kediaman pekerja-pekerja lombong dan ladang-ladang. Di samping itu saya ingin menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian Buruh berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai setakat ini memandangkan bahawa bilangan pekerja-pekerja ladang dan lombong begitu besar sekali pada keseluruhannya. Jika ia tidak puas hati, apakah tindakan segera yang Kementerian ingin mengambil untuk mempercepatkan pembinaan perumahan terutama sekali di ladang-ladang lama yang mana "kuci-kuci" yang didiami oleh pekerja sangat-sangat tidak sesuai untuk kediaman manusia?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sebenarnya memang tidak berpuas hati di atas perkara yang telah diusahakan oleh majikan-majikan ini. Walau bagaimanapun, suka saya tekankan sekali lagi bahawa usaha ini adalah berbentuk sukarela yang dapat kita buat, maknanya tidak ada peruntukan bagi kita untuk memaksa mereka mem-

buat ataupun mengadakan projek pemilihan rumah ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh sekarang ini sedang merancang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Petugas di peringkat kebangsaan yang khusus berkenaan dengan perkara ini bagi kita meseragamkan usaha dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menggalakkan lagi supaya majikan ini dapat membina lebih banyak rancangan-rancangan perumahan untuk dijual kepada pekerja-pekerja mereka. Deraf perkara ini sedang diusahakan oleh Jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Buruh dan jika dipersetujui oleh Kementerian perkara ini akan dijalankan.

Dr. V. David: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kerana penerangan ini. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar rumah-rumah di ladang-ladang dan di lombong-lombong sudah buruk dan rumah-rumah itu dibina mengikut Undang-undang Buruh, 1912? Jadi adakah Kerajaan mengambil tindakan untuk mengimplimentasi rancangan ini yang Kerajaan telah terima pada tahun 1971 kalau tidak salah saya. Dalam tempoh 18 tahun ini saya nampak beberapa buah rumah yang sudah dibina untuk beberapa orang pekerja di lombong dan ladang tidak sampai pun 5%. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya mengimplimentasikan ini dengan cepat dan pegawai-pegawai Kementerian Buruh.....

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalnya?

Dr. V. David: Saya ingin bertanya bolehkah Kementerian Buruh memanggil pegawai-pegawainya mengambil tindakan, bukan memaksa majikan tetapi untuk mencari jalan bagaimana boleh memberi rumah kepada pekerja miskin iaitu mengikut Dasar Ekonomi Baru tahun 1969 untuk menghapuskan kemiskinan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Puchong membangkitkan soal yang berbeza. Yang majikan menyiapkan rumah untuk pekerja mereka, itu yang kita boleh mengambil tindakan kalau sekiranya majikan menyiapkan rumah pekerja-pekerjanya. Tetapi skim yang disoalkan oleh Yang Berhormat ini adalah pemilikan rumah yang mana berbentuk sukarela, kalau majikan hendak buat, dia boleh buat, kalau tidak hendak buat pun, dia boleh.

Kita sepatutnya dalam Dewan ini memuji langkah majikan yang membuat projek ini. Mereka pun berkorban beli tanah kemudian jual dengan harga yang murah. Jadi dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat kita lebih banyak memujuk majikan ini untuk menyertai skim ini daripada paksa dan tekan dan juga mengambil tindakan yang tegas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bolehkah saya bertanya bagi pihak Yang Berhormat, sebab dia memberi mandat kepada saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Tidak boleh, Yang Berhormat. *(Ketawa).*

(Soalan No. 7 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas tidak hadir).

AKTA PELAJARAN 1961 — KAJIAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pendidikan menyatakan kemajuan terakhir berkaitan semakan semula Akta Pelajaran 1961 dan bilakah cadangan pindaan akan dibentangkaji di Parlimen.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pelajaran 1961 masih dalam kajian Kementerian. Ini termasuklah cadangan dari pelbagai peratuan dan orang perseorangan yang harus dikaji dengan teliti sebelum cadangan tersebut boleh diterima oleh Kerajaan dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

Perlu dimaklumkan bahawa sehingga kini ratusan kertas cadangan dan memoranda yang diterima oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan bercadang supaya memansuhkan Fasal 21 (b) Akta Pelajaran tahun 1961 ketika menjalankan semakan semula pada Akta tersebut, jika tidak mengapa.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pilihanraya pada tahun 1986 satu manifesto yang telah dipersetujui oleh semua komponen parti Barisan Nasional ialah Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961 itu akan dikaji dan akan dimansuhkan.

Pada masa sekarang Kerajaan hendak lagi mematuhi manifesto yang sudah dijanji oleh semua komponen parti Barisan Nasional.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya agak terkejut sedikit dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya apakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang untuk menganjurkan sama ada bentuk seminar, konvensyen

ataupun kongres di kalangan pertubuhan-pertubuhan yang berwujud dalam negara kita termasuk penyertaan para intelektual dan tokoh-tokoh akademik dalam menentukan pindaan yang bakal dicadangkan nanti bersabit dengan Akta Pelajaran 1961, dengan mengambilkira skop konsep dan aspirasi cita-cita Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah dibentuk oleh pemimpin-pemimpin dahulu dan sekarang.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kajian itu dalam Kementerian Pendidikan sahaja di antara pegawai-pegawai dan kita belum sampai ke satu tahap di mana kita akan mengemukakan semua cadangan-cadangan dan isu-isu untuk dibahas dan dikaji oleh pemimpin-pemimpin masyarakat dan intelektual-intelektual. Selepas semua isu-isu sudah ditetapkan, peluang akan diberi kepada semua orang yang berminat untuk memberi pandangan.

EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT KE IRAN

10. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sesudah Republik Islam Iran menarik balik dasar melarang import minyak kelapa sawit, apakah usaha-usaha yang Kerajaan lakukan untuk memasarkan minyak sawit ke negara tersebut dan apakah kesannya;
- (b) Republik Islam Iran bercadang untuk mengadakan makmal mengkaji kebaikan dan kelemahan minyak sawit sebelum ia memesan minyak itu. Adakah Kerajaan akan mengadakan kerjasama bagi membantu Iran membina pusat makmal itu dan bekerjasama dengannya untuk tujuan penyelidikan tadi; dan

- (c) adakah perubahan sikap Iran itu hasrat dari kempen yang dijalankan oleh Kementerian itu atau hasil dari kunjungan Menteri Kewangan ke Iran baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), saya ingin menjelaskan bahawa apa yang sebenarnya telah dilakukan oleh Kerajaan Iran baru-baru ini ialah menarik balik larangan ke atas kemasukan minyak kelapa sawit untuk kegunaan makanan. Sebelum ini Kerajaan Iran memang mengizinkan minyak kelapa sawit untuk kegunaan lain daripada makanan.

Baru-baru ini, Tuan Yang Terutama Duta Besar Iran ke Malaysia telah membuat pengumuman mengenai keputusan Kerajaan negaranya seperti yang saya sebutkan itu pada 11 Mei 1988. Walaupun tempohnya belum sampai dua bulan sesudah pengumuman itu dibuat, pihak Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa langkah susulan untuk membolehkan eksport minyak kelapa sawit Malaysia masuk ke negara yang berkenaan. Salah satu usaha ialah lawatan suatu rombongan empat orang anggota yang terdiri daripada pegawai-pegawai Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Iran (ISIRI) ke Malaysia daripada 2 - 11hb Jun, 1988 baru-baru ini untuk memperkenalkan pegawai-pegawai Republik Islam Iran itu dengan lebih rapat lagi kepada perusahaan minyak kelapa sawit negara kita. Pelawat-pelawat Iran itu amat berpuashati dan tertarik dengan segala infrastruktur industri kelapa sawit Malaysia, termasuk aktiviti-aktiviti kawalan mutu.

Memandangkan pengesahan surat kredit merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh pedagang-pedagang Malaysia dalam menjalankan urusan eksport ke Iran, maka Bank Markazi

Jomhuri Islami Iran (iaitu Bank Pusat Iran) dan juga Bank Negara Malaysia sedang berunding ke arah mewujudkan peraturan-peraturan yang akan mengatasi masalah itu. Adalah difahamkan bahawa Ketua Pengarah Bank Pusat Republik Islam Iran akan melawat Malaysia tidak lamalagi untuk menyelesaikan urusan ini.

Mengenai soalan (b), memang selama ini pun Kerajaan Malaysia telah bekerjasama dengan pihak Republik Islam Iran untuk menjalankan kajian-kajian saintifik mengenai minyak kelapa sawit. Untuk masa depan, Kerajaan Malaysia akan terus memberi apa-apa juga kerjasama yang dianggap wajar kepada Kerajaan Republik Islam Iran, berdasarkan atas dasar projek-projek yang tertentu atau khusus.

Mengenai soalan (c), suka saya menjelaskan bahawa penarikan balik pengharaman ke atas import minyak kelapa sawit ke negara itu oleh Kerajaan Republik Islam Iran adalah hasil usaha Kerajaan Malaysia keseluruhannya dan juga usaha pihak Kerajaan Republik Islam Iran.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar bahawa penarikan pengharaman import oleh Iran itu bukan disebabkan oleh faktor-faktor usaha-usaha daripada Kerajaan Malaysia ataupun mana-mana pihak tertentu di Malaysia. Tetapi keadaan cuaca di Amerika Syarikat yang menyebabkan mereka menarik balik pengharaman ini, oleh kerana kemarau panjang di Amerika Syarikat menyebabkan soyabean tidak dapat dikeluarkan dengan begitu banyak, dengan itu Iran terpaksa membuat pilihan untuk membeli minyak kelapa sawit. Jadi kalau sekiranya benar ini bermakna bahawa kita akan menghadapi masalah apabila cuaca baik di Amerika Syarikat, soyabean

dikeluarkan dengan banyak. Soalan yang pertama.

Yang keduanya apakah boleh dalam jangka panjang kita menjalankan promosi dalam bentuk kita membeli minyak dengan secara percuma untuk mereka sebulan, dua bulan, daripada kita simpan setok dengan begitu banyak di sini. Dengan itu bila mereka telah serasi dengan minyak yang berkenaan, saya percaya mereka akan terus membuat tempahan dan akhir sekali.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini yang penting.

Timbalan yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat. Sila jawab.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa keputusan Kerajaan Iran itu dibuat oleh kerana terdapat kemarau panjang yang mengakibatkan kerosakan tanaman termasuk kacang soya di Amerika Syarikat.

Seperti Yang Berhormat sendiri sedia maklum, bahawa keputusan untuk menarik balik pengharaman itu dibuat dalam bulan Mei iaitu kira-kira dua bulan yang lalu, sedangkan kemarau yang berlaku di Amerika Syarikat itu hanya baru diketahui kira-kira dalam masa dua minggu yang lepas. Dan lagipun pada masa itu Kerajaan Iran belum mengetahui setakat mana kerosakan yang berlaku akibat daripada kemarau itu.

Mengenai soalan nombor dua, Kerajaan sendiri belum berupaya untuk membeli minyak secara percuma oleh kerana sebenarnya Kementerian saya tidak mempunyai stok minyak sawit untuk diberi percuma tetapi saya suka

memaklumkan bahawa tidak ada permintaan daripada pihak Iran untuk mendapatkan minyak percuma, ini ialah kerana mereka mampu membeli minyak itu dengan membayar harganya.

PROTON SAGA — PENGEDAR BUMIPUTERA

11. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah para pengedar bumiputera hanya berjaya menjual 11 % daripada kereta Proton Saga yang dikeluarkan berbanding dengan kuota 18% yang dijangkakan oleh Kerajaan. Apakah langkah Kerajaan bagi memastikan kuota pengedaran kereta nasional oleh pengedar bumiputera yang telah disetujui oleh EON untuk ditambah daripada 18% kepada 23% pada tahun 1988 ini, dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, para pengedar bumiputera hanya berjaya menjual 11% berbanding dengan kuota 18% seperti yang dijangkakan adalah kerana bilangan pengedar bumiputera masih tidak mencukupi. Bagi memastikan pengedar bumiputera mencapai kuota sepenuhnya pada tahun 1988 iaitu sebanyak 23%, pihak Kerajaan telah berbincang dengan EON supaya lebih banyak syarikat bumiputera dilantik sebagai pengedar baru supaya pencapaian kuota dapat dilakukan dengan secepat mungkin.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menggambarakan bahawa suatu kegagalan dalam pencapaian matlamat untuk menentukan bumiputera melibatkan diri dalam pengedaran kereta-kereta ini. Bolehkan Yang Berhormat selain sebab

yang disebutkan adakah sebab-sebab lain termasuk komisen rendah, untung tidak banyak dan sebagainya yang menyebabkan kegagalan ini, mundurnya ataupun minat tersekat di kalangan peniaga-peniaga bumiputera untuk mengendalikan penjualan sebagaimana yang disebutkan.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan yang di-Pertua, yang penting adalah sebab-sebab pengedar bumiputera itu menjual kurang daripada bukan bumiputera kerana kebanyakan wakil-wakil pengedar bumiputera lokasinya di bandar-bandar kecil. Dan dengan itu pasarannya adalah terhad. Dan juga pengedar-pengedar bumiputera mempunyai modal yang agak terhad dan lebih kecil jika dibandingkan dengan pengedar-pengedar bukan bumiputera. Itulah sebab yang penting mereka tidak bersaing dengan pengedar-pengedar bukan bumiputera dengan penjualan kereta.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah, Yang Berhormat beri angka berapa banyak Proton Saga yang dijual di bandar dengan luar bandar sebab ladi Yang Berhormat sebut ada perkataan "pekan kecil". Jadi tentulah dapat dibezakan di antara penjualan Proton Saga di bandar dan juga di luar bandar sebab daripada mata memandang menunjukkan bahawa Proton Saga lebih beredar di kawasan luar bandar daripada kawasan bandar sebab orang bandar lebih suka kereta-kereta lain.

Yang keduanya semasa pengeluaran pertama Aeroback dahulu kita dapati pengedar-pengedar bumiputera sangat sukar untuk mendapatkan kereta dan ada tempahan yang dibuat di Perlis sampai 3 bulan baru dapat kereta, jadi makna kata kereta ini diedarkan melalui EON dahulu sebelum dihantarkan kepada pengedar-pengedar bumiputera. Jadi apakah benar bahawa apabila goreng pisang ataupun kereta ini tengah laku pengedar-pengedar ini tidak men-

dapat kereta tetapi setelah tidak laku orang telah jemu tengok Aeroback barulah diberi kereta dengan banyaknya.

Tuan M.G. Panditban: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama itu, saya perlu notis kerana saya tidak ada bilangan di sini.

Yang kedua itu saya akan siasat atas dakwaan itu.

PELABURAN ASN YANG TERKUMPUL

12. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Perdana Menteri menerangkan sejak PNB dilancarkan pada tahun 1978 nyatakan:

- (a) jumlah Ahli dan nilai pelaburan yang terkumpul dalam ASN;
- (b) jumlah syarikat dalam dan luar negeri dan jumlah pelaburan yang dilakukan; dan
- (c) nilai aset yang terkumpul.

Kiranya kejayaan PNB menjadi daya ukur kepada minat dan keupayaan kaum bumiputera untuk melabur adakah Kerajaan bercadang untuk meningkat had pelaburan kepada \$100,000.00 seorang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua:-

- (a) (i) Sehingga 31 hb. Mei, 1988 seramai 2,317,984 orang bumiputera telah menyertai Skim Amanah Saham Nasional dengan pelaburan bersih terkumpul (termasuk dividen dan bonus) sebanyak \$4,327.2 juta.
- (ii) Sehingga 30 hb. April, 1988 PNB telah melabur dalam

91 buah syarikat (88 buah syarikat tempatan dan 3 buah syarikat asing) dengan nilai sebanyak \$2,935 juta. Sementara Skim Amanah Saham Nasional pula telah melabur dalam 93 buah syarikat tempatan dengan nilai pelaburan sebanyak \$4,760 juta.

- (iii) sehingga 31hb Disember, 1987 nilai aset bersih terkumpul PNB ialah \$4,723.9 juta. Sementara nilai aset bersih terkumpul Skim ASN ialah \$4,065.7 juta.

- (b) Perkara mengenai peningkatan had maksima pelaburan sedang dalam kajian pihak ASN.

SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH — PERUNTUKAN PEMBINAAN BANGUNAN

13. Tuan Mkhael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang ada bagi tujuan pembinaan Bangunan Sekolah di Sabah. Bilakah peruntukan dapat dikeluarkan bagi pembinaan SK Kampung Padas Sg. Sibuga dan SK Abuan Sugut di Daerah Beluran.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima sehingga 30hb April, 1988 sebanyak \$22,557,422 telah dibelanjakan bagi Pembangunan Pendidikan Rendah dan sebanyak »58,726,749 bagi Pembangunan Pendidikan Menengah di Negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Lima, projek-projek yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan di Sabah ialah 60 projek merangkumi 579 bilik darjah untuk maksud pendidikan rendah dan 48 projek merangkumi 802 buah bilik darjah untuk maksud pendidikan menengah dan 54 unit rumah guru dan 6 projek asrama.

Kajian awal Kementerian ini menunjukkan belum berdaftar keperluan jangka panjang lagi mendirikan sebuah sekolah di Kampung Padas, Sg. Sibuga dan sebuah sekolah di Kampung Abuan Sugut di Daerah Beluran. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan ini sedang memerhatikan perkembangan penduduk di kawasan berkenaan dalam jangka panjang untuk memastikan keperluan sekolah di kawasan berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati daripada penggal Parlimen ini, saya ingat banyak soalan berkenaan pembinaan sekolah di Sabah telah ditimbulkan. Makna kata pembinaan ini adalah masalah. Apakah Kementerian bercadang untuk menswastakan pembinaan sekolah-sekolah di Sabah ini dengan cara turnkey kerana kita dapati Sabah mempunyai banyak peniaga dan juga kontraktor-kontraktor yang berpotensi dan kaya-kaya yang boleh membantu Kerajaan dalam hal ini. Dengan itu Yang Berhormat tidak payah lagi menjawab soalan mengenai sekolah-sekolah yang saya rasa amat bersimpati dengan rakan-rakan daripada Sabah.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham sedikit maksud menswastakan bangunan sekolah. Sekiranya kita hendak menswastakan untuk membina bangunan sekolah, ini bererti bahawa Kementerian Pendidikan hendak membayar sewa tiap-tiap bulan kepada orang swasta dan sekiranya kita hendak menswastakan bangunan sekolah iaitu kita memakai pemborong swasta. Dahulu kita dapat pengalaman iaitu kita ada projek kilat dan pemborong itu tidak dapat membina bangunan-bangunan dengan sempurna dan Kementerian Pendidikan hendak ambil balik dan melantik pemborong baru untuk membina sekolah yang sudah terbengkalai itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 8 dan 14 hingga 58 adalah diberi dibawah ini).

FERI MALAYSIA — PERKHIDMATAN

Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bagaimanakah pencapaian perkhidmatan Feri Malaysia setelah tergendala untuk beberapa waktu;
- (b) adakah pihak Kementerian berkenaan mempunyai rancangan untuk meluaskan perkhidmatan Feri Malaysia ke negara-negara jiran yang dekat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):

- (a) Walaupun perkhidmatan Feri Malaysia telah tergendala selama lebih kurang 2½ bulan di dalam tahun 1987 kerana kebakaran, Cruise Muhibah terus mendapat sambutan pihak awam. Bilangan penumpang yang menaiki Cruise Muhibah pada tahun ini tidak begitu terjejas akibat daripada peristiwa tersebut. Dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 1988 seramai 12,102 orang telah menggunakan perkhidmatan Ouise Muhibah. Selain daripada itu dengan penambahan satu lagi destinasi iaitu Pelabuhan Kelang dalam perkhidmatan Cruise Muhibah dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak di samping Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu, adalah diharapkan penggunaan Feri Malaysia akan dapat dipertingkatkan lagi.

(b) Buat masa ini, pihak Feri Malaysia tidak mempunyai rancangan untuk meluaskan perkhidmatannya ke negara-negara jiran yang dekat. Ini adalah kerana Feri Malaysia terikat dengan kontrak dengan Kementerian Pertahanan untuk mengangkut anggota-anggota tentera setiap minggu daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak serta sebaliknya. Tambahan pula ianya tidak selaras dengan matlamat utama perkhidmatan Feri Malaysia iaitu menggalakkan integrasi nasional antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun jika ada masa terluang dan sekiranya ada pihak-pihak tertentu yang berminat hendak membuat tempahan khas, pertimbangan boleh diberi untuk menyesuaikan keperluan mereka itu di luar laluan biasa.

BAYARAN LESEN BOT

8. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pertaman menyatakan sama ada Kementerian sedar beban pembayaran lesen bot yang ditanggung oleh nelayan. Jika sedar adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran lesen.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Kadar bayaran *lesen bot* di dalam Akta Perikanan 1985 (Akta Baru) dan di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 adalah sama. Oleh yang demikian, ia tidak akan membebankan nelayan.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan di dalam kadar bayaran *lesen perkakas* menangkap ikan di laut dalam dan kadar bayaran wang pertaruhan (deposit) di dalam kedua-dua undang-undang perikanan tersebut di atas.

Kenaikan bayaran lesen perkakas tersebut dinaikkan berasaskan kepada

sebab-sebab di antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) Untuk menentukan hanya pengusaha-pengusaha yang berminat dan berkemampuan sahaja yang akan memohon lesen.
- (b) Penerokaan perikanan laut dalam akan memberikan keuntungan yang tinggi. Oleh yang demikian kenaikan kadar bayaran lesen perkakas adalah seimbang dengan pendapatan yang dipenuhi.
- (c) Dengan kenaikan bayaran lesen perkakas dan wang pertaruhan ia akan menjadi sebagai pencegah kepada bot-bot besar yang menangkap ikan di laut dalam dari mencero bohi kawasan perairan pantai oleh kerana bot-bot tersebut jika ditangkap dan jika didapati bersalah oleh Mahkamah, lesen tersebut dan wang pertaruhan akan dirampas, di samping mereka dikehendaki membayar denda.

Ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran lesen perkakas tersebut.

SURUHANJAYA PILIHANRAYA — KAJIAN TATACARA PILIHANRAYA

14. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya bercadang meninjau dan mengkaji cara-cara perjalanan pilihanraya, misalnya menggunakan mesin hitung untuk kiraan undi dan Kerajaan akan memberitahu setiap pengundi tentang tempat, tarikh dan masa membuang undi supaya pilihanraya diadakan dengan lebih adil dan licin. Jika tidak, mengapa.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Suruhanjaya Pilihanraya dari

semasa ke semasa mengkaji kesesuaian prosedur-prosedur dan tatacara pilihanraya termasuk tatacara pemungutan dan pengiraan undi dan sehingga kini mendapati bahawa kaedah-kaedah dan tatacara yang digunakan oleh Suruhanjaya di dalam semua aspek perjalanan pilihanraya masih sesuai dan boleh dijalankan dengan berkesan dan baik. Penggunaan mesin hitung untuk pengiraan undi sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat itu masih difikirkan tidak sesuai dan boleh membawa masalah yang lebih besar daripada cara manual yang digunakan sekarang ini.

Penggunaan mesin kira boleh mengakibatkan adanya tuduhan-tuduhan dan petisyen-petisyen kononnya mesin kira-kira telah diubahsuai atau direka bentuk untuk menentukan bahawa calon-calon tertentu boleh menang di dalam pilihanraya tertentu dan tuduhan seperti ini boleh mengakibatkan kurang kepercayaan awam terhadap Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengenai cadangan supaya setiap pengundi diberitahu tentang tarikh, tempat dan masa membuang undi, perkara ini dikirakan amat sukar hendak dilaksanakan kerana kebanyakan pengundi tidak membekalkan alamat yang tepat bahkan bagi kawasan luar bandar pengundi-pengundi tiada langsung mempunyai alamat pos.

Di dalam suatu percubaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini beberapa tahun lepas bagi beberapa bahagian pilihanraya tertentu hanya kira-kira 30 peratus sahaja notis pemberitahu yang dihantar oleh Suruhanjaya telah sampai kepada pengundi. Bakinya dikembalikan oleh pihak pos kepada Suruhanjaya atas alasan pengundi tidak ada di alamat yang berkenaan atau pengundi tidak dapat dikesan kerana alamat tidak jelas. Memandangkan tindakan yang demikian memakan belanja yang besar dan hasilnya sangat tidak memuaskan

maka Suruhanjaya telah tidak meneruskan rancangan itu dan terpulanglah kepada parti-parti politik dan calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya untuk menghubungi pemilih-pemilih secara individu untuk memberitahu khususnya tempat-tempat membuang undi. Tarikh dan masa membuang undi sememangnya dihebahkan menerusi notis-notis pilihanraya dan media massa yang lain dan tidak timbul sebarang masalah mengenainya.

PEMINDAHAN BUAH PINGGANG/KORNEA/JANTUNG DI HOSPITAL

15. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammad: minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah kes "Pernindahan Jantung", "Mata" dan "Buah Pinggang" yang telah dijalankan oleh mana-mana hospital di Malaysia; sekiranya ada apakah ianya telah mencapai kejayaan yang diiktirafkan dan jika tidak apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang sedang disusun untuk mencapai ke tahap yang tersebut bagi menjimatkan pengaliran wang ketuar negeri dan memberikan kemudahan kepada rakyat sendiri;
- (b) "Hospital Mata" yang sedang dibina di Pulau Langkawi dengan kerjasama Russia adakah untuk tujuan perniagaan atau kebajikan. Tenaga-tenaga pakar yang akan digunakan adakah sepenuhnya daripada Russia, Antarabangsa atau di waktu yang sama akan melatih pakar-pakar mata Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Pada masa sekarang pemin-dahan buah pinggang dan pe-

mindahan kornea (bukan pemindahan mata) boleh dilakukan di negara ini. Sungguhpun pemindahan jantung (heart transplant) tidak dilakukan di negara ini, pembedahan jantung (open and closed heart surgery) boleh dilakukan di negara ini.

Bilangan kes yang telah menjalani pemindahan buah pinggang di Hospital Besar Kuala Lumpur dari tahun 1975 hingga Jun 1988 ialah 306 orang, sementara bilangan kes yang telah menjalani pemindahan kornea dari tahun 1974 hingga 1987 ialah 65 orang. Sejak perkhidmatan pembedahan jantung di Hospital Besar Kuala Lumpur dimulakan (tahun 1982) hingga tahun 1987, seramai 2984 kes telah menjalani pembedahan tersebut.

Perkhidmatan rawatan pembedahan dan pemindahan tersebut adalah setanding dengan tahap rawatan yang diperolehi di negara-negara lain. Ianya telah menunjukkan kadar kejayaan yang tinggi dan memuaskan.

Walau bagaimanapun, terdapat pesakit-pesakit yang pergi ke luar negeri untuk mendapatkan rawatan tersebut atas pilihan mereka sendiri.

Hanya beberapa pesakit jantung sahaja yang dirujuk dari Kementerian ini ke luar negeri, kira-kira 10 pesakit setiap tahun, untuk mendapatkan rawatan lanjut iaitu kes-kes jantung yang lebih kompleks ataupun yang menghadapi risiko yang tinggi.

Kementerian Kesihatan secara berperingkat dan mengikut kemampuan sentiasa berusaha untuk meninggikan taraf kemudahan rawatan tersebut.

- (b) Pihak firma yang berkenaan sedang memohon untuk membina sebuah "Hospital Mata" di Pulau Langkawi. Laporan awal menyatakan bahawa hospital tersebut akan berfungsi sebagai "hospital swasta". Kementerian Kesihatan belum diberitahu lagi mengenai organisasi dan pengurusan hospital ini. Oleh itu, saya tidak dapat memaklumkan akan tenaga pakar yang digunakan dan sama ada latihan diberikan kepada pakar-pakar mata Malaysia.

KES YANG BELUM DISELESAIKAN DI MAHKAMAH

16. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kehakiman memberitahu Dewan mengenai:-

- (a) jumlah kes setakat ini yang belum diselesaikan oleh mahkamah di seluruh negara;
- (b) tempoh minima dan maksima kes dapat dibawa dan diputuskan oleh Mahkamah; dan
- (c) langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi menentukan kes-kes tertangguh itu dipercepatkan proses perbincangannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Setakat ini jumlah kes yang belum diselesaikan oleh mahkamah di seluruh negara ialah:

(i) Di Mahkamah Tinggi	88,072 kes
(ii) Di Mahkamah Sesyen	47,221 kes
(iii) Di Mahkamah Majistret	204,871 kes
Jumlah	<u>430,164</u>

(b) Tempoh minima dan maksima sesuatu kes dapat dibawa dan diputuskan oleh mahkamah tidak dapat ditentukan kerana ianya bergantung kepada keadaan dan jenis kes serta peringkat mahkamah yang mengendalikan.

(c) Kerajaan telah sedang dan akan mengambil tindakan bagi mempercepatkan perbicaraan kes di Mahkamah iaitu seperti berikut:-

(i) Akta Mahkamah Rendah, 1948 telah dipinda dan dengan terlaksananya Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1987 mulai 1hb. Ogos 1987 di Semenanjung dan mulai 1.9.87 di Sabah dan Sarawak kes-kes sivil \$100,000 ke bawah akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan tidak lagi di Mahkamah Tinggi dan seterusnya kes-kes sivil \$25,000 ke bawah akan dibicarakan di Mahkamah Majistret Kelas I dan kes-kes sivil \$3,000 ke bawah di Mahkamah Majistret Kelas II.

(ii) Satu Jawatankuasa Khas yang terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Kehakiman dan Kementerian Kehakiman telah dibentuk untuk meneliti kedudukan dan menimbang keperluan perjawatan mahkamah-mahkamah dan jabatan-jabatan di Kementerian Kehakiman.

(iii) Jawatan-jawatan yang masih kosong di Mah-

kamah-mahkamah akan diisi dari masa ke semasa.

(iv) Di samping meningkat kemahiran pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes, alat-alat kelengkapan pejabat seperti sistem Mikro Komputer dan "Word Processor" juga telah dibekalkan kepada mahkamah-mahkamah.

(v) Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur pentadbiran mahkamah sedang dikaji untuk dibuat perakuan dengan tujuan untuk melicinkan urusan dan meningkatkan kecekapan mahkamah.

(vi) Segala usaha sedang dibuat bagi mendapatkan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam pengendalian kes seperti pihak pendakwa, pembela, saksi-saksi dan jabatan-jabatan yang berkaitan membantu pihak mahkamah mempercepatkan perbicaraan kes-kes.

TAHANAN ISA—SOAL SIASAT

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Cawangan Khas Polis telah melanggar kaedah lokap semasa tempoh Oktober-Disember 1987 dengan menaklukkan orang-orang tahanan ISA yang ditahan di bawah Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri kepada soalsiasat pada waktu malam serta dalam beberapa kes tertentu siang-malam; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat itu; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Semua soal siasat yang dijalankan terhadap orang-orang tahanan yang ditahan di bawah seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah mengikut waktu yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Lokap L.N. 328 Tahun 1953.

Sekiranya ada bukti-bukti yang jelas menunjukkan ada pegawai-pegawai yang melanggar peraturan-peraturan tersebut, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pegawai-pegawai berkenaan.

MARA—CAWANGAN INSTITUT

18. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) jumlah cawangan-cawangan Institut MARA yang terdapat hingga hari ini;
- (b) sejak ia ditubuhkan hingga ke hari ini berapa ramaikah penuntut yang terdapat telah dikeluarkan mengikut jurusan pengajian; dan
- (c) berapakah peruntukan pembangunan yang dikhaskan kepada MARA setiap tahun hingga tahun 1988.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah);

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, MARA mempunyai beberapa buah institut seperti Institut Teknologi MARA (ITM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Walau bagaimanapun, ITM telah diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan semenjak tahun Jun 1976. Institut di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar ialah Institut Kemahiran MARA (IKM) yang mempunyai 9 buah cawangan iaitu di Johor Bahru, Jasin, Pekan, Lumut, Alor Setar, Sungai Petani, Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Sarawak.

- (b) Sehingga 31 Disember 1987 jumlah keluaran penuntut IKM mengikut bidang kursus adalah seperti berikut:-

<i>Jumtsan Pengajian</i>	<i>Bilangan</i>
Bangunan	4,353
Elektrik	2,240
Jahitan	997
Fabrikasi	2,243
Kerja-kerja Logam	2,536
Lukisan	3,094
Otomobil	3,561
Perkilangan papan	437
Pertukangan kayu	1,809
Elektronik	1,141
Solekan	421
	<hr/>
	21,832

- (c) Peruntukan pembangunan yang telah dikhaskan kepada MARA setiap tahun adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1966—1970	58,833,000
1971—1975	172,018,932
1976—1980	397,178,746
1981—1985	1,203,751,000
1986	266,777,510
1987	216,180,000
1988	288,817,000

BANK BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE—SAMAN OLEH CUL

19. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan jika Bank Bumiputra sedang disaman oleh China Underwriters Life and General Insurance Co. Jika ia, beri butir-butir.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa Bank Bumiputra sedang disaman oleh China Underwriters Life and General Insurance Company (CUL). Walau bagaimanapun anak syarikatnya di Hong Kong iaitu Bank Bumiputra Malaysia Berhad Finance (Hong Kong) Limited (BMF) telah menerima 'writ' daripada, dengan izin, 'Liquidator' bagi CUL. BMF telahpun menyatakan bahawa ia akan menentanginya.

Oleh kerana kes tersebut akan didengar di mahkamah, tidaklah wajar bagi saya memberi butir-butir lanjut mengenainya.

KEMATIAN AKIBAT AMUKAN/AJARAN SESAT

20. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kematian/pembunuhan akibat amukan dan ajaran sesat dari tahun 1980 hingga masa kini (1988) dan apakah usaha-usaha bagi mengatasinya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kematian akibat amukan dan ajaran sesat bagi tempoh 8 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 1980 sehingga bulan Jun 1988 ialah seramai 66 orang. Kerajaan sememangnya sentiasa merancang dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini. Mengenai masalah kegiatan kumpulan ajaran sesat, pihak kerajaan dari masa ke semasa memberi penerangan kepada orang ramai tentang bahayanya kegiatan kumpulan tersebut, Kegiatan pertumbuhan-pertumbuhan agama, seni silat dan seumpamanya telah dikenalpasti oleh pihak kerajaan supaya ianya tidak bertentangan serta menyeleweng dari ajaran agama sebenar. Bagi mengatasi masalah ini juga kerajaan pada 8.5.1984 telah mengeluarkan satu "Kertas Putih" ber-

tajuk "Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara" bagi menjelas dan menghuraikan dengan panjang lebar mengenai kegiatan kumpulan ajaran sesat yang dikenalpasti mengancam keselamatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, kejadian-kejadian amukan pula kebanyakannya dilakukan oleh orang yang kurang siuman atau hilang akal dan sakit jiwa. Kebanyakan mereka dapat ditangkap dan dihantar ke hospital untuk rawatan dan ada juga di antaca mereka yang dituduh di mahkamah.

PEMUSNAHAN HUTAN DAN HARGA BALAK

21. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (i) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteriannya bagi menghentikan pemusnahan hutan yang berleluasa di Malaysia terutamanya di Sabah; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteriannya menstabilkan harga balak.

Dato' Alias bin Md. Ali: Adalah tidak benar aktiviti pemusnahan hutan berleluasa di Malaysia. Daripada sejumlah 33.0 juta hektar keluasan tanah negara adalah dianggarkan 20.4 juta hektar atau 61.8% daripadanya adalah kawasan hutan. Daripada keluasan tersebut 12.7 juta hektar telah dijadikan Hutan Simpan Kekal (Permanent Forest Estate). Sementara seluas 4.7 juta hektar atau 14.2% telah dibangunkan bagi keperluan pertanian dan pembangunan tanah. Hutan Simpan Kekal yang seluas 1217 juta hektar ini adalah ditadbir, di bawah pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustained Yield Management). Dari jumlah tersebut 9.0 juta

hektar dijadikan hutan produktif dan 3.7 juta hektar sebagai hutan perlindungan yang tidak boleh dibalak.

Perlu ditekankan juga yang Kerajaan sentiasa sedar bahawa sumber-sumber hutan akan terus memainkan peranan yang pentiang terhadap pembangunan sosio-ekonomi, ekologi dan kestabilan alam sekitar negara ini. Sebagai sumber asli yang boleh diperbaharui hutan mestilah diurus dengan kaedah yang sistematik dan sempurna sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan supaya faedah/manfaat yang diperolehi dapat dinikmati secara optima dan berterusan.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurus sumber-sumber hutan dengan baik tanpa berlaku pemusnahan hutan, di Malaysia, adalah seperti berikut:-

- (a) Melaksanakan Sistem Pengurusan Mencilah (Selective Management System).
- (b) Menjalankan rawatan silvikultur dan tanaman mengaya ke atas kawasan hutan yang telah di balak.
- (c) Menetapkan Caturan Tebangan Tahunan berdasarkan kepada keluasan Hutan Simpan Kekal yang sedia ada di setiap negeri mengikut konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Caturan Tebangan Tahunan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990) adalah 71,200 hektar sahaja berbanding dengan 74,869 hektar setahun dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981) - 1985). Di Sabah kadar tebangan telah berkurangan dari 162,000 hektar pada tahun 1982 kepada 131,088 hektar pada tahun 1987.
- (d) Menubuhkan Ladang Hutan Kompensatori dengan tanaman

pokok dari species yang cepat membesar. Seluas 188,000 hektar ladang hutan di rancang untuk ditubuhkan di Semenanjung dan 250,000 hektar di Sabah.

- (e) Sementara itu Jabatan Hutan negeri Sabah juga memperuntukkan 20% daripada Hutan Simpan di negeri itu untuk diklasifikasikan sebagai kawasan perlindungan, hutan dara, hutan simpan hidupan liar taman rekreasi di mana aktiviti membalak tidak dibenarkan di kawasan tersebut, di samping memperuntukkan sejumlah \$4 juta setahun bagi aktiviti meng-hutan semula dan rawatan silvikultur, serta mengurangkan pemberian konsesi membalak.
 - (ii) Mengenai kestabilan harga balak langkah yang dijalankan adalah melalui kawalan kadar penebangan dan eksport. Di samping itu Kerajaan menggalakkan supaya balak diproses dalam negeri melalui penubuhan industri pemprosesan kayu kayan, terutama di peringkat hiliran. Galakan Kerajaan ini termasuklah menyediakan berbagai jenis pengecualian dan pemotongan kadar cukai, melonggarkan peraturan pemegangan ekuiti asing dan penggunaan 'expatriate' dalam perusahaan kayu kayan, mengurangkan peraturan-birokratik berhubung dengan penubuhan dan operasi perusahaan kayu kayan serta menjalankan kempen menarik pelaburan asing. Seterusnya usaha dijalankan oleh agensi pemasaran kayu di Sabah dan Sarawak

untuk meluaskan pasaran baru kayu balak.

Kerajaan Negeri Sabah telah mengamalkan dasar kuota eksport kayu balak dengan menghadkan jumlah jumlah isipadu balak maksimum yang boleh dieksport keluar negeri dalam satu-satu tahun dan mengadakan harga kawalan (Check price) iaitu tahap harga minimum eksport balak ke luar negeri. Eksport tidak dibenarkan sekiranya harga kurang daripada tahap minimum yang ditetapkan, sementara itu Kerajaan negeri Sarawak pula akan memastikan 10% daripada keluaran balak tahunan untuk kegunaan industri tempatan. Dengan merasionalisasikan bekalan balak kepada pasaran antarabangsa, penggunaan balak yang meningkat di dalam negeri dan pasaran yang lebih meluas, harga balak akan dapat dipertahankan pada kadar yang memuaskan bagi para pengusaha balak.

Dengan penubuhan Malaysian Timber Organisation (MTO) yang merangkumi semua persatuan-persatuan kayu kayan di Malaysia baru-baru ini adalah diharapkan pihak-pihak industri kayu kayan dapat mempertingkatkan lagi penggunaan bahan-bahan kayu di dalam negeri serta mendapatkan pasaran di luar dan harga kayu kayan yang kian berpatutan.

BAYI DI BAWAH JAGAAN PUSAT KEBAJIKAN

22. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah bayi-bayi di bawah jagaan Pusat-pusat Kebajikan di seluruh negara di mana ibubapa mereka belum dapat dikesan oleh CPCR (Centre for the Protection of Children's Right). Dan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa bayi-bayi dipercayai ada diseludupkan ke negara ini. Apakah rancangan-rancangan yang diperkenalkan oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fab Kui): Sekarang ini terdapat 25 bayi yang berada di Rumah Kanak-kanak di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat di mana ibubapa mereka belum dapat dikesan. Kementerian ini sedar kemungkinan mereka itu dipercayai diseludup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak terlibat secara langsung dalam urusan mengawal penyeludupan bayi. Kementerian ini hanya memberi khidmat sokongan dengan cara menjaga dan memberi perlindungan kepada bayi itu semasa mereka berada di negara ini sementara siasatan dan tindakan diambil oleh pihak Polis dan Imigeresen. Untuk mengatasi masalah penyeludupan ini, agensi-agensy yang mengawal urusan keluar-masuk di sempadan seperti Jabatan Polis dan Imigeresen telah memperingkat dan mengetatkan kawalan kemasukan.

MARDI — TIN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

23. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) apakah usaha Kementerian menerusi agensinya dalam mengetin buah-buahan tempatan seperti rambutan, mangga dan sebagainya di Kedah;
- (b) apakah usaha Kementerian dalam memajukan tanah-tanah terbiar di Kedah dan berapa luas tanah sedemikian; dan
- (c) adakah Kementerian sedar dengan sistem kupon subsidi yang dikeluarkan menerusi kilang-kilang LPN amat tewart dan sukar pada penanam padi perolehinya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Kementerian Pertanian menerusi MARDI telahpun mempunyai teknologi yang cukup untuk memproses buah-buahan tempatan sebagai jus dan ditinkan seperti rambutan, mangga, manggis dan lain-lain. Selain dari itu buah-buahan seperti cermai, sentul, rambai dan lain-lain boleh dijadikan jeruk. MARDI juga telah mengadakan kursus-kursus pemprosesan tertentu di negeri Kedah.

Selain dari itu MARDI dengan kerjasama UPEN Negeri Kedah dan KEDA sedang menjalankan kajian bagi menyediakan satu rancangan pembangunan industri makanan termasuk pemprosesan buah-buahan untuk Negeri Kedah.

- (b) Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTKW) dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) adalah terlibat dalam usaha-usaha untuk memulih dan memajukan tanah terbiar di negeri Kedah. Kementerian Pertanian bertanggungjawab untuk memajukan tanah sawah terbiar manakala

KPNLB melalui agensinya FELCRA dan KKTKW melalui RISDA bertanggungjawab untuk memajukan tanah bukan sawah terbiar.

Dalam usaha untuk memulih dan memajukan tanah sawah terbiar, Kementerian Pertanian telahpun mengadakan satu program khas berkuatkuasa semenjak tahun 1981. Di bawah program ini, Kementerian Pertanian telah menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai kos infrastruktur bagi sesuatu projek pemulihan tanah terbiar iaitu meliputi kos pengairan, jambatan dan jalan ladang. Bagi membiayai kos-kos pembangunan yang lain, Kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan secara pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia dengan dikenakan syarat-syarat pinjaman yang mudah. Di samping itu sebuah Jawatankuasa Tanah Sawah Terbiar juga telah ditubuhkan di negeri Kedah bagi melaksanakan kerja-kerja mengesan, merancang dan menyelesar projek pemulihan tanah sawah terbiar di negeri Kedah. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini adalah untuk memesatkan pemulihan tanah sawah terbiar.

Shingga akhir tahun 1987, seluas 5,197 hektar tanah sawah terbiar di negeri Kedah telah dapat dipulihkan. Jumlah keluasan tanah sawah yang masih belum dimajukan ialah sebanyak 4,155 hektar.

- (c) Pada kebiasaannya, pengeluaran kupon subsidi dibuat pada hari yang sama, apabila urusan jualan padi telah selesai. Pada musim penunaian padi yang memuncak kemungkinan terdapat sebilangan kupon subsidi

yang tidak sempat dikeluarkan pada hari yang sama. Walau bagaimanapun kelewatan dipastikan tidak melebihi dari dua (2) hari.

LPN biasanya mengambil tindakan melantik kakitangan tambahan bergaji hari bagi mempercepatkan proses pengeluaran kupon khusus untuk menghadapi musim kemuncak penunaian padi.

Bagi kupon subsidi yang amat lewat dan sukar pada penanam padi memperolehnya adalah disebabkan:

- (i) Wakil atau pelesen membeli padi lewat datang untuk mengambil kupon.
- (ii) Wakil atau pelesen membeli padi lewat menyerahkan kepada pesawah-pesawah.

Kelewatan ini disebabkan oleh kesibukan mereka semasa musim kemuncak penunaian padi.

PENGANGGURAN

24. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kadar pengangguran di negara kita pada tahun 1985, 1986 dan 1987. Bagaimanakah keadaan kadar tersebut pada 5 bulan tahun 1988 dengan pertumbuhan ekonomi negara kita. Apakah kadar pengangguran yang munasabah untuk negara kita dan bilakah negara kita boleh mencapai kadar sesuai tersebut.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Kadar pengangguran di negara kita bagi tahun 1985 hingga 1987 adalah seperti berikut:-

<i>Tahun</i>	<i>Kadar Pengangguran</i>
1985	6.9 peratus
1986	8.3 peratus
1987	8.7 peratus

Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus meningkat pada tahun 1988 tetapi kadar pengangguran dianggarkan akan meningkat kepada 9.3 peratus. Peningkatan kadar pengangguran ini terutamanya disebabkan oleh kadar pertumbuhan tenaga buruh yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan gunatenaga atau pekerjaan.

Matlamat gunatenaga negara kita dalam jangka panjang ialah untuk mencapai tingkat gunatenaga penuh. Gunatenaga penuh oleh ditakrifkan dengan berbagai tingkat pengangguran daripada 4 peratus hingga 6 peratus bergantung kepada peringkat pembangunan ekonomi dan faktor-faktor lain. Untuk mencapai matlamat gunatenaga penuh, negara kita memerlukan satu tempoh pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan bagi menghasilkan kadar pertumbuhan gunatenaga yang tinggi.

MINYAK KELAPA/MINYAK KELAPA SAWIT — PASARAN

25. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah minyak kelapa makan yang dibawa masuk dari luar negeri dan apakah usaha memperluaskan pasaran minyak kelapa sawit di dalam dan luar negeri.

Dato' Alias bin Md. Ali: Jumlah minyak kelapa yang dibawa masuk di sepanjang tahun 1987 adalah sebanyak 7021 tonne, bernilai \$7.46 juta. Sejumlah 6432 tonne atau 91.6% adalah dalam bentuk minyak kelapa mentah manakala bakinya adalah dalam bentuk proses.

Mengenai usaha memperluaskan

pasaran bagi minyak kelapa sawit dalam negeri, pada 3 Jun 1988, suatu Kempen Minyak Kelapasawit Kebangsaan telah dilancarkan. Di bawah Kempen ini, usaha-usaha sedang dijalankan untuk menjelaskan tentang khasiat-khasiat minyak kelapa sawit kepada para pengguna. Ini dilaksanakan dengan cara mengadakan pameran-pameran, majlis-majlis ceramah, pertunjukan memasak, poster-poster, papan-papan iklan, penayangan filem-filem dokumentari dan sebagainya.

Saya ingin menjelaskan bahawa setengah-setengah aktiviti tersebut, seperti pertunjukan memasak menggunakan minyak kelapasawit dan majlis-majlis ceramah, telahpun dijalankan sebelum pelancaran Kempen Kebangsaan itu. Dengan pelancaran Kempen itu, ianya dipergiatkan lagi dan diselaraskan dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Dengan kata lain, usaha memperluaskan bagi minyak kelapasawit dalam negeri telah pun diusahakan sebegitu lama. Adalah dianggarkan bahawa lebih dari 80% dari minyak masakan yang digunakan dalam negara kita adalah minyak sawit.

Di luar negeri, usaha-usaha untuk memperluaskan pasaran bagi minyak kelapasawit, di antara lain, adalah seperti berikut:-

- (a) Menghantar misi-misi galakan pasaran;
- (b) Mengadakan Khidmat Nasihat Teknikal kepada para pengguna atau pihak-pihak yang berpotensi menjadi pengguna;
- (c) Menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa;
- (d) Berunding dengan Kerajaan-kerajaan asing untuk mengatasi rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif yang menghalang penggunaan minyak kelapa-

sawit di negara-negara yang berkenaan;

- (e) Menjalankan usaha-usaha risikan pasaran untuk menentukan potensi pasaran dan keperluan para pengguna;
- (f) Menjalankan usaha-usaha penyelidikan untuk memperbagai dan memperluaskan penggunaan minyak kelapa-sawit; dan
- (g) Usaha-usaha kawalan mutu, khususnya menentukan para pengeksport menepati spesifikasi kontrak jual-beli dengan pembeli-pembeli.

AL-QURAN — KAWALAN DAN LESEN MENCETAK

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah tugas Lembaga yang berkaitan dengan masalah pengawalan dan perlesenan mencetak Al-Quran yang ditubuhkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Berhubung dengan Al-Quran yang diimport dari luar negeri yang terlibat dengan kesilapan berkenaan, sila nyatakan nama penerbit atau pencetak mengikut negara masing-masing.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 memberi kuasa kepada Ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran untuk:

- (a) Menerima dan menimbangkan permohonan lesen mencetak Teks Al-Quran.
- (b) Membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan jika perlesenannya melanggar syarat-syarat pengeluarannya.
- (c) Menerima, menyemak dan

memperakui kesahihan pruf akhir Teks Al-Quran sebelum ianya dicetak.

- (d) Menerima, menyemak dan menimbang permohonan mengimport Teks Al-Quran setelah memperakui secara bertulis bahawa ayat-ayat Al-Quran yang terkandung di dalamnya adalah betul.
- (e) Meneliti kesahihan Teks Al-Quran untuk dijual, diedar atau diterbitkan oleh mana-mana orang di negara ini.

Setakat ini hanya satu jenis Al-Quran sahaja yang diimport yang dapat dikesan oleh Lajnah Tasheh atau Jawatankuasa Penyemak Teks Al-Quran yang mengandungi banyak kesalahan iaitu:

Quran Majeed,
Taj. comp. Ltd.,
Lahor,
Pakistan.

MARDI — MEMODENKAN SEKTOR PERTANIAN

27. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan peranan dan kejayaan pihak MARDI bagi membangunkan dan memodenkan sektor pertanian khususnya petani-petani kecil di luar bandar.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Peranan utama MARDI ialah menjalankan penyelidikan-penyelidikan berkenaan dengan pengeluaran, penggunaan dan cara memproses segala jenis tanaman (kecuali getah dan kelapa sawit) dan ternakan haiwan. Program-program penyelidikan yang dilaksanakan adalah bertujuan menghasilkan teknologi-teknologi wajar yang dapat meningkatkan penghasilan

dan kecekapan pengeluaran bagi memodenkan sektor pertanian serta memaksimumkan pendapatan daripada aktiviti pertanian selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara.

Pada keseluruhannya, program-program penyelidikan MARDI telah menghasilkan penemuan-penemuan yang dapat membantu membangunkan dan memodenkan sektor pertanian dan juga memanfaatkan petani-petani kecil di luar bandar. Secara ringkasnya, program-program penyelidikan MARDI telah dapat mencapai kejayaan, di antara lain, bidang-bidang seperti berikut:-

- (a) Memperkenalkan bahan-bahan tanaman dan baka-baka ternakan dan mewujudkan sistem-sistem pengeluaran yang wajar dan cekap yang berupaya meningkatkan daya pengeluaran.
- (b) Mewujudkan teknik-teknik pengurusan yang cekap dalam bidang pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan hasil-hasil pertanian bagi mengurangkan kehilangan lepas-tuai dan meninggikan mutu hasil-hasil pertanian tersebut.
- (c) Mewujudkan teknologi-teknologi pemprosesan yang meningkatkan penggunaan bahan pertanian dan bahan sampingan sisa-sisa pertanian bagi meningkatkan nilai ditambah.
- (d) Mewujudkan sistem-sistem pengawalan tanaman terhadap makhluk perosak dan penyakit.
- (e) Mewujudkan teknologi-teknologi pengeluaran yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan kerjerihan kerja dan yang berupaya memajukan pertanian secara perdagangan dan besar-besaran.

PEJABAT POS TAWAU

28. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah yang telah terjadi kepada peruntukan sebanyak \$1.6 juta untuk pembinaan sebuah Jabatan Pos baru yang telah dijadualkan bermula pembinaannya pada bulan November 1987 di satu kawasan seluas 0.92 ekar di Tawau, sehubungan dengan jawapan pertanyaan mulut saya di Parlimen pada 6hb. Julai 1987. Bilakah projek tersebut akan dijalankan dan jangka masa yang dikehendaki untuk menyiapkan projek tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Peruntukan sejumlah \$1.6 juta masih lagi dikekalkan untuk membina Pejabat Pos di Tawau. Pada masa ini pihak JKR sedang menyediakan pelan tapakbina serta menyesuaikan pelan sebelum pemanggilan tawaran. Adalah dijangkakan bahawa tawaran akan dibuat pada bulan September 1988 dan pembinaannya akan mengambil masa 18 bulan.

KAD PENGENALAN MERAH

29. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kad-kad pengenalan merah yang telah dikeluarkan bagi 5 tahun kebelakangan ini dan dari jumlah ini, bilangan yang telah dikeluarkan kepada rakyat-rakyat Indonesia dan Pilipina.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah Kad Pengenalan Merah yang telah dikeluarkan dalam masa 5 tahun yang lalu ialah 10,345 keping. Kerajaan tidak menyimpan perangkaan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah mengikut negara asal pemilik-pemilik berkenaan.

PUAN ROSMIE ANNE INDAN — JAWATAN STAFF NURSE

30. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa lamakah kementeriannya mengambil masa untuk memproseskan sesuatu permohonan kerja seperti bagi jawatan Staff Nurse. Dalam hal ini saya ingin mengambil suatu kes yang spesifik iaitu permohonan kerja oleh seorang yang bernama Puan Rosmie Anne Indan (seorang bekas pekerja sebagai Staff Nurse di Hospital Daerah Kota Belud di suatu masa dulu tapi telah meletakkan jawatan apabila beliau pergi ke Australia untuk mengambil kursus dalam jurusan "Nursing and Midwifery" atas usahanya sendiri) yang telah mula dikemukakan menerusi saya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan (sesudah permohonan pertama di tolak) pada 20hb Oktober 1987 tapi hingga kini belumpun diberikan sebarang jawapan meskipun telah dirujuk beberapa kali.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr. Ting Chew Peh): Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, untuk makluman Yang Berhormat, urusan pengambilan kakitangan untuk Kementerian Kesihatan diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu sebagai pihak berkuasa melantik Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan menurut Perlembagaan Persekutuan. Dalam urusan ini amalan yang dipakai ialah urusan pengambilan dibuat melalui iklan. Oleh itu, sekiranya pegawai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu mempunyai syarat maka beliau bolehlah memohon setelah jawatan berkenaan diiklankan.

Mengenai dengan kes permohonan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan berpendapat jawapan yang diberi oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah itu kepada Yang Berhormat tempoh hari sudah memadai.

DADAH DAN GANSTERISME DI SEKOLAH-SEKOLAH

31. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bagaimanakah seriusnya masalah penyalahgunaan dadah dan gansterisme dalam sekolah-sekolah menengah seluruh negara; dan
- (ii) langkah-langkah yang diambil dan akan diambil untuk menyelesaikan dua masalah utama ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah dadah dan gansterisme memang terdapat di sekolah-sekolah khususnya sekolah menengah, tetapi belumlah sampai ke tahap yang membimbangkan. Peratus murid yang terlibat juga adalah sangat kecil. Kementerian Pendidikan telah memilih untuk mendedahkan masalah tersebut untuk mengingatkan guru-guru dan ibu bapa supaya sama-sama mengambil berat tentang masalah itu.

Kementerian Pendidikan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah mengatasi masalah ini. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan ialah:

- (i) Memperbaiki pengawasan dan pengurusan sekolah, melalui panduan dan surat arahan.
- (ii) Membentuk beberapa jawatan-kuasa untuk mempertingkatkan disiplin murid-murid.
- (iii) Mengadakan dan meneruskan ceramah kesedaran akan bahaya dadah kepada semua pelajar, dan ibu bapa.
- (iv) Mendapatkan kerjasama daripada pihak polis dan

Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- (v) Mewujudkan jawatan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah.
- (vi) Menempatkan pegawai di Kementerian Pendidikan dan Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri mengenai hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar.
- (vii) Memasukkan Pendidikan Pencegahan Dadah ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah melalui mata pelajaran Bahasa, Sains Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.
- (viii) Memasukkan Pendidikan Pencegahan Dadah ke dalam kegiatan Ko-Kurikulum seperti projek Skim Lencana Anti Dadah, Pasukan Pakaian Seragam Sekolah, Kelab Bimbingan dan Kaunseling dan juga projek-projek khas seperti Kem Jaya Diri, Kem Kaunseling dan sebagainya.

MAKTAB PERGURUAN — TARAF KELAYAKAN

32. Tuan Nurnikman Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dan menaikkan taraf kelayakan memasuki maktab-maktab perguruan daripada yang ada sekarang iaitu SPM ke STPM. Adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah maktab perguruan di Sabah menggantikan Maktab Gaya yang akan digunakan bagi pusat melatih Bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan bercadang untuk menaikkan taraf

kelayakan memasuki maktab perguruan dari SPM ke STPM walaupun keputusan muktamad belum dibuat. Ini memandangkan bahawa mutu pendidikan kian meningkat; jumlah pelajar yang layak juga meningkat termasuk calon-calon yang mempunyai sijil STPM dan juga di kalangan siswazah. Buat sementara waktu, markah tambahan yang sesuai telah diperuntukkan bagi mata pelajaran yang telah diambil oleh calon dalam peperiksaan STP/HSC/STPM.

Maktab Perguruan Gaya bukan sahaja melatih guru-guru Bahasa Inggeris tetapi juga melatih guru-guru untuk mata pelajaran yang lain. Oleh itu Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mendirikan sebuah lagi maktab perguruan di Sabah.

BANJIR DI KAMPUNG-KAMPUNG

33. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil berhubung dengan banyak aduan-aduan bahawa kampung-kampung di kebanyakan tempat naik air bila musim tengkujuh oleh kerana JPT tidak menjaga secukupnya seperti yang terjadi di Ijok, Perak dalam kawasan Parlimen Larut.

Daio' Alexander Yu Lung Lee: Untuk mengatasi masalah banjir di kampung-kampung, kerja-kerja pengaluran/pengorekan sungai dijalankan oleh Jabatan Parit dan Tali Air melalui program pemeliharaan sungai dari peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Memandangkan banyaknya sungai yang terlibat, maka program penyelenggaraan terpaksa dibuat mengikut giliran setahun hingga lima tahun sekali dan keutamaan ditumpukan kepada sungai-sungai utama yang dapat memberi faedah kepada ramai penduduk dan kawasan-kawasan

tanah tertentu, khasnya kawasan pertanian. Program ini bergantung kepada kemampuan kewangan yang dapat disediakan oleh Kerajaan.

Dalam kawasan Parlimen Larut sahaja terdapat 57 batang sungai sepanjang 330 km. yang perlu diselenggarakan sementara peruntukan 1988 untuk program pemulihan sungai Negeri Perak yang disediakan, sebanyak \$40,000, hanya mencukupi untuk menyelenggarakan sepanjang 22.5 km. sahaja.

Untuk jangka masa panjang, Sg. Ijok berhampiran dengan Terusan Ijok dicadangkan dikorek semula supaya air dapat disalurkan melalui Terusan Ijok ke Kolam Air Bukit Merak. Projek ini dianggarkan menelan belanja sebanyak \$200,000 dan akan dapat dijalankan apabila peruntukan tersebut diperolehi.

BANGUNAN TABUNG HAJI — PEMBINAAN

34. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (i) adakah Kerajaan bercadang untuk membina bangunan Tabung Haji di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Kalau bercadang bilakah selewat-lewatnya bangunan tersebut dibina di daerah-daerah yang berkenaan;
- (ii) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan perkhidmatan mmah ke rumah kepada Jemaah Haji yang menunaikan Haji melalui perkhidmatan Tabung tersebut;
- (iii) adakah kemungkinan bilangan penyimpan-penyimpan di Tabung Haji akan menunaikan Haji di tahun-tahun akan datang bertambah memandangkan pertambahan 19% di tahun ini jika dibandingkan pada tahun 1986. Apakah

sebab-sebabnya bilangan jemaah haji di tahun ini bertambah daripada tahun lepas.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othraan bin Abdul):

- (i) Adalah menjadi dasar Lembaga Musabida Tabung Haji untuk membina bangunannya sendiri di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pembinaan bangunan-bangunan Tabung Haji itu adalah mengikut keutamaan.
- (ii) Tabung Haji sedang meneliti cadangan bagi mengadakan perkhidmatan rumah ke rumah kepada Jemaah Haji.
- (iii) Ya, ada kemungkinan bilangan jemaah haji akan bertambah setiap tahun dan antara sebab-sebab pertambahan tahun ini adalah:-
 - (a) Harga getah dan kelapa sawit telah meningkat;
 - (b) Kesedaran untuk menunaikan fardhu haji di kalangan rakyat selaras dengan kebangkitan keimanan dewasa ini;
 - (c) Kemungkinan jatuhnya hari wufuk tahun ini pada hari Jumaat yang akan menjadikan haji tahun ini Haji Akbar.

BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR

35. Tuan Chuan Jui Meng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya sudah mengenalpasti sebab musabab berlakunya banjir di Kuala

Lumpur setiap kali hujan lebat turun, jika ada, apa puncanya;

- (b) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini sekali gus; dan
- (c) adakah Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan mendapat peruntukan yang secukupnya bagi mengatasi masalah banjir, jika ada beberapa banyak yang telah diperuntukkan untuk tujuan ini bagi tahun 1987 dan 1988.

Drs. Suleiman bin Mohamed:

- (a) Banjir kilat yang sering berlaku di beberapa tempat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-
 - (i) kawasan persekitaran yang rendah.
 - (ii) hujan lebat dengan ketumpatan yang tinggi dan mengakibatkan berlakunya limpahan air daripada longkang-longkang dan juga terjadi aliran balik (back-flow) daripada sungai-sungai.
 - (iii) longkang-longkang dan pembentungan air dari hasil pembuangan sampah ke dalam longkang yang berlaku dengan teluasa terutama oleh setingan-setingan yang tinggal di tebing sungai dan longkang-longkang besar. Pembuangan sampah terus ke dalam longkang-longkang oleh penjaja juga mengakibatkan longkang dan paip pembentung tersumbat.

(iv) aras perut sungai yang tinggi hasil dari mendakan pasir-pasir di perut sungai berpunca dari kawasan pembuangan dan perlombongan.

(b) Menyedari masalah ini, Kerajaan telah menyediakan satu Pelan Induk Saliran Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 1978. Berasaskan Pelan Induk ini, Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Parit dan Taliair dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan sedang melaksanakan projek-projek tebatan banjir secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Pada masa ini, program-program tebatan banjir dalam Kuala Lumpur yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Taliair adalah terdiri dari dua komponen berikut:

(i) **Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur**

Kerja-kerja yang terlibat ialah:-

- kerja penyaluran Sungai Kelang di antara Jambatan Sulaiman dan Kampong Haji Abdullah Hukum.
- Kerja penyaluran Sungai Kelang di Kampong Baru.
- Kerja penyaluran permulaan untuk Sungai Batu dari Kampong Kassipillai ke Segambut.

(ii) **Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan**

- Kerja-kerja yang ter-

libat ialah kerja penyaluran Sungai Kerayong di Batu 3¹/₂, Jalan Cheras, Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini, melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan juga telah dan sedang melaksanakan kerja-kerja penebalan banjir dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur bebas dari ancaman banjir. Antaranya ialah membina longkang-longkang besar dengan konkrit bertulang bagi menggantikan longkang-longkang tanah yang sedia ada, dan juga memperbaiki sistem perparitan.

(c) Berhubung dengan peruntukan kewangan, pada tahun 1987, Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Taliair telah membelanjakan sejumlah \$142 juta bagi tujuan ini. Manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula telah membelanjakan sebanyak \$8.8 juta. Pada tahun 1988, jumlah amaun wang yang akan digunakan oleh Jabatan Parit dan Taliair ialah \$13.36 juta, dan Dewan Bandaraya pula ialah berjumlah kira-kira \$4 juta, berasaskan perancangan 3 tahun (1986 - 1989), Program Tebatan Banjir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**PENSWASTAAN PROJEK
KEMENTERIAN**

36. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

(a) sama ada benar Kementerian-nya mengambil sikap dingin di

atas setengah-setengah projek cadangan penswastaan yang melibatkan Kementeriannya; dan

- (b) "sama ada benar beliau sedar bahawa terdapatnya segelintir pegawai-pegawai Kementeriannya yang enggan memberi kerjasama yang sepatutnya kepada institusi-institusi yang menjalankan kajian. Sekiranya benar, apakah langkah Kementeriaan di dalam perkara ini.

Dato' K. Pathmanaban: Adalah tidak benar Kementerian Kesihatan bersikap dingin ke atas apa-apa cadangan penswastaan. Juga adalah tidak benar segulungan pegawai Kementerian Kesihatan enggan berkerjasama dengan pihak yang menjalankan kajian penswastaan.

Sebagai sebuah Agensi Kerajaan, Kementerian Kesihatan adalah akur sepenuhnya kepada dasar penswastaan Kerajaan. Dengan itu perkara "sikap dingin" tidaklah timbul sama sekali. Sebagai agensi yang bertanggungjawab adalah juga menjadi tugas Kementerian untuk memberi nasihat dan pendapat ke atas sesuatu cadangan penswastaan. Seperti kita semua maklum, biasanya sesuatu cadangan penswastaan itu membawa implikasi yang luas; antaranya implikasi perundangan, implikasi kewangan dan implikasi ke atas perkhidmatan kepada pesakit-pesakit, yang kebetulan pula sebahagian besarnya terdiri dari mereka yang kurang berada. Dengan sedemikian Kementerian Kesihatan perlu menimbangkan sesuatu cadangan penswastaan itu dengan mendalam.

Pada masa ini juga, selain daripada cadangan penswastaan dari sektor swasta, Kementerian sendiri juga sedang menimbangkan beberapa aspek kegiatan Kementerian untuk diswastakan.

UBAT BERMUTU RENDAH TIDAK BERDAFTAR

37. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar masih terdapat di pasaran tempatan ubat-ubat yang bermutu rendah tidak berdaftar;
- (b) sama ada Kementeriannya bercadang untuk menguji mutu kepada tiap-tiap ubat yang diimpot ke negara ini selain dari kajian yang dibuat kepada proses perlesenan sahaja; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementeriannya untuk meningkatkan lagi pengeluaran ubat tempatan yang merupakan hanya 30% dari ubat-ubat yang terdaftar.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Saya sedar bahawa pada masa ini mungkin ada dalam pasaran tempatan ubat-ubatan yang bermutu rendah dan tidak berdaftar. Ini mungkin berlaku kerana pelaksanaan pendaftaran keluaran farmaseutikal dan kosmetik dibuat dalam empat fasa, tiga darinya melibalkan ubat-ubatan. Pada masa ini kita telah selesai Fasa 1 sahaja yang mana hanya melibatkan keluaran-keluaran yang mengandungi Racun Berjadual sahaja. Apabila tiga fasa pertama selesai kelak hanya ubat-ubatan yang berdaftar sahaja akan dibenarkan dalam pasaran.
- (b) Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menguji mutu kepada tiap-tiap ubat yang diimpot. Bagi ubat-ubatan

berkenaan, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah memerlukan sijil dari pihak berkuasa di negeri berkenaan yang menyatakan pengeluar yang berkaitan telah mematuhi amalan pengilangan baik (GMP) sepenuhnya. Ujian atas ubat-ubatan yang diimpot hanya perlu, apabila pendaftaran ubat-ubat itu diperlukan atau di atas sampel-sampel yang didapati secara rambang dari pasaran ataupun dari pintu-pintu masuk Kastam untuk urusan pengawasan.

(c) Tanggungjawab pengalakan dan pembangunan industri adalah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan & Perindustrian. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah memberi beberapa keistimewaan kepada pengilang ubat-ubatan tempatan, mitalnya:

- (a) Permohonan pengilang tempatan didahulukan dalam proses penilaian dan pendaftaran.
- (b) Khidmat nasihat diberi secara percuma kepada pengeluar tempatan mengenai cara-cara meningkatkan mutu keluaran.
- (c) Nasihat juga diberi kepada bakal pelabur mengenai peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa dan langkah-langkah yang perlu diambil pada peringkat awal sebelum mendirikan kilang.
- (c) Pihak Berkuasa Kawalan Dadah tidak akan memberi lesen impot jika terdapat lima atau lebih keluaran tempatan jenis sama yang sudah didaftarkan. Ke-

istimewaan ini akan dapat memberi perlindungan kepada pengilang tempatan.

- (e) Kementerian Kesihatan juga memberi keutamaan yang jelas kepada pengeluar tempatan dalam pembelian ubat-ubatan untuk kegunaan Kementerian.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN DI MANILA

38. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan-tindakan susulan yang telah diambil oleh negara-negara peserta terhadap keputusan-keputusan yang dicapai dalam Persidangan Ketua-Ketua Negara ASEAN di Manila baru-baru ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN di Manila pada Disember lalu telahpun menggariskan arah dan haluan baru untuk kerjasama ASEAN yang lebih bermakna pada masa akan datang sebagaimana yang termaktub dalam Deklarasi Manila 1987 dan juga Program Tindakan ASEAN.

Berpandukan kepada arah dan haluan baru tersebut, seluruh Jentera ASEAN telah digerakkan ke arah mengambil tindakan-tindakan susulan bagi memastikan aspirasi Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam hal ini, sejak Disember lalu, hampir ke semua Jawatankuasa-jawatankuasa ASEAN telahpun mengadakan mesyuarat masing-masing dan merangka strategi serta mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu untuk melaksanakan Program Tindakan ASEAN itu sebagaimana yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke 21 yang bermesyuarat di Bangkok baru-baru ini telah memberi tumpuan dan perhatian ke atas perkembangan yang telah dicapai berhubung dengan perkara ini.

PEGAWAI PENTADBIR SEBAGAI MAJISTRET

39. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kehakiman menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebahagian pegawai pentadbir yang bertugas sebagai majistret di peringkat daerah/bahagian didapati kurang kecekapan membincangkan kes-kes yang di hadapan mereka; jika sedar apakah langkah sewajarnya yang akan diambil untuk memperolehi prestasi mereka.

Dato' Oo Gin Sun: Kerajaan sedar tentang adanya pegawai-pegawai pentadbir yang bertugas sebagai majistret di peringkat Daerah dan Bahagian terutamanya di Sabah dan Sarawak untuk membicarakan kes-kes di mahkamah. Ini adalah merupakan langkah sementara sahaja bagi membantu mempercepatkan pembicaraan kes-kes sementara menunggu jawatan-jawatan majistret diisi secara hakiki oleh pegawai undang-undang.

Urusan pengambilan pegawai undang-undang kini sedang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

SYARIKAT HICOM — MODAL BERBAYAR

40. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan jumlah modal berbayar bagi 3 syarikat di dalam industri berat negara. Ketiga-tiga syarikat tersebut adalah Perwaja Trengganu Sdn. Bhd., Kedah Cement Sdn. Bhd. dan Perbadanan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON). D daripada jumlah modal berbayar nyatakan

jumlah pinjaman dari luar negeri. Nyatakan juga dengan kenaikan nilai Yen Jepun baru-baru ini adakah syarikat mengalami kerugian nilai matawang. Bagaimanakah prestasi syarikat-syarikat tersebut ketika ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Untuk makluman yang Berhormat, jumlah modal berbayar bagi tiga syarikat HICOM yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

Syarikat	Modal Berbayar (juta)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	\$250
Kedah Cement Sdn. Bhd.	\$180
Perusahaan Otomobil Sdn. Bhd. (PROTON)	\$150

- (b) Oleh kerana ketiga-tiga syarikat ini adalah syarikat usahasama di antara HICOM dengan lain-lain pihak, maka Kerajaan hanya bertanggungjawab untuk menyediakan modal selaras dengan peratus pegangannya. Keseluruhannya jumlah ini dibiayai oleh Kerajaan daripada Kumpulan Wang Disatukan dan bukan melalui pinjaman luar negeri.
- (c) Kenaikan dalam nilai matawang Jepun telah menyebabkan kos faedah bagi ketiga-tiga syarikat tersebut meningkat. Bagi tahun kewangan 1986/87, jumlah kerugian pertukaran matawang asing ketiga-tiga syarikat tersebut berjumlah \$106.317 juta berbanding dengan \$82.623 juta dalam tahun 1985/86.
- (d) Berdasarkan tahun kewangan

1986/87, kedudukan kerugian bersih syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

<i>Syarikat</i>	<i>Kerugian (juta)</i>
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	(\$157.7)
Kedah Cement Sdn. Bhd.	(\$68.6)
Perusahaan Otomobil Sdn. Bhd. (Proton)	(\$39.45)

Prestasi syarikat-syarikat akan terus dikesan dan usaha-usaha pemulihan sedang dipertimbangkan.

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MEMBURUKKAN KERAJAAN

41. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) tindakan yang diambil oleh Kementerian ini berkenaan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang memburukkan Kerajaan Malaysia dalam ucapan mereka di luar negeri;
- (ii) supaya perkara seperti di atas tidak berlaku lagi, apakah cadangan/langkah-langkah Kementerian ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerajaan memandang berat terhadap tindakan pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan tuduhan yang tidak berasas di luar negeri yang boleh menjejaskan kepentingan negara serta kaum pekerja sendiri. Perbuatan sedemikian adalah bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja untuk memberi perlindungan kepada kaum pekerja.

Selaras dengan prinsip dan amalan demokrasi, Kerajaan tidak menghalang mana-mana kesatuan sekerja atau pemimpin-pemimpin mengeluarkan kenyataan atau mengambil tindakan bersesuaian dengan peruntukan undang-undang ke arah pencapaian objektif kesatuan untuk kepentingan pekerja-pekerja mereka. Walaupun demikian, pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja sendiri mesti sentiasa sedar bahawa tindakan mereka itu tidak seharusnya mengancam kepentingan negara. Sekiranya tindakan-tindakan mereka membawa kerugian besar kepada ekonomi negara atau menjejaskan aspirasi rakyat pada keseluruhannya Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja berkenaan sama ada mengikut undang-undang ataupun mengikut prosedur pentadbiran.

Kerajaan akan terus berusaha untuk menanam kesedaran kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja mengenai sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan ekonomi negara hasil tindakan mereka sedemikian. Ke arah mencapai tujuan ini usaha akan dipergiatkan juga untuk menggalakkan perbincangan isu-isu perburuhan dalam negeri terutamanya melalui Majlis Tiga Pihak Penasihat Buruh Kebangsaan di bawah Kementerian Buruh.

Sehubungan dengan ini adalah juga perlu ditegaskan bahawa pekerja-pekerja sendiri harus lebih berjaga-jaga akan tindakan pemimpin-pemimpin mereka yang mengakibatkan tindak balas yang boleh menjejaskan kedudukan dan kepentingan kaum pekerja. Oleh itu, kaum pekerja harus juga cuba mengawasi tingkah laku pemimpin-pemimpin mereka.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG — OBJEKTIF

42. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin

Haji Abdul Latiff minta Menteri Pertanian menjelaskan:

- (a) apakah tujuannya diwujudkan Lembaga Pertubuhan Peladang Negara (LPPN);
- (b) sejauh manakah Lembaga tersebut memainkan peranan memberi pertolongan kepada petani-petani khususnya di kawasan-kawasan luar bandar; dan
- (c) adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) lebih mementingkan keuntungan Pertubuhan berkeuntungan daripada membantu dan mengutamakan keperluan petani-petani.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah di bawah Akta (Akta 110/73) pada 14 Februari 1973 sebagai Badan Berkanun Persekutuan dengan objektifnya seperti berikut:

"Untuk mewujudkan Pertubuhan Peladang sebagai institusi peladang yang berdaya maju yang akan melahirkan pergerakan yang kuat kearah meninggikan taraf sosio-ekonomi ahli-ahlinya".

Bagi mencapai objektif tersebut, LPP telah diberi tugas-tugas seperti berikut:

- (a) Menggalak, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial pertubuhan peladang;
- (b) Mendaftar, mengawal dan menyelia pertubuhan-pertubuhan peladang dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
- (c) jika suatu pengistiharan melalui

pemberitahuan telah dibuat di bawah seksyen 10 (a) untuk merancang dan mengusahakan apa-apa kemajuan pertanian di dalam Kawasan Kemajuan Peladang itu;

- (d) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut; dan
- (d) Menggembeleng, mengatur dan menggerak tenaga peladang melalui pertubuhan-pertubuhan peladang.

Peranan LPP memberi pertolongan kepada petani-petani di kawasan-kawasan luar bandar ialah melalui pertubuhan peladang kawasan (PPK). Dalam tahun 1985, bilangan petani yang menjadi ahli PPK ialah seramai 256,655 orang. Angka ini telah meningkat kepada 272,637 orang dalam tahun 1986 dan 292,152 orang dalam tahun 1987. Ini adalah bermakna dari tahun 1985 hinggatahun 1987, keahlian PPK telah meningkat sebanyak 34, 497 orang atau 14%.

Dari segi modal saham pula, dalam tahun 1985, jumlah modal saham ahli PPK ialah sebanyak \$7,035,300 dan meningkat kepada \$7,596,407 dalam tahun 1986 dan \$8,533,389 dalam tahun 1987. Dari tahun 1985 hingga 1987, jumlah modal saham ahli PPK telah meningkat sebanyak \$1,498,089 atau 21.3%.

Manakala nilai harta yang dimiliki oleh PPK dalam tahun 1985 ialah sebanyak \$90,508,043 dan meningkat kepada \$103,525,393 dalam tahun 1986 dan \$107,221.901 dalam tahun 1987 iaitu meningkat sebanyak \$16,713,858 atau 18.5% dari tahun 1985 hingga tahun 1987.

Dakwaan ini adalah tidak benar kerana PPK mengutamakan ahli-ahli dalam setiap aktiviti yang dijalankan ke arah meninggikan taraf sosioekonomi

mereka. Seramai 320,527 orang ahli terlibat dalam berbagai aktiviti/projek yang dilaksanakan oleh PPK dalam tahun 1987. Bilangan ahli PPK sehingga 1987 ialah seramai 291,152. Angka penglibatan ahli lebih tinggi dari bilangan ahli PPK adalah disebabkan seseorang ahli itu menyertai lebih daripada satu aktiviti/projek yang dijalankan oleh PPK. Daripada angka ini boleh dirumuskan hampir setiap ahli menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti/projek yang dilaksanakan oleh PPK.

KEMPEN ANTI KELAPASAWIT AMERIKA SYARIKAT

43. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) setakat manakah kempen anti-kelapa sawit Amerika Syarikat telah berjaya menurunkan eksport minyak kelapa sawit ke negara-negara Eropah dan Asia; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah lain selain daripada menerangkan kepada pihak pengguna tentang kebaikan minyak kelapasawit.

Dato' Alias bin Md. Ali: Bagi benua Eropah, eksport minyak kelapasawit Malaysia berjumlah 658,406 tonne pada tahun 1987 berbanding dengan 777,197 tonne pada tahun 1986. Bagi suku tahun pertama tahun 1988, jumlahnya ialah 121,539 tonne berbanding dengan 147,279 tonne bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Bagi negara-negara Asia, jumlah eksport pada tahun 1987 ialah 3,057,477 tonne, berbanding dengan 3,094,443 tonne pada tahun 1986. Bagi suku tahun pertama 1988, jumlah eksport minyak kelapasawit Malaysia ke negara-negara Asia ialah 771,589 tonne berbanding dengan 578,982 tonne pada tahun lepas.

Dalam membekalkan perangkaan-perangkaan ini, saya ingin menjelaskan bahawa prestasi eksport Malaysia ke mana-mana pasaran tidaklah dapat dikaitkan kepada satu-satu faktor seperti ujudnya Kempen anti minyak kelapasawit itu sahaja. Di antara faktor-faktor lain ialah harga minyak kelapasawit sendiri, harga minyak dan lemak lain yang boleh ditukarganti di antara satu sama lain oleh para pengguna dan keadaan ekonomi amnya. Oleh itu, adalah tidak jelas samada arah-aliran eksport minyak kelapasawit Malaysia ke Eropah dan Asia itu adalah disebabkan oleh Kempen anti minyak kelapasawit di Amerika Syarikat. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat perhatikan bahawa untuk suku tahun pertama tahun ini, eksport minyak kelapasawit Malaysia ke negara-negara Asia telah meningkat berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 1987. Tambahan lagi terdapat berita-berita di pasaran bahawa para pengguna pada masa ini sedang meningkatkan pembelian minyak sawit oleh kerana harga minyak-minyak pesaing, seperti- minyak soya, adalah terlalu tinggi pada masa ini.

Mengenai soalan (b), Kerajaan melakukan berbagai usaha untuk membenters Kempen anti minyak kelapasawit itu. Selain dari menerangkan kepada pihak pengguna tentang kebaikan minyak kelapa sawit, kerajaan telah:

- (i) Menaja projek-projek penyelidikan mengenai khasiat-khasiat pemakanan minyak kelapasawit;
- (ii) Mengemukakan bantahan kepada badan pengawalan yang berkenaan di Amerika Syarikat mengenai iklan-iklan yang dikeluarkan oleh Persatuan Kacang soya Amerika (ASA) yang memburuk-burukan minyak kelapasawit;

- (iii) Menerangkan pendirian Malaysia mengenai Kerapen anti minyak kelapasawit itu kepada Kerajaan Amerika Syarikat, ahli-ahli Kongress, serta badan-badan teknikal seperti Pentadbiran Makanan dan Dadah (FDA); dan
- (iv) Mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan (hearing) di Kongress Amerika Syarikat untuk mengemukakan bantahan terhadap rang undang-undang melebel minyak tropika.

(Soalan No. 44. Sila lihat jawapan No. 15 pada 27.6.88)

PENGANGGURAN

45. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengatasi masalah pengangguran dan mengurangkan pekerja-pekerja dalam negara ini. Berapakah jumlah bilangan pekerja yang diberhentikan dan penganggur sehingga akhir Mei 1988 dan bilangan kerja yang diwujudkan untuk penganggur. Adakah Kementerian Buruh bercadang untuk menolong orang-orang yang bekerja dan menganggur itu menerusi pengeluaran wang KWSP untuk membantu mereka.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Memandangkan kadar pengangguran yang semakin meningkat, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasi masalah pengangguran. Di peringkat makro misalnya, langkah meningkatkan permintaan dalam negeri menerusi pelaburan swasta yang lebih besar telah diambil di samping mengkaji semula undang-undang buruh yang sedia ada untuk menjamin kos buruh tidak terlalu tinggi. Di peringkat makro pula, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah meningkatkan penggunaan buruh dalam berbagai sektor sepertimana yang

diperakukan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

Mengenai masalah pengangguran di kalangan siswazah, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji isu-isu serta merangka program-program tertentu untuk memberi peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur. Antara skim-skim yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk latihan keusahawanan, penempatan di syarikat swasta dan Jabatan Kerajaan, dan skim siswazah tani.

Menerusi langkah-langkah ini kadar pengangguran di negara ini dijangka dapat dikurangkan.

Jumlah bilangan pekerja yang diberhentikan telah berkurangan daripada 20,212 dalam tahun 1986 kepada 13,722 dalam tahun 1987. Berdasarkan maklumat yang ada, sehingga bulan Mei 1988, bilangan pekerja yang diberhentikan adalah seramai 1,471 orang. Sementara itu bilangan penganggur dalam tahun 1987 adalah seramai 560,000 dan dijangka meningkat kepada 600,000 pada tahun 1988. Berikutan dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik, jumlah bilangan pekerjaan yang diwujudkan telah meningkat daripada 80,000 dalam tahun 1986 kepada 150,000 dalam tahun 1987. Bagi tahun 1988, peluang-peluang pekerjaan baru akan terus diwujudkan dan bilangannya dijangka tidak jauh berbeza daripada tahun 1987.

Buat masa ini tidak ada cadangan untuk membantu penganggur mengeluarkan wang KWSP.

HARGA BAHAN BINAAN

46. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan Kerajaan telah meluluskan beberapa projek untuk menghasilkan bahan-bahan binaan supaya dapat

mengurangkan harga bahan-bahan tersebut, tetapi mengapa masih terdapat masalah harga bahan-bahan binaan yang tinggi berbanding dengan harga rumah yang rendah pada masa sekarang. Mengapakah demikian? Mengapakah ada bahan-bahan binaan keluaran negara ini tebih mahal daripada yang diimport? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga bahan-bahan binaan?

Tuan M.G. Pandithan: Bagi meningkatkan taraf perindustrian negara, Kerajaan telah menggalak dan meluluskan projek-projek perindustrian termasuklah projek-projek yang mengeluarkan bahan-bahan binaan. Projek-projek ini mempunyai peranan yang 'strategic' di dalam membangunkan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga bahan-bahan binaan yang utama telah pun diletakkan di bawah pengawasan dan pengawalan harga, umpamanya harga besi keluli dan simen dikawal harganya sejak tahun 1974 dan kaca sejak tahun 1973. Semenjak tempoh tersebut, kerajaan telah meluluskan beberapa projek yang menyebabkan terdapat persaingan di antara kilang-kilang di dalam industri tersebut. Hasilnya, harga bahan-bahan binaan adalah sebenarnya lebih rendah daripada harga yang ditetapkan oleh kerajaan sekali pun pada ketika ini.

Harga bahan-bahan binaan di pasaran tempatan lebih tinggi dibandingkan dengan harga di pasaran antarabangsa adalah disebabkan oleh saiz operasi kilang-kilang di negara kita yang agak kecil yang menyebabkan kos seunit adalah lebih tinggi. Di samping itu, harga beberapa bahan binaan seperti besi keluli dan simen di pasaran antarabangsa merupakan harga lambakan.

Dalam pada itu, langkah-langkah tertentu telah pun diambil oleh kerajaan dengan cara menurunkan kadar utiliti

seperti elektrik, memudahkan aturcara-aturcara eksport dan mengadakan program-program tertentu termasuk penggalakan eksport.

Dengan adanya langkah-langkah tertentu yang diambil oleh kerajaan, harga bahan-bahan binaan di negara ini telah stabil sejak beberapa tahun yang lalu dan keadaan tersebut mustahak kepada pekilang-pekilang dan pengguna-pengguna bagi memastikan keperluan-keperluan mencukupi dan tidak membebankan rakyat.

IMPORT BARANGAN CHINA — PERMIT

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak pemansuhan permit A.P. untuk dagangan dengan Negeri China, sama ada kedudukan perdagangan kita dengan Negeri China bertambah baik. Sila menyatakan bagaimanakah pemansuhan permit ini memberi manfaat kepada kedua-dua negara baik dari segi sosial mahupun dari segi ekonomi.

Tuan M.G. Pandithan: Pemansuhan permit import ke atas import barangan dari Republik Rakyat China (RRC) berkuatkuasa mulai 3hb. Mac, 1988 iaitu 4 bulan yang lalu. Dalam jangka masa yang pendek ini adalah sukar untuk melihat kesannya terhadap kedudukan perdagangan Malaysia dengan RRC. Walau bagaimanapun pemansuhan ini akan mempermudah dagangan dengan RRC dan seterusnya mempertingkatkan perdagangan duahala.

Pemansuhan permit import ini telah disusuli pula dengan kedua buah negara menandatangani Perjanjian Perdagangan pada 1hb. April, 1988. Dengan adanya Perjanjian Perdagangan ini, barangan Malaysia yang diimport ke RRC dikenakan kadar duti minima (most favoured nation rates). Kadar duti

minima ini adalah 10% hingga 20% lebih rendah dari kadar am. Keadaan ini akan meningkatkan daya saing barangan Malaysia dalam pasaran RRC. Pada masa yang sama ianya akan menggalakkan Perbadanan-Perbadanan Kerajaan RRC mengimport secara terus dari Malaysia dan tidak melalui negara ketiga.

PERUMAHAN BEKAS PEKERJA LADANG CASTLEFIELD/ KINRARA

48. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi oleh bekas pekerja-pekerja dari Ladang Castlefield dan Ladang Kinrara di Puchong, Selangor Darul Ehsan. Adakah YB. Menteri sedar pihak pembeli baru mengakibatkan beberapa kesulitan kepada pekerja-pekerja sejak pembelian Ladang-ladang tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Masalah perumahan yang dihadapi oleh bekas pekerja-pekerja di dua buah ladang yang dibangkitkan ini adalah di luar bidangkuasa Kementerian Buruh. Di bawah undang-undang buruh yang berkuatkuasa tiada peruntukan yang mewajibkan majikan menyediakan rumah untuk bekas pekerja-pekerja mereka. Kedua-dua ladang ini telah dipindah milik kepada pemilik-pemilik baru iaitu syarikat-syarikat pemaju perumahan untuk dibangunkan projek perumahan. Dalam kes ini tidak lagi wujud perhubungan majikan/pekerja diantara tuan ampunya ladang dengan bekas pekerja-pekerjanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ladang Kinrara di Puchong, Selangor Darul Ehsan telah dijual pada bulan Disember 1980 kepada Peninsular And Malaysia Sdn. Bhd., manakala Ladang Castlefield yang juga terletak di Puchong, telah dijual pada bulan Jun

1984 kepada Castlefield Development Sdn. Bhd., kedua-duanya adalah syarikat pemaju perumahan.

Adalah difahamkan pihak pengurusan kedua-dua Ladang Kinrara dan Ladang Castlefield semasa menjual ladang-ladang itu telah membuat satu perjanjian dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) untuk membayar segala faedah dan bayaran yang patut dibayar di bawah undang-undang buruh kepada pekerja-pekerja ladang itu. Bagi kes Ladang Kinrara, wang bayaran ini telah dimasukkan ke dalam sebuah tabung yang dikendalikan oleh sebuah Lembaga Amanah. Oleh itu, segala masalah yang dikemukakan oleh bekas pekerja Ladang tersebut hendaklah dirujuk kepada Lembaga Amanah itu untuk penyelesaian.

Bagi kes Ladang Castlefield pula, perjanjian antara pihak pengurusan dengan NUPW tidak dapat dilaksanakan kerana campur tangan dari beberapa pihak.

SAYUR CAMERON HIGHLANDS KE SINGAPURA — PASARAN

49. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan meminta Menteri Pertanian menyatakan kedudukan pasaran sayur-sayuran dari Cameron Highlands ke Singapura dan beritahu langkah, yang diambil supaya sayur-sayuran itu tidak lagi mengandungi racun seperti mana yang didakwa pada masa-masa yang sudah.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Yang Berhormat kedudukan pasaran sayur-sayuran dari Cameron Highlands ke Singapura pada masa ini telahpun pulih seperti biasa berikutan daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh semua pihak dalam mengatasi masalah sisa racun yang terdapat pada sayur-sayuran berkenaan. Dari perangkaan import negara Singapura, didapati peratus

pengimportan sayur-sayuran (sayur-sayuran berdaun dan kubis) dari Malaysia berbanding dengan jumlah keseluruhan telah meningkat dari tahun

setahun iaitu meningkat 17.4% pada 4 bulan pertama 1987 dan meningkat lagi 0.1% pada tahun 1988. Ini dapat digambarkan dari Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Import Singapura bagi Sayur-Sayuran Berdaun dan Kubis pada Tempoh 4 bulan Pertama 1986, 1987 dan 1988

Tempoh	Malaysia		Negara-Negara Lain		Jumlah		Peratus Pengimportan Malaysia
	Kuantiti (MT)	Nilai (\$'000)	Kuantiti (MT)	Nilai (\$'000)	Kuantiti %	Nilai	
4 bulan pertama 1986	7,927	2,084	12,341	10,864	20,268	12,948	39.1
4 bulan pertama 1987	12,220	3,769	9,412	9,216	21,632	12,985	56.5
4 bulan pertama 1988	11,415	4.9%	8,765	10,204	20,180	15,200	56.6

Langkah-langkah yang diambil supaya sayur-sayuran dari Cameron Highlands tidak mengandungi sisabaki yang tinggi ialah:

- (i) Khidmat pengembangan telah dipergiatkan. Petani-petani dilawati dengan kerap oleh pegawai-pegawai pengembangan yang memberi nasihat bagaimana mengatasi masalah-masalah penggunaan racun perosak. Sebanyak 700 lawatan susulan ke kebun-kebun telah dibuat dalam tahun 1987 hingga Jun 1988.
- (ii) Sebanyak 18 ceramah-ceramah dan sesi dialog dengan penanam-penanam sayur telah diadakan serta bingkisan dan risalah makluman diedarkan. Seminar mengenai Pengurusan Perosak Bersepadu juga telah diadakan untuk memperkenalkan konsep ini kepada penanam-penanam supaya penggunaan racun perosak dapat dikurangkan. Satu seminar

mengenai serangan *plutella* telah juga diadakan pada April 1988.

- (iii) Sebanyak 1,585 analisa sisabaki racun telah dijalankan bagi sayur-sayuran, iaitu dua kali seminggu dan keputusan-keputusan disampaikan kepada penanam-penanam dengan secepat mungkin;
- (iv) Sebanyak 13 percubaan kajian kemujarapan telah diadakan supaya hanya racun yang berkesan dilulus untuk digunakan;
- (v) Sebanyak 12 kajian sisabaki telah dijalankan untuk menentukan tempoh menunggu sebelum mengutip hasil untuk racun perosak;
- (vi) Sehingga kini sebanyak 221,800 "tag" telah dijual kepada pengeksport-pengeksport sayur ke Singapura setelah peraturan begini dilaksanakan semenjak Mac 1988 lalu.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga telah menguatkuasakan Peraturan-peraturan Makanan 1985 untuk mengawal sisabaki racun perosak dalam sayur-sayuran. Setakat ini sebanyak 63 kes pelanggaran Peraturan Makanan telah berlaku. Daripada jumlah tersebut, 20 orang telah dibawa ke Mahkamah, 10 orang telah didenda berjumlah \$10,700 dan 10 orang lagi masih menunggu perbicaraan.

PROTON SAGA KE AMERIKA — PASARAN

50. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) benarkah kunjungan Henry Kissinger, bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat ke sini tidak lama dulu untuk merundingkan kemungkinan memasarkan PROTON SAGA ke Amerika;
- (b) sejauhmana benarnya bahawa Amerika sekarang menjadi bakal pembeli PROTON SAGA terbesar malah lebih berpotensi dari pasaran dalam negeri kita sendiri;
- (c) terangkan kesan-kesan untuk hubungan perkongsian negara ini dengan syarikat Jepun kiranya PROTON SAGA mendapat pasaran hebat di Amerika.

Tuan M.G. Pandithan:

- (a) Kunjungan Henry Kissinger, bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat ke Malaysia pada 6hb. Mac 1987 adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin ASEAN mengenai kedudukan dari isu-isu semasa politik dan ekonomi dunia, bukannya merundingkan kemungkinan

memasarkan PROTON SAGA ke Amerika Syarikat.

- (b) Adalah benar bahawa Amerika Syarikat menjadi bakal pembeli PROTON SAGA terbesar malah lebih berpotensi dari pasaran dalam negeri jika kita berjaya menembusi pasaran itu. Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani pada 20hb. November 1987 di antara Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) dengan Proton American Inc. (PAI), sebanyak 30,000 unit setahun PROTON SAGA akan dieksport mulai tahun pelancarannya (1989). Jumlah tersebut adalah lebih besar daripada jumlah jualan dalam negeri setahun yang pernah dicapai setakat ini iaitu sebanyak 24,858 unit dalam tahun 1987. Jumlah tersebut juga melebihi jumlah jangkaan eksport ke United Kingdom yang dianggarkan sebanyak 5,000 unit setahun sahaja.
- (c) Hubungan perkongsian di antara Malaysia dengan syarikat Jepun tidak akan terjejas sekiranya PROTON SAGA mendapat pasaran hebat di Amerika Syarikat. Pada hakikatnya, sekiranya syarikat Proton membuat keuntungan tentu sekali rakan kongsinya Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation of Japan yang memegang sebanyak 30% daripada jumlah modal syarikat itu akan sama-sama menikmati keuntungan itu.

KEJADIAN KEBAKARAN

51. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) jumlah kejadian kebakaran yang berlaku di negara sepanjang tahun 1987 sehingga bulan Mei 1988;
- (b) apakah sebab-sebab utama berlakunya kebakaran tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kejadian kebakaran di negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

- (a) Jumlah kejadian kebakaran yang berlaku di negara sepanjang tahun 1987 ialah sebanyak 14,015 dan bagi bulan Januari - Mei 1988 adalah sebanyak 3,818.
- (b) Sebab-sebab utama berlakunya kebakaran ialah berpunca daripada faktor-faktor seperti berikut:-

<i>Punca</i>	<i>Peratus</i>
(1).Kelalaian atau ke-cuaian manusia seperti berpunca daripada puntung rokok, mercun, ubat nyamuk/lilin, dapur gas/minyak dan budak-budak bermain mancis	27.30%
(2) Kerosakan kuasa elektrik	7.68%
(3) Dipercayai oleh sebab sengaja dibakar dan pengkhianatan (arson)	20.72%
(4) Lain-lain sebab seperti percikan api, reaksi spontan, tindak balas kimia,	44.30%

sebab-sebab yang tidak diketahui dan lain-lain.

- (c) Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kejadian kebakaran di negara ini adalah seperti berikut:-

- (1) Mengadakan ceramah-ceramah umum termasuk di pejabat-pejabat, industri dan institusi-institusi.
- (2) Mengadakan kempen mencegah kebakaran tiap-tiap tahun. Di dalam kempen ini berbagai-bagai aktiviti telah diadakan seperti pertandingan bangunan-bangunan supaya mengamalkan sistem pencegahan kebakaran, pertandingan menggunakan alat-alat memadam kebakaran, menyampaikan risalah-risalah mencegah kebakaran dan lain-lain.
- (3) Penubuhan pasukan kadet bomba di sekolah-sekolah dan Pasukan Bomba Suka-rela di kampung-kampung dan pekan kecil.
- (4) Mengadakan ucapan dan aktiviti-aktiviti menerusi radio dan televisyen.
- (5) Menyediakan garis panduan mengenai keselamatan kebombaanan bagi bangunan-bangunan lama, rumah kediaman, bangunan tinggi, kilang dan sebagainya.
- (6) Memberikan kerjasama kepada badan-badan profesional dalam aspek khidmat nasihat mengenai reka-bentuk sistem kebombaanan.

- (7) Menerapkan mata pelajaran mencegah kebakaran ke dalam kurikulum sekolah.
- (8) Menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan bagi menentukan semua sistem kebombaian ada dipasang dan berfungsi dengan baik dan memberikan laporan kepada tuan-tuan punya melalui Majlis-majlis Tempatan.

RINGGIT MALAYSIA

52. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa ringgit Malaysia masih lemah berbanding dengan dolar-dolar Amerika, New Zealand, Australia dan Sterling Pound United Kingdom.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Jawapan kepada soalan ini telahpun dimaklumkan di Dewan yang mulia ini kepada soalan-soalan yang sama jenis dan bentuknya yang dikemukakan terlebih awal oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Hulu Selangor.

SIMPANAN LUAR NEGERI BANK NEGARA

53. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) kenapa simpanan emas (gold reserves) dan tukaran asing Bank Negara jatuh dari M\$17.86 bilion dalain bulan Februari ke M\$15.87 bilion dalam bulan Mei tahun ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kejatuhan simpanan luar

negeri Bank Negara Malaysia sebanyak \$2.29 ribu juta dari \$17.88 ribu juta pada akhir bulan February, 1988 kepada \$15.59 ribu juta pada bulan Mei, 1988 disebabkan Kerajaan membuat pembayaran balik dan bayaran awal hutang tuar negerinya. Walau bagaimanapun kedudukan simpanan luar negeri negara kita telah meningkat semula oleh kerana prestasi sektor perdagangan yang baik. Pada 21 Jun, 1988 ianya berjumlah \$16.87 ribu juta dan mampu membiayai import selama 5.2 bulan.

- (b) Simpanan luar negeri kita adalah kukuh dan cukup untuk memenuhi keperluan luar negeri. Disamping itu im-bangan pembayaran dijangka kekal kukuh dalam jangkamasa pertengahan atau dengan izin, "medium term". Simpanan luar negeri akan terus berada pada paras yang memuaskan.

PERJANJIAN UDARA MALAYSIA-TURKI

54. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Perjanjian Malaysia — Turki yang telah ditandatangani pada tahun 1983 untuk Malaysia mengadakan perkhidmatan udara dan laut ke Turki bagi memudahkan lagi perdagangan dua hala.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr. Ling Liong Sik):

- (a) Di bawah Perjanjian Udara Malaysia/Turki yang telah ditandatangani pada tahun 1983 kedua-dua syarikat penerbangan berkenaan iaitu Penerbangan Malaysia dan Turkish Airlines' masing-masing diberi hak-hak trafik untuk meng-

adakan penerbangan di antara Malaysia dengan Turki. Dalam hal ini, Turkish Airlines telah pun mengadakan perkhidmatannya sebanyak satu penerbangan seminggu diantara Istanbul dan Kuala Lumpur.

Bagi perkhidmatan MAS pula, perancangan sedang dibuat berasaskan kemungkinan untuk mengadakan operasi secara usahasama dengan 'Turkish Airlines'. Perkara ini sedang dirundingkan di antara kedua syarikat penerbangan.

- (b) Malaysia dan Turki telahpun menandatangani Perjanjian Perkapalan Dua Hala pada 8 September, 1983. Perjanjian ini telah berkuatkuasa setelah (dengan izin) 'instrument of ratification' dihantar oleh pihak Malaysia pada 31 Januari 1984 oleh pihak Turki pada 5 Jun 1984.

Perjanjian Perkapalan adalah merupakan satu infrastruktur atau 'vehicle', (dengan izin) untuk melicinkan dan meningkatkan perhubungan dua hala khususnya perdagangan dan perkapalan. Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada perkhidmatan terus secara (dengan izin), 'regular' yang wujud di antara Malaysia dan Turki. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kargo yang bergerak diantara kedua-dua negara. Perdagangan diantara kedua-dua negara dewasa ini adalah kecil iaitu sejumlah \$50.30 juta dalam tahun 1980 dan \$153.78 juta pada tahun 1987. Sebarang usaha yang dilakukan untuk mewujudkan atau menambahkan perkhidmatan kapal-kapal Malaysia ke Turki adalah ber-

gantung kepada, (dengan izin) 'commercial judgement' syarikat-syarikat perkapalan tempatan. Kementerian Pengangkutan memang sentiasa menggalakkan kapal-kapal Malaysia lebih kerap singgah di pelabuhan-pelabuhan Turki dan terpulanglah kepada syarikat-syarikat perkapalan tempatan untuk mengambil kesempatan daripada Perjanjian Perkapalan yang telah ditandatangani. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 1986 sebanyak 7 buah kapal Turki yang telah singgah di Pelabuhan Malaysia. Belum ada kapal-kapal Malaysia yang singgah di pelabuhan Turki buat masa ini.

BOT PERONDA JABATAN PERIKANAN

55. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau telah menambah unit bot penguatkuasaan pemeriksaan dan rondaan di perairan penangkapan ikan antarabangsa yang pada ketika itu hanya 5 unit sahaja. Ini adalah disebabkan beberapa kejadian pencerobohan nelayan asing dan penyeludupan udang dan ikan di negara jiran yang telah berlaku di utara Labuan dan Kudat baru-baru ini, jika ada berapakah unit yang telah ditambah itu dan jika tidak mengapa.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Bilangan bot-bot peronda Jabatan yang terdapat sehingga sekarang ini adalah mencukupi bagi maksud rondaan penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 di kawasan perairan perikanan Malaysia.

Adalah dimaklumkan bahawa tidak ada bot-bot peronda Agensi Penguatkuasaan Malaysia yang meronda di Perairan Antarabangsa. Kita tidak mempunyai kuasa untuk meronda dan mengawal di perairan Antarabangsa.

Kita hanya boleh mengikut undang-undang, melaksanakan undang-undang negara di kawasan perairan perikanan Malaysia iaitu meliputi Laut Wilayah dan perairan Zon Eksklusif Ekonomi.

Bilangan bot peronda yang terdapat adalah melebihi 5 buah dan di bawah Rancangan Malaysia ke 5, beberapa buah lagi bot peronda yang lebih besar telahpun dibina. Selain daripada itu, masalah mengatasi soal pencerobohan bot-bot nelayan asing dan penyeludupan ke negara jiran, termasuk diperairan Sabah, adalah juga dijalankan oleh lain-lain Agensi Penguatkuasaan Maritim, termasuk Tentera Laut di Raja Malaysia, Jabatan Kastam dan Polis Merin, yang mana agensi-agensi ini juga mempunyai bot-bot peronda mereka sendiri serta mampu membantu di dalam mengatasi masalah yang sama.

Pada keseluruhannya, masalah pencerobohan dan penyeludupan pada amnya adalah terkawal dengan adanya kawalan ketat oleh semua Agensi Penguatkuasaan yang ada. Di atas sebab-sebab keselamatan, bilangan bot-bot peronda yang terdapat tidaklah dapat diberikan tetapi suka dinyatakan sekali lagi bahawa ianya adalah mencukupi untuk menghadapi sebarang ancaman yang timbul.

HIDU GAM DI KALANGAN PEMUDA

56. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah menjalankan satu pengkajian mengenai masalah hidu gam di kalangan pemuda-pemuda di negara ini dan adakah Kerajaan mengenalpasti betapa serius masalah ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah masalah sosial ini sebelum ia menjadi-jadi serta menyaingi penyalahgunaan dadah sebagai ancaman utama kepada negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada tahun 1984 Pasukan Anti Dadah,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah pun membuat kajian mengenai masalah penyalahgunaan inhalan terutamanya kegiatan menghidu gam. Dari laporan kajian tersebut didapati bahawa masalah ini boleh menjadi serius jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil dengan segera. Dua buah buku panduan berhubung dengan penghiduan gam telah dikeluarkan pada tahun 1986, iaitu:-

- (i) Penyalahgunaan : Panduan
Inhalan Untuk Pengguna
- (ii) Penyalahgunaan : Panduan
Inhalan Untuk Pegawai Kesihatan dan Kebajikan

Disamping itu ceramah-ceramah dan penerangan mengenai dadah dan penyalahgunaan inhalan telah juga diberi kepada kumpulan-kumpulan sasaran tertentu. Kerajaan akan terus mengawasi dengan rapi perkembangan masalah ini dan daripada data-data yang dikumpul didapati masalah ini adalah terkawal.

BIASISWA PENUNTUT DI LONDON

57. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkah dakwaan pelajar-pelajar yang menerima Biasiswa Kerajaan yang menuntut di London jumlah biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan itu tidak mencukupi kerana kenaikan kos sara hidup di London sekarang ini. Jika benar apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah itu, agar tidak akan menjejaskan pencapaian akademik mereka kelak.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar kadar Biasiswa Persekutuan bagi penuntut di setengah-

setengah negara termasuk di United Kingdom tidak sepenuhnya mencukupi kerana kos sara hidup yang semakin meningkat. Namun begitu, masalah tersebut tidak dianggap mendesak jika dibandingkan dengan masalah pelajar-pelajar yang mendapat separuh bantuan atau yang tidak mendapat apa-apa biasiswa jua termasuk jumlah yang ramai di negara kita sendiri.

Bagi kadar biasiswa di United Kingdom khasnya di London, Kerajaan telah pun menimbangkannya sejak tahun 1984 lagi. Walau bagaimanapun memandangkan bahawa keadaan tersebut tidak begitu mendesak, kadar biasiswa tidak dapat dinaikkan. Kerajaan sedia menimbangkan semula perkara ini sekiranya ia amat diperlukan dan kedudukan ekonomi membolehkannya.

KEDAI OFFCOURSE BETTING PERLUMBAAN KUDA

58. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kementerianya bercadang memperkenal serta membenarkan kedai 'off-course betting' ditubuhkan di pusat-pusat utama bandar untuk perlumbaan Kuda seperti dilakukan di Britain, Australia dan Hong Kong supaya hasil Kerajaan dapat dipertingkatkan serta mengapakah aktiviti-aktiviti bookie-bookie haram.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju pada prinsipnya untuk membenarkan kedai menjalankan operasi pertaruhan di luar kawasan lumba kuda (off course betting). Tujuan Kerajaan membenarkan operasi ini ialah sebagai satu dari usaha untuk membentras aktiviti pertaruhan lumba kuda haram. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menimbangkan perkara ini secara terperinci sebelum lesen dikeluarkan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT

18

HAKIM MAHKAMAH AGUNG — PENGANTUNGAN JAWATAN

3,35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk mencadangkan bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ditangguhkan bagi membincangkan satu perkara tertentu yang perlu disegerakan bagi kepentingan orang ramai. Ini berhubung dengan penggantungan lima orang Hakim Mahkamah Agung di bawah Artikul 125(5) perlembagaan Persekutuan.

Lima orang Hakim yang digantung dari jawatan itu ialah Yang Arif Tan Sri Datuk Wan Suleiman Pawan Teh, Datuk George Edward Seah Kim Seng, Tan Sri Haji Mohamed Azmi bin Datuk Haji Kamaruddin, Tan Sri Datuk Seri Eusoffe Abdoolcader dan Tan Seri Datuk Wan Hamzah bin Haji Wan Mohamed Salleh.

Bawah perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana penggantungan itu adalah menimbulkan keresahan orang ramai, menimbulkan kebimbangan dan perhatian yang berat dan serius di kalangan semua lapisan penduduk di negara kita.

Bahawa perkara ini adalah berkaitan dengan kepentingan orang ramai kerana seluruh negara berasa terkejut dengan berita penggantungan yang belum pernahpun berlaku atau terjadi dalam sejarah negara dan sejarah badan kehakiman dan barangkali juga di dunia. Orang ramai amat memandang berat penggantungan ini kerana penggantungan itu menjejaskan dengan seriusnya pentadbiran keadilan, kebebasan kehakiman serta keluhuran Perlembagaan.

Perkara ini adalah kepentingan awam kerana penggantungan ini melemahkan keyakinan pihak perniagaan seperti yang terbukti pada hari semalam dengan kejatuhan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur serta telah menggoncangkan keyakinan negara dan antarabangsa dalam Kerajaan dan menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana dengan penggantungan lima orang Hakim serta Yang Amat Arif Tun Mohamed Salleh Abas baru-baru ini, Mahkamah Agung kini hanya tinggal empat orang Hakim sahaja di mana dua daripada mereka adalah terlibat dalam Tribunal Tun Salleh Abas iaitu Yang Amat Arif Tan Sri Abdul Hamid Omar dan Yang Amat Arif Tan Sri Lee Hun Hoe.

Bahawa perkara ini perlu disegerakan kerana terdapat sejumlah besar kes-kes rayuan yang harus didengar dengan segera yang masih belum didengar oleh Mahkamah Agung dan ini termasuk kes rayuan UMNO. Penggantungan hakim-hakim yang tersebut telah menjejaskan perbicaraan kes-kes rayuan di Mahkamah Agung di mana Mahkamah Agung mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan fungsi-fungsinya untuk menegakkan keadilan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima suatu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Bukit Bintang.

Usul Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan penggantungan 5 orang Hakim Mahkamah Agung di bawah Artikel 125(5) Perlembagaan Persekutuan,

Kelima-lima hakim yang telah digan-

tung jawatan mereka ialah:

Yang Arif Tan Sri Datuk Wan Sulaiman Pawan Teh
 Yang Arif Tan Sri Datuk George Edward Seah
 Yang Arif Tan Sri Datuk Mohamed Azmi Dato Haji Kamaruddin.
 Yang Arif Tan Sri Datuk Seri Eusoffe Abdoolcader.
 Yang Arif Tan Sri Datuk Wan Hamzah Wan Mohamed Salleh.

Teks Usul Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang itu adalah seperti yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Sebagaimana usul-unsul yang lain yang dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguk mesyuarat Dewan kecuali jika beliau berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat. Syarat-syarat itu adalah;

- (1) Perkara itu perkara terlentu.
- (2) Perkara itu bagi kepentingan orang ramai.
- (3) Perkara itu berkehendak di segerakan.

Saya telah membaca dan meneliti Usul yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya berpuas hati dan bersetuju bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati dua daripada tiga syarat itu iaitu ia perkara tertentu kerana lima orang Hakim Mahkamah Agung itu telah digantung jawatan mereka dan saya juga bersetuju ia mengenai kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat bersetuju ia perlu disegerakan sehingga menangguk persidangan Dewan pada petang ini untuk membincangkannya kerana saya difahamkan semua peraturan berkenaan dengan membentuk suatu Tribunal telah diikuti dan Tribunal itu akan dibentuk tidak lama lagi. Pendek kata, tindakan sedang diambil untuk membentuk Tribunal mengenai perkara ini.

Oleh yang demikian, kita tidak patut mengganggu urusan yang akan diambil mengenai perkara ini mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH JUVANA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Juvana 1947; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KOKO MALAYSIA (PEMERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Marang menyambung.

3.45 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada berhenti kepada masalah kemiskinan luar bandar yang mana kita dapati bahawa koko memainkan peranan yang penting dalam soal membasmi kemiskinan luar bandar,

Saya telah menegaskan bahawa penanaman koko ini penting dan ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi di luar bandar kerana daripada perangkaan yang kita dapati bahawa di Semenanjung Malaysia lebih daripada separuh iaitu kira-kira 53 % hasil koko datang daripada pekebun-pekebun kecil, manakala di Sabah hasil koko daripada pekebun kecil kira-kira 24.3%

dan di Sarawak hampir-hampir 90% lahirnya daripada pekebun-pekebun kecil. Jadi, secara kesimpulan dapatlah saya tegaskan sekali lagi bahawa penanaman koko serta soal untuk memajukan koko sekaligus akan dapat menekankan betapa orang-orang kampung, orang miskin akan dapat diberikan perhatian dengan lebih tegas, dengan lebih jelas apabila ditubuhkan Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pada hari ini saya ingin memetik beberapa perkara lain untuk renungan kita bersama. Pertamanya mengenai dengan penyertaan negara Malaysia ini dalam penjualan serta pengimportan koko.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa dalam dunia ini sekarang ada persatuan untuk mengeksport koko dan juga mengimport koko yang mana semua negara pengeksport koko berjumlah 17 buah negara dan negara pengimport pula berjumlah 22 buah negara. Semuanya itu telah melibatkan diri dalam satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Koko Antarabangsa ataupun "International Cocoa Agreement", dengan izin, yang telah ditubuhkan pada 20hb Januari, 1987.

Saya kira negara Malaysia juga di-ajak untuk bersama-sama menduduki dalam perjanjian koko antarabangsa ini. Di sini perlulah ditekankan bahawa menjadi ahli pertubuhan ini ada baik dan buruknya. Baiknya mungkin kita dapat menentukan harga secara bersama, mungkin dapat kita mengemukakan teknologi, kepakaran, keahlian dan juga mendapat makluman serta maklumbalas yang lain. Itu baik. Tetapi kita juga mungkin rugi kerana Perjanjian Koko Antarabangsa ini juga akan mengenakan kuota-kuota yang tertentu kepada negara-negara apabila ia telah mencapai satu tahap yang tertentu. Misal kata, dalam Perjanjian Koko Antarabangsa ini juga menghadkan eksport koko daripada

negara yang terlibat dalam perjanjian ini kepada 250,000 metrik tan untuk satu-satu tahun. Sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semalam, bahawa negara Malaysia merupakan negara yang keempat besar dalam dunia dan pada tahun lepas (1987) telah berkeupayaan untuk mengeluarkan kira-kira 186,000 metrik tan koko, itu pada tahun 1987, mungkin pada tahun ini dengan pertambahan keluasan tanah dan seumpamanya, ia akan melebihi pada tahap itu. Adalah malang kalau sekiranya di dalam soal kita untuk menambahkan hasil koko tiba-tiba sudah sampai tahap 250,000 metrik tan, maka negara ini akan diberhentikan daripada menjadi pengeksport koko dunia.

Oleh hal yang demikian, tidak salah sekiranya Lembaga Koko Malaysia yang akan ditubuhkan ini akan turut sama untuk menimbangkan tentang kedudukannya menjadi ahli kepada Perjanjian Koko Antarabangsa ini. Maknanya tidaklah kita ghairah sahaja untuk menjadi satu ahli kepada satu badan ikatan dunia yang terkenal di seluruh dunia ini.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh iaitu mengenai dengan penyelidikan dan juga kemajuan koko negara ini. Apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semalam bahawa kebanyakan peranan sama ada pembiakan, penyelidikan dan kemajuan adalah telah dibuat oleh MARDI, FAMA dan juga apa yang tidak dibentangkan iaitu telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah itu sendiri. Saya sukalah merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada peranan MARDI dan juga FAMA itu sendiri dalam soal memajukan industri koko ini sejak koko diperkenalkan puluhan tahun dahulu sehingga sekarang. Tetapi kita juga sedang menimbang satu perkara iaitu apabila Lembaga Koko Malaysia akan

diwujudkan sudah barang tentulah peranan MARDI dan FAMA akan dipindahkan kepada Lembaga Koko Malaysia.

Yang jelas dalam soal ini janganlah kita terlalu ghairah untuk memutuskan terus hubungan kita dengan FAMA dengan MARDI kerana kalaulah kita tergesa-gesa kita hanya mahu pindah sahaja rumah belum siap lagi, semua barang sudah angkut, maka kita dapati dinding tak ada, katil tak ada, macam-macam perkara yang tidak ada. Jadi, walaupun Lembaga Koko Malaysia ini sudah dibolehkan untuk ditubuhkan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti oleh Parlimen maka seharusnya cara pindah kita itu perlulah perlahan-lahan, perlulah mengambil masa dan saya minta juga supaya pegawai-pegawai pakar-pakar serta orang bijak pandai daripada FAMA dan MARDI langsung tidak meletakkan segala keputusan itu secara total dan secara sekaligus tetapi hendaklah dibuat perlahan-lahan sehingga Lembaga Koko Malaysia sudah mampu dan berkeupayaan dalam mendirikan satu agensi, satu lembaga yang mantap dan boleh diharap-harapkan.

Perkara yang ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai dengan harga dan pasaran koko Malaysia. Daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semalam, kita dapati bahawa harga koko sejak akhir-akhir ini jatuh. Macamlah juga jatuhnya harga komoditi barang-barang lain, getah jatuh, kelapa sawit jatuh, minyak jatuh, semuanya jatuh. Tetapi akhir-akhir ini, kebijakannya kepimpinan pemerintahan kita, barang-barang itu naik balik. Walau bagaimanapun harganya masih belum memuaskan lagi. Tdah dijelaskan bahawa purata harga koko antarabangsa di London Terminal Market adalah tidak memuaskan. Sebagai contoh, pada tahun 1985 dinyatakan bahawa harganya £ 2,030 untuk satu metrik tan yang sama dengan

harga kira-kira M\$6,516. Harga ini telah jatuh pada tahun 1986, kemudian jatuh lagi 1987 menjadi £1,313 untuk satu tan yang sama juga dengan Malaysian Ringgit iaitu \$5,423. Itu pasaran di London Terminal Market.

Kemudian kalau kita lihat pasaran tempatan, harga tahun 1985 iaitu kira-kira \$4,760 untuk satu tan, tahun 1986 jatuh, tahun 1987 jatuh lagi menjadi \$4,322 untuk satu tan. Sekarang ini harga pasaran London kira-kira \$4,800, harga pasaran tempatan kira-kira \$3,000. Semuanya ini menggambarkan kepada kita bahawa harga koko semakin sehari semakin jatuh, walaupun tidak terus menjunam tetapi macam ada kecurigaan kepada kita. Maka kita mengharapkan Lembaga Koko Malaysia yang akan ditubuhkan itu nanti akan menjadi satu badan yang akan dapat menekankan soal-soal harga. Tidak ada makna kita membanyakkan koko, tidak ada makna kita membanyakkan ladang-ladang, membuka estet, buka ibu pejabat tetapi soal harga terus menjunam sehingga kita hendak membayar kos overhead, dengan izin, pun tidak mampu.

Saya lihat masalah ini mungkin berkaitan dengan satu perkara lagi yang mungkin kita sedari tetapi kita tidak mengambil tindakan iaitu dari segi pemasaran kita, dari segi penjualan kita. Hari ini kalau kita bercakap tentang koko, yang jelas, kita jual ke negara Singapura. 40% daripada koko kita, kita jual di Singapura, kemudian diikuti oleh Netherlands ataupun orang Malaysia kata orang Belanda iaitu 35%. Kemudian kita lihat lagi negeri German 14%. Kalau kita campur-campurkan 40%, 35%, 14% menjadi 89%. 89% hasil koko negara adalah diberikan kepada 3 negara ini. Negara-negara lain bukan tidak ada. Kita ada dengar di London pun ada dijual, di Amerika pun ada jual, di Jepun pun ada jual, Italy, Perancis, Spanyol, China, macam-macam negara kita jual. Tetapi negara-negara yang kita jual ini ialah 100%, tolak 89% itu sahaja.

Saya beri contoh, ke Amerika kita jual 3%, England dalam 2%; Jepun 2%, Australia 1%, lain-lain termasuk Italy, Spanyol dan lain-lain dalam 2%. Kalau kita lihat dari segi pasaran kita, maka seolah-olah pasaran koko ini adalah hanya diboloti oleh tiga negara ini sahaja — Singapura, Netherlands dan German. Sudah barang tentulah kalau ini yang kita amalkan, kalau inilah yang kita terus menerus diberikan, maka pergantungan kita secara menyeluruhnya adakah kepada tiga negara. Pergantungan yang terus menerus ini akan membolehkan negara-negara tiga ini menentukan pasaran koko kita. Kalau negara ini hendak beli, dia boleh beli. Kalau dia tidak mahu beli dia tidak belipun tidak apa. Kita tidak mahu satu hari nanti manalah tahu kita berkelahi dengan Singapura, dahulupun hendak berkelahi, tetapi tidak jadi, katalah kita berkelahi dengan Singapura, negara Singapura ini boikot kita punya koko, habis. Begitu juga Belanda. Belanda ini bukan boleh percaya sangat, pernah dia menjajahi Indonesia. Kalau dia boikot pun sama. Begitu juga German. Kita mengharapkan supaya negara-negara yang lain seperti Jepun, Korea, Italy, Spanyol, Australia, semua orang ini suka makan coklat, semua suka makan koko dialih dan dibesarkan pasarannya. Mudah-mudahan dengan cara ini tidaklah berlaku sangat pergantungan secara total, pergantungan secara global kepada negara-negara ini semua.

Inilah satu-satu yang saya kira Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang menekankan soal pentingnya Lembaga Koko Malaysia itu diwujudkan dengan seberapa segera, kerana saya kira kalau kita hendak serahkan kepada MARDI, hendak serah kepada agensi-agensinya yang lain mungkin mereka juga banyak cerita, MARDI dengan pisang emasnya, dengan getahnya, baru-baru ini pula dengan halianya, macam-macam cerita sedangkan benda itu semua bukanlah merupakan satu bahan yang penting dari segi pendapatan per-

tukaran negara asing dan juga pertukaran wang dari luar negeri.

Saya kira dengan adanya satu Lembaga Koko Malaysia yang menekankan soal-soal pemasaran, yang menekankan soal-soal akaun dan sebagainya perlulah dibuat dan diluluskan segera oleh Parlimen kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menekankan dari segi aspek koko. Hari ini kita dapati Malaysia, negara kita ini kalau kita lihat dalam buku, dengan izin, *Profile of the Primary Commodity Sector in Malaysia* yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Utama, kita dapati koko yang banyak dijual ini iaitu koko dalam bentuk biji-bijian iaitu misalnya dalam tahun 1987, lebih daripada 80% eksport koko bergantung kepada biji-bijian.

Bila saya kata biji-bijian, ertinya 20% lagi adadah dalam bentuk koko yang lain. Misalnya dalam bentuk cocoa butter, dengan izin, dalam bentuk serbuk koko, dalam bentuk cocoa paste, dengan izin, dalam bentuk koko caklat. Semuanya itu kita nampak 20% sahaja. Apa yang saya maksudkan bila kita banyak menekankan soal kepada biji-bijian, ertinya kita masih lagi mempunyai sikap ataupun peranan untuk mengeluarkan koko dalam bentuk raw material, dengan izin, iaitu dalam bentuk koko yang diambil isinya, dikeringkan kemudian dieksporth. Ini merupakan jalan mudah. Ini cerita lama. Kalau kita ada emas, kita ambil emas kita eksport emas. Kalau kita ada bijih, kita ambil bijih, kita eksport bijih. Kalau kita ada minyak kelapa sawit, dalam bentuk minyak, begitu sahaja. Ertinya usaha untuk kita menukarkan dalam bentuk barangan siap, dalam bentuk finished products, dengan izin, adalah nampaknya kurang. Ertinya di sini kita perlu membanyakkan soal-soal down-stream industries, dengan izin, iaitu kita pecah-pecahkan dalam bentuk barang-barangan siap.

Di sini sukalah saya memberi fakta-fakta dan kenyataan tentang apa yang saya sebutkan ini iaitu koko yang dieksporth dalam bentuk biji adalah bernilai \$684 juta. Itu dalam bentuk biji-bijian yang memakan peratus sebanyak 80%. Koko yang dieksporth dalam bentuk butter, serbuk, paste dan coklat semakin sebanyak begini. Cocoa butter \$148 juta, serbuk koko \$19.5 juta, cocoa paste dan koko coklat \$11.8%. Perbandingan ini berdasarkan kepada buku yang saya sebutkan ini ternyata sekali bahawa kita masih lagi mengamalkan satu usaha iaitu mengeksporth barangan-barangan yang telah siap yang semula jadi ini dijadikan Tuhan. Kita tidak berusaha secara lebih banyak supaya meluaskan, mewujudkan industri-industri sokongan terhadap koko ini sendiri.

Hari ini memanglah ada, macam kita buat coklat "Van Houten", "Cadbury", kemudian "Nestles" dan sebagainya. Semuanya ini dalam bentuk kerjasama. Alhamdulillah, bagus, baik tetapi saya kira kalau kita hanya berpuashati dengan usahasama-usahasama dengan perkara-perkara yang telah ada itu sahaja, maka sudah barang tentulah kita tidak akan dapat melebarkan teknikal kita, kita tidak akan membanyakkan teknologi kita malah kita tidak akan banyak memberi peluang-peluang pekerjaan kepada negara kita sendiri malah kita tidak banyak dapat memperolehi pertukaran teknologi dan juga kepakaran dalam industri koko. Saya rasa kita sudah cukup dengan persoalan-persoalan yang lain iaitu dengan soal-soal bahan-bahan komoditi yang lain. Yang kita hanya eksport bergantung kepada apa yang ada.

Saya bimbang satu hari nanti negara-negara Eropah, negara China, negara Jepun, negara Russia yang tidak ada koko pada satu hari akan menjadi negara yang terkenal dari segi perusahaan menghasilkan bahan-bahan daripada koko itu sendiri. Jadi saya kira

dengan wujudnya Lembaga Koko Malaysia ini akan mempunyai peranan yang jelas dan penting dalam membuat serta mengusahakan industri-industri sokongan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan tentang lesen dari segi pengilang-pengilang koko ataupun industri koko. Saya difahamkan terdapat 17 lesen untuk menghasilkan koko iaitu 8 di Semenanjung, satu sahaja di Sabah dan yang lain-lain itu termasuklah macam-macam usahasama yang dibuat.

Saya kira soal ini pun perlu diambil berat kerana dalam Akta warna biru ini Rang Undang-undang yang akan diluluskan oleh kita nanti kecuali DAP, kita dapati satu sahaja kilang yang hendak dibuat di Sabah.

Jadi kalaulah di Sabah kita hendak wujudkan satu ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia sudah barang tentulah banyak kilang-kilang koko mesti dibuat serta diberikan lesen kepada negeri Sabah itu sendiri. Tidaklah logik, tidaklah memadai sekiranya Sabah sebagai negeri yang terbanyak lebih daripada 60% mengeluarkan koko Malaysia tetapi lesen untuk pengilang koko di Sabah hanya satu sahaja. Berhubung dengan lesen ini juga perlu kita tekankan bahawa lesen itu mestilah diberikan kepada mereka yang terlibat dengan koko bukan kepada orang luar, bukan orang asing, bukan Ali-Prem, bukan Ali-Baba, tetapi kepada anak bumiputera Sabah itu sendiri agar mudah-mudahan industri yang baru ini dapat dirasakan oleh bumiputera itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan soal diskriminasi di peringkat antarabangsa. Kita lihat negara kita adalah satu negara yang menduduki tempat yang keempat dari segi eksport koko banyaknya di dalam dunia selepas Ivory Coast, Brazil dan Uganda. Negara-negara lain ini semacam ada rasa "dengki"lah, rasa marah dekat

kita. Saya berkata demikian kerana kita ada bukti serta kenyataan yang sahih. Misal kata apabila Malaysia mahu mengeksport kokonya ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah maka kita telah diberi tekanan yang sedemikian rupa, sayu serta menyedihkan. Misal kata apabila negara kita mahu mengeksport koko ke Eropah, kita dikenakan cukai.

Sebagai contoh kalau kita menghantar koko dalam bentuk biji maka cukainya sebanyak 3%. Kalau kita hantar koko dalam bentuk serbuk (powdered cocoa) kita dicukai sebanyak 11%. Kalau kita hantar koko dalam bentuk butter serta base kita akan dicukai sebanyak 8%. Saya tidak kesah. Dunia tidak kesah. Cukai ini cerita biasa. Di mana-mana pun cukai — Golok pun cukai, Bukit Kayu Hitam pun cukai, mana-mana pun cukai. Tetapi biarlah keadilan cukai ini merata, menyeluruh serta tidak melibatkan sifat yang dengki serta khianat. Bukti, kalaulah negara-negara Afrika Barat ataupun negara-negara Afrika mengeskport koko ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah maka negara-negara ini tidak dikenakan cukai. Alasan mereka kerana mereka ini menjadi anggota atau menjadi member, kata orang putih, of Lone Convention. Jadi ini satu perkara yang perlu kita lihat. Kadar cukai 3%, 11%, 8% bukanlah merupakan satu angka yang sedikit. Kalau sudah satu juta kita eksport keluar negeri iaitu cocoa powder, kalau dikenakan cukai sebanyak 11%, sudah berapa? Saya tidak erti fasal hisab kurang mahir. Sebab ertinya sudah cukup memberi makna kepada kita bahawa soal-soal cukai, takrif ini perlulah diambil kira.

Jadi itulah saya kira peranan yang besar yang hendak dimajukan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semalam dalam kertas biru DR 15/88 ini agar Lembaga Koko Malaysia mempunyai peranan bukan setakat untuk menduduki kerusi ahli

jawatankuasa atau menjadi chairman sahaja tetapi lebih daripada itu salah satu aspeknya menekankan soal-soal pemasaran, soal diskriminasi ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerana saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas nampaknya hendak bercakap dan juga orang lain maka saya hendak hentikan di sini sahaja. Tetapi sebelum daripada ini sukalah saya menegaskan bahawa Lembaga Koko Malaysia ini jelas sekali membawa makna, membawa hasrat bahawa sudah sampai masanya seluruh anggota masyarakat, seluruh badan serta Kerajaan sendiri menumpukan kegiatan serta perancangan secara bersama bagi memastikan bahawa industri koko merupakan sebagai salah satu industri yang dapat memanfaatkan hasil daripada negara dan juga sekali gus kepada negara ini sendiri. Negara maju, rakyat sihat.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Labuan.

4.05 ptg.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang bagi membolehkan penubuhan Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan koko di negara ini telah bermula 31 tahun yang lalu secara berterusan seperitimana ianya dijalankan di Stesen Penyelidikan Koko Queen Hill, Tawau, Sabah. Manakala di Semenanjung Malaysia pula ia telah bermula lebih awal tetapi telah diberhentikan dan

dimajukan semula pada awal tahun 70'an. Saya berpendapat penubuhan Lembaga ini telah long overdue, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini mungkin pada masa dahulu komoditi ini masih ditahap yang rendah dan tidak dianggap penting dalam sumbangannya ke arah pendapatan negara. Waiau bagaimanapun dengan penubuhan Lembaga ini ianya telah menampilkan kesungguhan Kerajaan untuk menyelaras, mengembangkan dan mengawal industri koko yang mencakupi dari aspek pengeluaran sehinggalah kepada penggunaan biji koko (end-uses) termasuk juga kerja-kerja penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia keluasan tanaman koko di estet-estet dan pekebun-pekebun kecil pada tahun 1978 di Semenanjung Malaysia, keluasan tanaman itu ialah seluas 30,268 hektar, manakala di Sabah hanya 10,470 hektar dan di Sarawak 4,557 hektar. Keluasan ini meningkat dengan pesatnya menjadikan keluasan tanaman koko seluruh negara kepada 285,000 hektar pada tahun 1985 di mana Sabah mempunyai keluasan terbesar iaitu sejumlah 180,000 hektar dan hari ini keluasan ini sudah menghampiri 200,000 hektar, diikuti oleh Semenanjung Malaysia seluas 80,000 hektar dan Sarawak berjumlah 25,000 hektar. Ianya menjadikan Sabah sebagai penyumbang terbesar koko bagi Malaysia. Keluasan di seluruh negara telah bertambah kepada 341,000 hektar pada tahun 1987.

Nilai eksport koko dan keluaran dari koko juga telah meningkat daripada \$8.8 juta pada tahun 1972 kepada \$684 juta pada tahun 1987, manakala purata harga biji koko antarabangsa (Spot Ghana Beans, London) pada tahun 1980 cumabernilai i'1,269.6setan. Harganya meningkat hingga £2,029.6 setan pada tahun 1985 dan menurun selepas itu kepada \$1,050 setan pada hari ini.

Destinasi eksport biji koko negara ini mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1986 lebih daripada 37% eksport koko kita ke Netherlands, 37% juga ke Singapura; 10.8% ke negara Jerman dan selebihnya ke negara-negara lain.

Berasaskan data-data ekonomi ini jelas menunjukkan bahawa koko merupakan komoditi utama yang ketiga pentingnya ke arah menyumbang kepada pendapatan negara ini. Komoditi ini sentiasa bersaing dengan pengeluaran kayu balak dalam eskport negara. Kita berharap dengan penubuhan Lembaga ini segala kerja-kerja yang berkaitan dengan komoditi ini dapat dikoodinasikan di bawah satu naungan dan ianya dapat berfungsi dengan lebih bermakna untuk menambahkan pengeluaran dan menghasilkan biji koko yang berkualiti tinggi.

Kini Malaysia telah mengeluarkan lebih daripada 185,000 tan metrik biji koko kering yang merupakan lebih daripada 8% dari jumlah pengeluaran dunia dan menduduki tempat keempat di belakang Ivory Coast, Brazil dan Ghana.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sekiranya Kerajaan dapat menumpu dan memajukan beribu-ribu hektar tanah yang terbiar yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah sebagai kawasan penanaman koko, saya percaya Malaysia berkemampuan menjadi pengeluar utama koko di dunia menjelang tahun 1995. Ini dapat dicapai dengan penggunaan klon-klon pokok yang akan mengeuarkan hasil maksima dalam masa 3 tahun dan yang mempunyai 'economic life', dengan izin, hingga 30 tahun berbanding dengan penanaman menggunakan biji yang hanya mempunyai economic life kira-kira 20 tahun.

Apa yang kita harapkan dengan tertubuhnya Lembaga ini nanti ianya akan dapat memberi perhatian yang khusus

kepada persoalan pokok, iaitu bagi menjamin bahawa hasil biji koko yang dikeluarkan oleh pengeluar komoditi ini akan seimbang dan sesuai dengan ptawaian antarabangsa. Hari ini institusi-institusi penyelidikan di negara ini telah berjaya menghasilkan klon-klon yang bersesuaian untuk tujuan di atas dan ini menjadikan fungsi Lembaga ini nanti lebih jdas untuk memberi tumpuan dalam usaha penyelidikan, pembangunan dan pengembangan (research, development and extension programme) di mana tumpuan tentang pentingnya penanam koko tempatan memberi perhatian berat kepada soal mutu hasil keluaran mereka untuk membolehkan koko Malaysia dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar utama koko dunia dari segi kualiti dan kuantitinya.

Hari ini Malaysia masih dianggap sebagai pengeluar koko yang kurang bermutu serta mempunyai kadar asid yang tinggi yang menyebabkan berlakunya diskriminasi harga di pasaran antarabangsa sebanyak 10%. Selain dari itu, para penyelidik harus juga menumpukan perhatian ke arah menghasilkan koko yang mempunyai saiz biji koko yang besar dan seragam, kulit biji yang sedikit, kandungan lemak koko yang melebihi 50% dan mempunyai perisa yang tinggi dengan menurunkan kandungan asid untuk memenuhi piawai antarabangsa di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya kita dapat melihat skop fungsi Lembaga Koko Malaysia yang akan ditubuhkan nanti akan mencakupi soal-soal pokok:-

- (1) penyelidikan;
- (2) pembangunan dan pengembangan;
- (3) pemasaran, termasuk juga tugas-tugas mengged koko;
- (4) soal pelesenan dan persijilan yang akan menentukan standard bagi koko eksport negara ini.

Dengan tertubuhnya Lembaga ini semua fungsi-fungsi di atas akan

disatukan di bawah satu bumbung menjadikannya sebagai satu badan yang 'centralised', dengan izin, dan menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri ini dapat dikoodinasikan dengan lebih berkesan dan bersepadu, pendekatannya berupa satu fokus kebangsaan.

Dalam aspek penyelidikan, penindihan fungsi dan tugas dapat dikurangkan dan menjadikan hasil-hasil penyelidikan itu lebih ber'authority' dengan adanya penglibatan lebih ramai para penyelidik dalam satu-satu kajian yang akan dihasilkan nanti. Pada masa ini kerja-kerja penyelidikan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Yang pertama, ialah institusi-institusi pendidikan seperti universiti-universiti tempatan dan MARDI yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan asas atau 'basic research'. Manakala yang satu lagi, ialah pusat-pusat atau stesen-stesen penyelidikan koko yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian Persekutuan atau Jabatan Pertanian Negeri di mana kerja-kerja penyelidikan penggunaan atau 'applied research' diberi tumpuan di mana satu-satu masalah itu dikenal dan usaha-usaha mencari penyelesaian kepada masalah itu ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang penyelidikan, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya pusat-pusat dan stesen-stesen penyelidikan koko yang ada di negara ini diambilalih oleh Lembaga ini demi untuk memantapkan lagi kedudukannya sebagai 'one-stop agency', dengan izin tetapi beberapa persoalan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu terutamanya ialah soal kakitangan, prospek dan ganjaran bagi mereka yang akan menyertai Lembaga ini. Lembaga ini nanti haruslah memberi keutamaan pekerjaan kepada mereka yang sudah berada dalam sektor ini dan menarik mereka untuk diserap ke dalam Lembaga ini. Sekiranya Lembaga ini gagal

untuk menggunakan mereka ini, kita akan rugi kerana ramai bilangan mereka ini telah berkecimpung dalam penyelidikan koko bertahun-tahun lamanya menyebabkan 'brain-drain', dengan izin, dari sektor ini ke sektor lain. Perlunya juga dikekalkan pusat-pusat dan stesen-stesen penyelidikan koko yang sedia ada di negara ini kerana satu-satu program atau kaedah penyelidikan itu kadangkala memerlukan duplikasi di kawasan-kawasan lain untuk mengetahui perbezaan kesesuaian tanaman di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap secara ringkas berkenaan dengan beberapa masalah penyakit-penyakit serangan serangga dan perosak yang sedang dihadapi oleh industri ini dan yang boleh dianggap serius dan mengancam tanaman koko. Satu daripadanya ialah penyakit yang disebabkan oleh serangan cendawan dinamakan 'vasicula strick diveback (VSD)' yang disebabkan oleh serangan fungus jenis 'unco vasidio'. Serangan ini dilakukan kepada anak-anak koko dan juga pokok koko yang sudah membesar menyebabkan pokok koko yang diserang layu dan mati, manakala 'paitotira fungus' pula lazimnya menyerang buah koko atau 'cocoa pot', batang dan ranting pokok koko. Selain dari itu, banyak lagi penyakit-penyakit koko yang lainnya tetapi tidak begitu serius seperti yang saya sebutkan tadi.

Manakala serangan serangga atau perosak 'pest', dengan izin, adalah merupakan yang paling serius yang sedang dihadapi oleh pekebun-pekebun koko di negara ini. Di Semenanjung Malaysia, serangan serangga bernama 'mirit' atau nama saintifiknya 'helupeltis tiubrome' adalah sejenis serangga seakan-akan nyamuk bentuknya atau dikelaskan sebagai 'sucking insect', dengan izin, yang menyebabkan kerosakan kepada buah koko dan pucuk koko yang sedang membesar menyebabkan bintik-bintik hitam kepada buah koko dan membantutkan

pembesaran buah koko dan sekiranya diserang, serangan ini dilakukan kepada buah yang sudah membesar ianya akan menyebabkan keretakan buah koko dan ianya akan lebih 'susceptible' kepada 'secondary infection' atau serangan kedua.

Manakala 'cocoa pot borer' juga merupakan ancaman yang paling serius yang menyerang tanaman koko di Sabah dan sudah bertapak selama 4 tahun dan serangan ini baru sahaja mula menyerang buah-buahan koko di Semenanjung. Penyakit ini disebabkan oleh sejenis kupu-kupu atau 'moth', dengan izin, jenis 'conomofora gramerela' yang bertelur di kulit buah koko dan apabila 'caterpillar' menetas, ianya terus menebuk buah koko dan menyebabkan kerosakan kepada buah koko.

Pengawalan secara menyembur insecticide, dengan izin, belum boleh dianggap berjaya untuk tujuan ini kerana ianya boleh menyebabkan timbulnya atau the outbreak of secondary pest, dengan izin, dan masalah peningkatan resistance kepada satu-satu jenis racun serangga yang digunakan. Selain dari itu racun itu sendiri mahal harganya. Bagi mengawal serangan serangga mirit, satu penyelidikan yang telah dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia telah menunjukkan di peringkat awal penyelidikan ini, ianya mempunyai potensi untuk dimajukan dengan cara memperkenalkan serangga lain untuk mengawal serangga musuh koko jenis mirit, iaitu menggunakan semut hitam, daicoderus-tirocases yang memakan honey-due atau substate, dengan izin yang dikeluarkan oleh milibulk, dan sekali gus memakan sebagai makanan utamanya dan seterusnya semut hitam ini memakan serangga mirit dengan secara tidak langsung. Proses ini juga dinamakan natural control of pest, dengan izin. Kaedah ini masih belum boleh diperkenalkan secara komersial kerana ianya masih diperingkat penyelidikan. Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Eng Seng Chai: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Labuan, on a point of order.

Dr. Eng Seng Chai: Tidak cukup quorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila bilang.

(Ahli-ahli dikira)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 18. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Quorum sudah ada, Yang Berhormat dari Labuan, teruskan.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, kini jelas kepada kita masih banyak usaha harus dijalankan dalam bidang penyelidikan atau biology, agronomy, pest management, dengan izin, dan penyelidikan untuk mengawal penyakit tanaman koko. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya LKM (Lembaga Koko Malaysia) nanti akan menumpukan usaha-usaha ke arah ini. Apa yang penting ialah apa jua hasil penyelidikan yang akan dihasilkan kelak, yang penting ialah sama ada satu-satu kaedah penyelidikan itu boleh digunakan di peringkat pengeluaran komersial dan ekonomik dipraktikkan di ladang-ladang koko.

Perlu juga ditekankan bahawa tanaman ini amat susceptible, dengan izin, kepada beberapa penyakit dan serangan serangga atau perosak (pest) yang masih belum sampai ke Malaysia. Dari itu saya ingin menekankan bahawa betapa pentingnya pusat-pusat

quarantine di negara ini untuk membanteras kemasukan musuh-musuh bagi tanaman ini. Pegawai quarantine haruslah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi walaupun kadangkala mereka ini dianggap terlalu ketat atau strict di dalam menjalankan tugas mereka dan kurang diminati oleh orang ramai. Ini adalah tugas dan tanggungjawab mereka. Sememangnya mereka tidak harus bertolak ansur demi untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pemasaran koko, hari ini nyata perbezaan dalam aspek pemasaran yang diamalkan di antara pengeluar koko di Sabah dan di Semenanjung Malaysia. FAMA sebagai sebuah agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dalam aktiviti-aktiviti pemasaran-pemasarannya di Semenanjung yang merupakan satu aktiviti yang centralise dan menamakan sistem pengredan sebagai SMC (Standard Malaysian Cocoa) yang telah ditetapkan oleh pihak SIRIM. Manakala di Sabah aktiviti pengredan agak berlainan sedikit. Ianya diselenggarakan oleh Sabah Cocoa Grading Council (SCGC), ianya pula dianggotai oleh 3 persatuan. Pertamanya ialah oleh ahli-ahli East Malaysian Planters Association yang terdiri daripada tuan-tuan punya estet; kedua ialah GOGASA (Cocoa Growing Association of Sabah) yang dianggotai pula dari kalangan pekebun-pekebun kecil; dan ketiga ialah SACODA (Sabah Cocoa Dealers Association) yang dianggotai oleh pembeli dan pengeksport tempatan.

Sebagai Sabah Cocoa Grading Council (SCGC) adalah merupakan satu kuasa sukarela, tetapi kerja-kerja pengredan adalah berasaskan kepada standard yang ditetapkan oleh SIRIM. Di samping itu setiap koko yang hendak dieksport mestilah mendapat satu sijil yang dikeluarkan oleh pihak ketiga, iaitu pihak penilai koko yang diakui oleh pembeli antarabangsa (cocoa valuer). Jadi proses pemasaran koko di

Sabah lebih berbentuk pasaran bebas dan decentralise. Ini juga kadangkala mendatangkan masalah atau arbitration, dengan izin, apabila koko tersebut dieksport atau dijual. Ketiadaan pihak pengkuatkuasa dan pengawal seliaan merumitkan lagi proses pemasaran ini di mana penipuan dan penyalahgunaan kuasa kerap berlaku. Lembaga ini nanti ianya akan dapat mewujudkan satu sistem pengredan yang berupa universal bagi koko keluaran negara ini dan dapat diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Di samping itu saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya proses pemasaran dan eksport koko di Sabah dikekalkan tanpa mewujudkan satu-satu badan seperti yang wujud di Semenanjung. Saya juga telah mendengar risikan-risikan oleh pengeluar-pengeluar koko Semenanjung Malaysia yang mahukan aktiviti-aktiviti pemasaran dan eksport koko ini dicentralise seperti yang diamalkan di Sabah. Saya menyeru kepada pihak Kementerian berkenaan untuk meneliti semua fungsi FAMA dalam penglibatan pemasaran koko nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga ingin menyarankan supaya Lembaga ini nanti akan mengendalikannya soal-soal pelesenan dan persijilan kepada para pengeluar, pembeli dan pengeksport yang bertujuan untuk mengawal mutu koko yang akan dieksport, dan sejajar dengan itu kakitangan penguatkuasa juga haruslah diwujudkan untuk mengawal selia dan menguatkuasakan peraturan yang akan ditetapkan.

Satu lagi perkara yang saya kira tidak kurang pentingnya yang ingin saya utarakan di sini ialah masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar koko dari negeri Sabah ialah soal infrastruktur dan ketiadaan perkhidmatan perkapalan yang kerap untuk membolehkan pengeksportan komoditi ini dengan lebih licin lagi. Penumpuan penanaman koko di negeri Sabah

berkisar di kawasan timur negeri itu. Ini adalah disebabkan oleh kedapatan kawasan tanah jenis volcanic yang secara semula jadi lebih sesuai bagi penanaman koko, tetapi apa yang masih belum memuaskan ialah ketiadaan rangkaian jalanraya yang sempurna bagi membolehkan penanam-penanam koko membawa keluar hasil keluaran mereka sama ada untuk diproses atau dipasarkan dengan lebih efficient lagi.

Adalah diharapkan agar Lembaga ini juga akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan ini di masa akan datang dan memberi penekanan kepada penyediaan rangkaian jalan yang sempurna dalam mana-mana rancangan membuka ladang-ladang koko baru di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Sabah merupakan pengeluar koko utama bagi negara ini, ia mengeluarkan hampir 70% keluaran negara dan mempunyai keluasan tanaman koko yang terbesar, di samping itu negeri itu juga telah menjalankan penyelidikan berkaitan dengan koko sudah hampir 31 tahun lamanya dan sudah mempunyai banyak pusat-pusat dan stesen-stesen penyelidikan yang memberikan fokus ke arah penyelidikan, peningkatan, pengeluaran komoditi ini. Selain dari itu juga terdapat ramai para saintis dan penyelidik yang telah menumpukan career mereka ke arah tanaman ini.

Berdasarkan kepada ini, pilihan Yang Berhormat Menteri memilih Sabah sebagai ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia adalah dialu-alukan dan saya mengucapkan terima kasih. Di samping itu saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri juga untuk menubuhkan Pusat Penyelidikan Koko Lembaga itu di negeri itu.

Selain daripada itu saya ingin menarik perhatian Kementerian ini untuk memberikan fair representation, dengan izin, dalam mengisi ahli Lembaga

Pengarahnya serta pemilihan dan pengambilan kakitangan yang akan bertugas di dalam Lembaga ini nanti. Juga diharapkan Lembaga ini akan menjadi satu badan yang boleh menyatukan industri koko di antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.32 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Ali (Pasir Mas); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberi sedikit pandangan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia yang dibentangkan oleh Kementerian Perusahaan Utama. Oleh kerana rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telahpun banyak menyentuh perkara-perkara yang saya rasa juga hendak sentuh tetapi suka saya mengambil kesempatan ini memberi tumpuan sedikit kepada perkara-perkara yang dikira berbentuk konsep ataupun falsafah pembangunan yang ada kaitan dengan sesuatu rancangan.

Lembaga Koko Malaysia akan dibentuk ataupun akan diwujudkan nanti samalah nanti kewujudan lembaga-lembaga yang sudah pun wujud sebelum ini. Melalui lembaga-lembaga yang sudah pun wujud sekarang ini di bawah berbagai Kementerian, saya percaya ukuran kemajuan, kelemahan dan prestasi sesuatu lembaga dan juga tanggungjawab di bawahnya dalam membantu program-program yang dirancangnya itu sudah barang tentu boleh dijadikan pengalaman kepada Lembaga Koko Malaysia yang akan dibentuknya ini.

Tetapi sehubungan dengan itu juga saya menyebut soal konsep sesebuah lembaga yang saya kira sebagai agen pembangunan negara dan agen untuk membela golongan kaum miskin dan sesuai juga dengan masa kita menunggu Belanjawan untuk tahun 1988 dan juga mungkin dalam usaha Kerajaan untuk menggubal lanjutan Dasar Ekonomi Baru yang tamat pada tahun 1990, maka saya kira peranan-peranan lembaga dan juga soal-soal pembangunan dari segi konsep dan falsafahnya wajar diredefinisikan ataupun dikaji semula sebab kita percaya Lembaga Koko ini ialah untuk membawa pembangunan negara dan mempunyai peranan penting. Tetapi lazimnya apabila kita menyebut soal-soal pembangunan dari segi bentuk matlamatnya, kalau dalam Dasar Ekonomi Baru dengan masyarakat majmuk negara kita, maka kita menetapkan penyertaan 30:70 dan berbagai matlamat. Tetapi saya sukalah menyarankan di sini bahawa pembangunan seharusnya membawa kepada perubahan positif status ekonomi 50% keseluruhan penduduk yang berada di bawah, seluruh negara.

Jika usaha-usaha untuk meningkatkan kedudukan ekonomi 50% penduduk yang berada di bawah, ianya bukan boleh dikatakan usaha pembangunan. Saya memetik pendapat ini daripada seorang tokoh ekonomis yang bernama Professor Mohd. Yunus yang mendapat anugerah Doctoratnya daripada Vanderbilt University dan juga mendapat anugerah Magsaysay daripada Manila dan sekarang ini merupakan Chief Executive Greemy Bank di Bangladesh, yang seterusnya menyarankan iaitu dalam lain-lain perkataan jika seseorang melihat ukuran pembangunan ekonomi, seseorang harus melihat kepada "per capita real income" iaitu pendapatan sebenar 50% rakyat di bawah dan bukan kepada pendapatan "national per capita real income".

Saya menyebut perkara ini, Tuan

Yang di-Pertua, sebab saya kira Lembaga ini ditubuhkan bukan sahaja untuk merencanakan lagi tanaman koko di negara kita, meneroka tanah-tanah yang belum dilerokai tetapi sekali gus penerokaan tanah untuk membuka ladang-ladang koko ini sebenarnya dalam "fmal analysis", ialah untuk membantu golongan kaum miskin tanpa mengira kedudukan kaum dan sebagainya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, maka perkara soal-soal falsafah dalam bentuk pembangunan ini harus difahami dan dihayati dengan lebih mendalam sebab kita dapati, ataupun saya bimbang nanti, walaupun kita wujudkan lembaga, walaupun kita lihat ada lembaga-lembaga yang berjaya tetapi pada masa masa yang sama, ada juga rungutan-rungutan dan kurangnya penyertaan daripada kalangan rakyat di bawah.

Sebab-sebab kurangnya penyertaan ataupun non-participation, dengan izin, di kalangan orang-orang miskin lebih mudah kita fahami kalau kita lihat dengan lebih mendalam dan serius. Kurangnya minat bukan kerana golongan miskin tidak mahu bekerja kuat atau kurang kemahiran. Sebagai satu fakta, saya berpendapat orang miskin bekerja lebih kuat daripada mana-mana pihak dan mempunyai kemahiran lebih dan masa, Kenapa mereka berada dalam kemiskinan termasuklah penanam-penanam koko? Kerana mereka tidak mendapat pulangan maksimum hasil kerja dan usaha-usahanya. Kewujudan sistem institusi sosio-ekonomi masa kini, ada pihak lain selalu berada di tengah, di tepi ataupun di mana-mana iaitu di mana golongan tertentu ini selalu mendapat faedah yang lebih dari usaha mereka yang miskin. Sistem yang wujud ini seolah-olah dibentuk di mana proses mengambil hak orang lain berterusan dan ianya bertambah kuat, sehingga usaha dan kerja golongan miskin ini membuat segelintir orang terus bertambah kaya-raya dan pada masa yang sama melahirkan pengemis-

pengemis ataupun orang-orang miskin berlipat ganda sama ada yang terhormat ataupun secara yang tidak terhormat.

Tuan Yang di-Pertua, orang miskin tidak mendapat pendapatan atau saham hasil kerjanya yang munasabah kerana orang miskin tidak mempunyai apa-apa.

Kalaulah sedikit demi sedikit orang miskin dapat menambah hartanya atau assetnya, maka mereka akan dapat menguasai pendapatan atau saham yang lebih hasil dari kerjanya. Cara untuk membina base orang-orang miskin ialah memberi tanah kepada orang-orang miskin dan yang tidak bertanah. Ini memang Kerajaan kita sudah melakukan ataupun sudahpun memberi tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah seperti melalui berbagai rancangan seperti FELDA, RISDA, dan sebagainya. Tetapi apakah Lembaga Koko ini nanti akan menggunakan pendekatan yang sama ataupun rancangan-rancangan yang dibuka oleh perbadanan-perbadanan peringkat Negeri. Kalau kita hendak menanam koko ataupun koko sudah pun ditanam dan kita hendak menggalakkan lebih ramai lagi orang menanam koko, seperti orang menanam kelapa sawit, menanam getah, melalui rancangan yang saya sebutkan tadi, kita lihat berbagai-bagai pendekatan dan konsep ataupun strategi digunakan.

Kalau di Kelantan kita lihat cara pembukaan tanah FELDA ala Kelantan yang dianjurkan oleh KESEDAR di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah ataupun pendekatan yang digunakan oleh FELDA sebagai suatu institusi yang besar sekarang ini. Tetapi kita dapati walaupun mereka ini terbelah hak dan nasib mereka lebih baik dari yang dahulu, tetapi hasil kerja-kerjanya untuk mereka memiliki sesuatu yang mereka usahakan dengan titik peluh mereka, kita dapati begitu lama masa untuk mereka ini mendapat hak milik

mereka sama ada dari segi tanah ataupun sebagainya. Maka sebab itulah kita lihat walaupun kita membuat sesuatu rancangan dan kita dapat membuka tanah dan memberi tanah kepada rakyat yang miskin, tetapi kedudukan sosio-ekonomi rakyat yang saya maksudkan sekurang-kurangnya 50% yang terbawah di dalam sesebuah negara. Maka kalau ini tidak terbelaianya juga bererti kita belum berjaya sesungguhnya mengubah nasib rakyat negara kita.

Walaupun kita berjaya mengubah struktur infrastruktur, dengan izin, pembangunan negara kita dari segi kemudahan jalan, terdirinya bangunan-bangunan dalam kawasan-kawasan iuar bandar untuk pejabat, tetapi dengan izin sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, in the "final analysis" yang pentingnya ialah pendapatan golongan miskin yang terlibat dengan sesuatu rancangan itu haruslah sesuai dengan pembangunan dan perubahan yang ada dalam sesebuah negara. Kalaulah segala-galanya ini berjaya, tetapi pendapatan yang mereka dapati tidak dapat menampung keperluan hidup sama ada kerana harga-harga barang-barang sekarang ini mahal, segala-galanya perlu duit, segala-galanya perlu wang, kalau satu keluarga mempunyai satu orang anak sekolah sekarang ini, bila cukup tahun sekolah dibuka satu orang pun berbelanja mungkin \$30—\$40 ataupun lebih. Bagaimana kalau 2 atau 3 anak, 4 hingga 5 anak dalam sesebuah keluarga? Maka ini juga tidak terlepas dengan mereka yang sudahpun terlibat dengan tanaman koko dan juga rancangan pembukaan tanah, mungkin bagi penanam koko, tidak terlepas daripada hakikat ini. Dengan sebab itulah saya berharap Lembaga yang akan dibentuk nanti memikirkan strategi ke arah mencapai matlamat ini, dan sudah tentulah ianya berkaitan dengan soal pemasaran, soal kecekapan Lembaga bukan sahaja disebut berulang-ulang "Bersih, Cekap dan Amanah" tetapi yang penting juga pemasaran dan perkara-perkara lain

yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menentukan kejayaan sesebuah Lembaga.

Tuan yang di-Pertua, dalam hal seperti ini kita memang menyarankan mana-mana kawasan bukan sahaja di Sabah, tetapi juga seluruh Malaysia, mana-mana tanah yang dikira sesuai untuk tanaman koko kalau wajar ianya diterokai maka ianya harus diterokai secara seimbang.

Saya percaya di negeri Kelantan juga ada kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman koko, selain daripada Sabah ataupun lain-lain negeri. Tetapi kita juga berharap di sini Lembaga ini juga akan membantu penanaman-penanam koko yang dibuat secara tersendiri yang dijalankan secara persendirian juga diberi perhatian dan mendapat pertolongan daripada Lembaga ini nanti. Saya menyebut tadi yang pertama kekurangan orang-orang kita ialah asset base, dengan izin, dan perkara yang kedua ialah financial resources ataupun kemudahan kewangan.

Sekali lagi saya ingin memetik salah seorang ekonomis yang saya sebutkan tadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"With financial resources at his disposal an individual is free to bid his own fate with his own level. Nothing can match the spirit of a free human being. If financial resources can be made available at terms and conditions that are appropriate and reasonable, then millions of small people with their millions of small pursuits can add up to create the biggest development wonder."

Inilah hakikat, maka dengan sebab itu dalam mana-mana sejarah pun kita lihat mereka yang dapat memulih kedudukan sosio ekonomi mereka menjadi kaya-raya, sememangnya kerana mendapat kemudahan seperti ini.

Sebut sahaja jutawan-jutawan negara kita sekarang ini yang berjaya kerana mereka mungkin mendapat kemudahan-kemudahan yang lebih daripada orang lain, maka berjayalah mereka menjadi jutawan. Begitu juga kalau kita lihat orang lain diberi kemudahan yang sama, maka sudah barang tentu orang seperti ini juga akan mendapat kejayaan yang sama. Memanglah kita tidak dapat menolak kemungkinan 1—2 segelintir menyalahguna kemudahan diberi, tetapi itu sudah menjadi hukum alam, tetapi kita tidak boleh menghukum bahawa keseluruhannya secara umumnya. Kita mengatakan bukan masalah tidak mempunyai wang, kita tidak boleh maju, kita mesti terima hakikat bahawa perkara-perkara basic yang penting dalam kita menentukan arah pembangunan negara bagi membantu rakyat yang termiskin di bawah, tidak terkecuali juga tanggungjawab Lembaga Koko ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara pandangan-pandangan saya dan buat akhirnya saya ingin menyebut sekali lagi bahawasanya pandangan-pandangan ini terbit daripada keikhlasan supaya setiap Lembaga yang kita bentuk nanti terutamanya Lembaga Koko ini biarlah ia menjadi sebuah Lembaga yang benar-benar berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah sedikit pandangan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas masa yang diberi.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kapit:

4.48 ptg.

Tuan Jimbun Anak Pungga (Kapit):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Bagi negeri Sarawak koko adalah tanaman yang penting khususnya kepada pekebun-pekebun kecil. Sehingga penghujung tahun 1987, 58,000 hektar telah ditanam dengan koko, dari itu 48,250 hektar atau 85% adalah ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya pekebun-pekebun kecil inilah yang memerlukan bantuan perkhidmatan dan perlindungan dari Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyaksikan betapa teruknya pekebun-pekebun kecil ini semasa harga koko jatuh dari penyakit koko merebak di kawasan mereka. Maka saya berharap Lembaga ini akan dilengkapi dengan jentera yang mampu membantu pekebun-pekebun kecil ini. Dengan harapan ini kita berharap penubuhan Lembaga ini akan dimulakan masa depan yang cerah kepada industri koko seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengemukakan beberapa cadangan. Saya ingin mencadangkan bahawa Lembaga ini menumpukan tenaganya khas kepada pengawalan harga koko. Ini penting untuk mengurangkan keadaan yang tidak menentu akibat price floatation, dengan izin. Dengan hal mengawal harga koko ini saya ingin mencadangkan supaya Lembaga Koko nanti menubuhkan price support facility, dengan izin, untuk pekebun-pekebun kecil. Dengan sistem ini kita berharap Lembaga akan menjamin harga minima sekurang-kurangnya untuk menjamin harga koko cukup membayar kos. Dengan cara sistem menjamin harga ini kita dapat mengelakkan beban yang teruk kepada pekebun-pekebun kecil khususnya dan koko industri amnya masa harga koko jatuh di bawah kos.

Tuan Yang di-Pertua, kita di luar bandar Sarawak telah menyelesaikan akibat kejatuhan harga lada hitam yang teruk pada akhir tahun 70an dan awal

tahun 80an. Akibat kejatuhan harga masa itu 70% dari kebun-kebun lada hitam di luar bandar telah terbiar dan kemudian musnah. Pekebun-pekebun kecil itu terpaksa menanam tanaman lain seperti koko. Tetapi apabila harga lada hitam itu naik melambung tinggi beberapa tahun yang lalu, mereka ini terpaksa menanam semula lada hitam dengan kos yang lebih tinggi dan terpaksa menunggu tiga tahun sehingga lada itu mengeluarkan hasil. Kebanyakan mereka terus tidak bernasib baik mengikuti harga yang tinggi kerana selepas tiga tahun kemudian harga lada pula turun lagi. Keadaan yang tidak menentu begitu menyulitkan kehidupan rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan bahawa Lembaga Koko mengatur langkah untuk melindungi industri koko khususnya pekebun-pekebun kecil dari kesan buruk price instability, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin mencadangkan bahawa Lembaga Koko sentiasa mendedahkan hasil penyelidikan Lembaga itu ke seluruh negara untuk kegunaan industri koko khususnya pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Ini penting kerana sebenarnya kita mendapati bahawa pekebun-pekebun kecil luar bandar di Negeri Sarawak jauh tertinggal dalam menikmati hasil kajian-kajian perbadanan seperti MARDI. Misalnya, cara tanaman koko secara budding, dengan izin, telah lama digunakan oleh pekebun-pekebun di Semenanjung Malaysia tetapi sehingga sekarang pekebun-pekebun kecil di Sarawak sehingga hari ini belum dapat menikmati cara tanaman baru itu. Maka saya menyeru bahawa apa-apa hasil penyelidikan didapati haruslah disebarikan seluas-luasnya demi kepentingan pekebun-pekebun kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekurang-kurangnya seorang wakil dari

Negeri Sarawak dilantik sebagai Ahli Lembaga ini. Ini penting untuk menentukan bahawa kepentingan koko dalam Negeri Sarawak tidak tertinggal dari aliran pembangunan industri koko seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Lembaga merancang menubuhkan pejabat-pejabat Lembaga di seluruh negara khususnya di Negeri Sarawak, saya berharap Lembaga menubuhkan pejabat-pejabatnya di semua Bahagian di seluruh Negeri Sarawak. Ini penting supaya pekebun-pekebun kecil di luar bandar boleh menikmati perkhidmatannya dari Lembaga ini. Ini penting juga kerana dari pengalaman perbadanan-perbadanan seperti FAMA, Lembaga Pemasaran Lada dan Bank Pertanian apabila pejabat-pejabat badan-badan tersebut hanya ditubuhkan di Kuching, hanya segelintir atau pekebun-pekebun kecil yang berpeluang menikmati khidmatan badan tersebut. Misalnya, di kawasan saya di Kapit 95% petani tidak pernah mendengar nama PAMA, Lembaga Pemasaran Lada Hitam atau Bank Pertanian. Apa kata pekebun-pekebun kecil di kawasan macam Belaga, Song, Julau dan Lawas. Maka adalah penting untuk Lembaga Koko nanti memahami hakikat keadaan di Negeri Sarawak. Sekiranya benar-benar bertujuan untuk membantu petani dan pekebun-pekebun kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dalam daya maka Lembaga menggred koko, saya berharap Lembaga terus mengambil perhatian kepada masalah pekebun-pekebun kecil di luar bandar. Sekiranya proses menggred koko tidak dijalankan dengan berhati-hati ianya hanya menguntungkan orang tengah dan menyusahkan rakyat luar bandar.

Oleh yang demikian, saya berharap perkara ini diambil perhatian oleh Lembaga itu nanti. Dengan itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

4.58 ptg.

Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3(2) bertujuan memberi kuasa kepada Menteri melantik anggota-anggota Lembaga. Oleh kerana Sabah adalah negeri pengeluar koko yang terbesar di Malaysia maka saya menyokong penubuhan Lembaga Koko Malaysia dengan beribu pejabat di Sabah. Tetapi di bawah kriteria apakah ahli-ahli Lembaga akan dilantik dan sama ada pihak Menteri akan membenarkan daerah yang mengeluarkan koko terbesar akan diwakili dengan seelok-eloknya.

Fasal 8 (k) memberi peruntukan memajukan langkah-langkah ke arah mencapai kualiti koko dan termasuklah membantu menetapkan standard-standard dan penubuhan suatu sistem penggredan yang cekap dan Fasal 8 (n) memberi peruntukan menimbang, menggalak dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berlakunya dan merebaknya penyakit-penyakit yang melibatkan koko.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mencadangkan lebih banyak kumpulan wang diberi kepada pusat kajian Quoin Hill di Tawau, sebab supaya:-

- (i) mereka mempunyai alat-alat yang termoden bagi menjalankan kajian ke atas makhluk-makhluk perosak koko;
- (ii) mengambil pengkaji-pengkaji yang berkelayakan di dalam bidang pengawalan maklum-maklum perosak koko; dan

- (iii) supaya jenis-jenis koko yang lebih bermutu yang boleh menghasilkan lebih keluaran akan diperolehi.

Pada masa sekarang tidak terdapat pengawalan mutu ke atas koko dan barangan-barangan berasas koko dan ini mengakibatkan harga koko dan selanjutnya melibatkan mutu dan imej koko Malaysia. Sama juga satu badan yang serupa seperti SIRIM hendaklah ditubuhkan bagi maksud ini.

Di bawah Fasal 20 memperuntukkan bahawa Lembaga boleh, dari masa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melabur Kumpulan Wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya yang tidak diperlukan dengan segera untuk memenuhi obligasi-obligasi atau menjalankan fungsi-fungsinya. Dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada ketika ini dibenarkan untuk pelaburan Kumpulan Wang Amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Saya mencadangkan bahawa hendaklah satu garis panduan yang teliti diadakan bagi pelaburan Kumpulan Wang yang Berlebihan dan bahawa jenis-jenis pelaburan yang dicadangkan hendaklah diberitahu umum.

Fasal 22(1) menyatakan cara penge-naan, penggubahan atau pembatalan perintah-perintah ke atas ses. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan bilakah ses ke atas koko dimulakan sehingga hari ini? Dan apakah aturcara-aturcara bagi menilai ses ke atas koko? Saya difahamkan bahawa di Sabah ada terdapat peruntukan negeri bagi ses ke atas koko. Di bawah Fasal ini Menteri dibolehkan selepas berunding dengan Lembaga dan dengan persetujuan Menteri Kewangan membuat perintah bagi mengenakan, mengredkan atau membatalkan ses ke atas koko. Ini bermakna bahawa Kerajaan Pusat juga mempunyai hak untuk mengenakan ses ke atas koko. Jika pihak negeri dan

pihak Kerajaan Pusat mengambil keputusan untuk mengenakan ses masing-masing, ini akan menjadikan cukai berganda. Oleh yang demikian, saya mencadangkan jika ses ke atas koko hendak dikenakan, ianya harus dikenakan sekali sahaja dan sama ada terdapat struktur-struktur cukai yang berlainan bagi estet-estet dan pekebun-pekebun kecil? Adakah ses koko pergi kepada Kerajaan Negeri atau kepada Kerajaan Pusat?

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 28 memperuntukkan bahawa Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang melalui pemberitahuan dalam warta daripada mana-mana peruntukan Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya sesuai dikenakan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama apakah pula asas bagi pengecualian? Di sini saya mencadangkan bahawa pemberitahuan ini diberi terus kepada orang-orang atau kelas-kelas orang yang diberi pengecualian dan bolehkah beliau menjelaskan apakah syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang seorang pemohon akan melalui apabila memohon untuk pengecualian di bawah Fasal ini.

Akhirnya, dari jawapan dari Yang Berhormat Menteri ke atas soalan saya pada 27hb Jun yang baru lepas, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa buat masa sekarang pihak Kementerian sedang mengkaji untuk menyertai International Cocoa Organisation (ICCO), ingin saya nyatakan bahawa pengeluar-pengeluar koko sama ada di estet-estet atau pekebun-pekebun kecil terutamanya di Sabah tidaklah berapa gemar untuk menyertai organisasi ini memandangkan bahawa ICCO tidak dapat menyelesaikan perselisihan di antara negara-negara pengeluar dan pengguna ke atas masalah bekalan dan harga pada masa ini. Oleh yang demikian, saya men-

cadangkan bahawa sebelum menyertai ICCO, pihak Kementerian hendaklah membuat kajian yang teliti supaya ini tidak akan mengganggu harga pasaran koko di Bursa-bursa Komoditi kita. Sekian, terima kasih,

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ahli Yang Berhormat dari Maran.

5.05ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia 1988. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja yang mungkin tidak disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap.

Sebagaimana kita ketahui bahawa negara kita adalah di antara negara yang banyak tanah terbiar. Saya ingin menyarankan kepada pihak yang berkenaan supaya kita menentukan tanah-tanah terbiar ini mana yang sesuai untuk ditanam dengan koko. Saya rasa inilah salah satu cara bagi menggunakan tanah-tanah terbiar yang ada di negara kita.

Masalah kedua ialah sebagaimana kita ketahui Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memberi pendapatan kepada penduduk-penduduk luar bandar terutamanya. Tetapi adakah kita ketahui bahawa masalah mendapatkan hasil koko ini perlu kepada beberapa alat tertentu bagi membantu mereka selain daripada menanam juga memproses buah koko itu sendiri. Setakat yang saya ketahui sehingga sekarang kita tidak ada satu alat yang boleh menolong mereka dari segi mengambil buah ataupun isi koko itu sendiri. Yang kita kelihatan sekarang mereka menggunakan tangan mereka sendiri bagi mengupas buah dan mengambil biji koko itu sendiri. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak

penyelidikan membuat satu penyelidikan yang boleh mendapatkan satu alat yang mudah untuk digunakan oleh terutamanya pekebun-pekebun kecil kerana saya percaya dengan adanya alat ini sudah barang tentu boleh mempercepatkan mereka memproses untuk mendapatkan biji koko.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya ketahui ialah bilangan pokok koko yang boleh ditanam bagi satu ekar ialah lebih kurang 1,000pokok. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan pokok ini untuk ditanam dalam satu ekar tanah kerana saya percaya kalau sekiranya kita dapat membuat kajian supaya kita boleh menanam lebih bilangan pokok koko bagi satu ekar. Ini akan menambahkan lagi hasil kepada pekebun-pekebun kecil dan seterusnya.

Di Rancangan-rancangan Tanah baik di Rancangan Tanah FELDA, tanaman kelapa sawit ataupun getah kedapatan walaupun beberapa percubaan telah dibuat. Pokok koko tidak begitu sesuai untuk ditanam di bawah pokok kelapa sawit dan getah kerana katanya tidak mengeluarkan buah. Jadi, apabila tidak ada buah, sudah tentu kita tidak mendapat hasil daripada koko. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak penyelidik membuat satu kajian supaya boleh disesuaikan tanaman koko ini ditanam di bawah pokok kelapa sawit dan getah kerana ini kalau kita kedapatan sesuai sudah barang tentu akan memberikan pendapatan yang lebih kepada peneroka-peneroka di rancangan tanah kelapa sawit dan juga getah.

Satu perkara lagi ialah koko ini selain daripada kita jual secara buah tanpa biji yang dikeringkan, kita juga boleh jual biji-biji koko yang telah dikeringkan tetapi kita mesti ingat bahawa negara kita ada dua musim iaitu musim panas dan musim hujan. Jadi, apabila kedapatan semasa buah koko itu boleh dipetik iaitu sudah tua ialah ketika musim hujan. Jadi, kalau sekiranya di

musim hujan, kita tidak dapat mengeringkan biji koko itu. Jadi, perlulah satu kajian, menentukan dibuat satu alat yang boleh memanaskan biji koko itu yang mana boleh digunakan baik di musim panas ataupun dimusim hujan. Saya percaya kalau ada alat ini dengan harga yang berpatutan, sudah barang tentu boleh memberikan kemudahan kepada pengusaha-pengusaha koko ataupun petani-petani ataupun pekebun-pekebun kecil koko di luar bandar. Saya percaya kalau perkara ini dapat kita selaraskan, kita adakan, sudah barang tentu kita boleh memberikan kemudahan kepada mereka.

Perkara lain yang saya ingin sentuh ialah masalah perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Koko Malaysia ini, Saya memang yakin bahawa Lembaga Koko ini perlu kepada Ahli-ahli yang tahu mengenai perkara ini. Sebab itu perlulah bagi pengurusan ataupun Lembaga ini terdiri daripada orang-orang yang pakar dalam masalah koko kerana kalau kita tempatkan perkara itu kepada bukan ahlinya, jarang sekali kita mencapai kejayaan kerana banyak kedapatan badan-badan tertentu yang kita telah letakkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya, maka badan itu telah tidak berjaya.

Hadis Nabi sendiri ada menyebutkan — Yakni maksudnya, apabila kita meletakkan sesuatu perkara itu atau meletakkan orang kepada satu tugas yang bukan ahlinya, maka kita tunggu sahajalah kehancurannya. Jadi jelaslah perkara ini, mestilah kita memikirkan benar-benar supaya apa sahaja perkara, baik dalam pentadbiran dan sebagainya mestilah kita menentukan kepada ahlinya supaya apa tugas yang kita berikan kepada mereka itu boleh berjaya, tetapi kalau bukan ahlinya kita letakkan, maka sudah barang tentu kita akan tunggulah sahaja saat kehancurannya.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya hendak percakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

5.04 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kemarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bersama-sama mengambil kesempatan di sini untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Koko Malaysia. Tujuan menubuhkan Lembaga Koko ini mengikut penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa ucapan pembentangannya kelmarin, memang sesuai dan saya bersetuju dengan tujuan menubuhkan Lembaga ini kerana harga biji koko keluaran dari Malaysia jika dibandingkan dengan harga keluaran dari negara-negara lain adalah lebih rendah.

Ini adalah seimbang dengan cita-cita negara kita supaya pencapaian mutu pengeluaran barang-barang mentah untuk eksport tidak kurang mutunya dari barang-barang mentah yang dikeluarkan daripada negara-negara Lain.

Dan juga saya menerima hakikatnya iaitu memandangkan mutu biji koko di Sabah adalah tinggi jika dibandingkan dengan apa yang telah dikeluarkan dari negeri Sarawak. Begitu juga saya difahamkan biji koko yang dikeluarkan dari Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum, penanaman koko di Sabah adalah awal-awal lagi dan mengikut estate basis, dengan izin. Ini saya percaya kerana tanah di sana lebih-lebih lagi subur dari di Sarawak iaitu di tempat-tempat macam di Tawau dan lain-lain tempat. Begitu juga di Semenanjung, di sini tentu awal-awal lagi menanam koko dibandingkan dengan Sarawak. Di Sarawak penanaman koko yang perama yang saya difahamkan ialah ditanam oleh Sarawak Land Development Board (SLDB)

dalam Bahagian Miri seluasnya kalau saya tidak salah, lebih kurang 400-500 ekar sahaja dalam tahun 1975, awal atau kurang setahun dari tahun berke-
naan. Diikuti pula estet yang sama besar atau kecil lagi dalam kawasan Miri, Bintulu dan pekebun-pekebun kecil di Sarikie. Selepas itu Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SELCRA) mula menanam koko di Bahagian Pertama di Daerah Lundu dan Serian dalam Bahagian Seri Aman di Daerah Betong dalam penghujung tahun 70an dan awal tahun 80an sampai sekarang. Dan di lain-lain daerah dalam Bahagian yang sama seluas kurang lebih 200-500 ekar satu kawasan, kesemuanya ada 6 kawasan sahaja dan diikuti pula oleh pekebun-pekebun kecil di seluruh Sarawak dalam masa 6-7 tahun yang lepas sampai sekarang.

Jadi, kebanyakannya, Tuan Yang di-Pertua, kita dengar rakan saya Yang Berhormat dari Kapit memberitahu lebih kurang semuanya 48,000 ekar. Jadi, saya difahamkan kawasan yang disebutkan 48,000 ekar itu tentu sekali kebanyakannya diambil dari statistik Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Jadi, kita lebih tahu, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ialah satu Jabatan yang memberikan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil. Jadi, pekebun-pekebun kecil di Sarawak, saya difahamkan bukanlah seratus-peratus berjaya, tentu sekali ada yang tidak berjaya. Jadi, kita boleh anggapkan penanaman kawasan 48,000 ekar itu tentu tidak lebih, kemungkinan kurang pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Lembaga Koko itu nanti tentu sekali masaiyah-masalah yang timbul, lebih-lebih lagi dari pekebun pekebun Kecil, terutama sekali kerana mutu biji-biji koko susah mahu kita mengawal jika gred biji koko itu nanti dibuat oleh Lembaga yang kita tubuhkan. Kerana penanaman koko ini adalah penanaman yang baru di negeri Sarawak. Kepada mereka dan apa sahaja mutu biji koko sekarang dapat

dibeli oleh pedagang-pedagang kecil dan di mana-mana kedai. Sekiranya ada satu sistem penggredan yang cekap dan teratur mengikut fungsi Lembaga dalam Fasal 8 (k) dan apa jadinya biji koko yang tidak sesuai untuk eksport, kalau dibeli dengan harga yang rendah sedikit, ini tidak mengapa, Tetapi kalau tidak diterima dan tidak dibeli sama sekali oleh kerana Lembaga ini telah ditubuhkan dan penggredannya diatur dengan cekap, tentulah apa jadinya usaha pekebun kecil di negeri Sarawak dalam masa yang akan datang apabila Lembaga ini telah ditubuhkan?

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua ialah saya difahamkan koko sebagai pengeluaran yang lain kalau sudah banyak di dunia tentu di suatu masa akan turun harganya, adakah pekebun-pekebun kecil koko di Sarawak dan Semenanjung ataupun di Sabah ini sama macam pekebun-pekebun kecil lada hitam di Sarawak iaitu dalam penghujung tahun 70-an atau 1980-1983 apabila harga lada hitam turun ke paras yang merugikan pekebun-pekebun kecil.

Telah dibiarkan lada-lada hitam dan mereka mati, kerana Lembaga Lada Hitam yang sedia ada pada masa itu dengan ibu pejabat di Kuching, Sarawak tidak mendapat bantuan dari Kerajaan Pusat menerusi Kementerian yang berkenaan supaya diadakan stockpile, dengan izin, dengan Lembaga Lada Hitam membeli lada hitam dengan harga yang mencukupi supaya penanam-penanam lada hitam dapat dkekalkan. Tetapi apa yang terjadi kepada pekebun-pekebun kecil lada hitam di Sarawak adalah sebaliknya pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta penjelasan daripada Menteri Perusahaan Utama berkenaan dengan perkara 2 yang saya sentuhkan itu tadi. Saya suka membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya ada

permintaan daripada Kerajaan Sarawak mengenai tarikh-tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini kerana sebab-sebab yang saya timbulkan dan perkara-perkara yang lain yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang lepas saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini iaitu Sarawak masih lagi ketinggalan dalam banyak bidang dan nampaknya penanaman koko oleh pekebun-pekebun kecil di Sarawak ialah satu daripadanya. Sungguhpun begitu, kami di Sarawak tidak mahu menghalang penubuhan Lembaga Koko Malaysia ini kerana dalam jangka panjang ini akan memberi keuntungan kepada kita semua. Di sinilah pertimbangan yang sewajarnya patut diberi kepada negeri-negeri yang baru menanam koko supaya pekebun-pekebun kecil dapat mempelajari segala teknik dan bagaimana dalam masa akan datang mereka dapat mengeluarkan biji koko yang sama tinggi mutunya di seluruh negara.

Akhir sekali, saya suka mengikuti rakan-rakan yang telah menyentuh tentang satu badan iaitu Cocoa Corporation ataupun satu badan di dunia ini mengenai cocoa production, dengan izin. Oengan ada pengalaman sedikit dengan Pepper Community yang dianggotai oleh Malaysia, India, Indonesia dan dudinya Brazil, saya harap apa yang disentuh oleh rakan-rakan yang telah bercakap kelmarin dan hari ini fasal penubuhan ini, saya harap negara Malaysia kita melihat dahulu. Jangan kita gopoh-gopoh menjadi ahli badan ini. Dengan ini saya mengakhiri dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan apa yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amta bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Sebelum Yang Berhormat berucap, berapa lamakah agaknya?

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samab: Lima enam minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau 5 minit, pukul 5.30 petang saya akan menjemput Menteri Perusahaan Utama untuk menjawab.

5.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pun tidak akan mengambil masa yang panjang dalam soal ini. Saya ingin untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Sebagaimana rakan-rakan Yang Berhormat telah memberi ucapan-ucapan dan hujah-hujah, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri.....

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Lembah Pantai ini bercakap 5 minit, ertinya kami ini tiada peluanglah. Macam mana? Membawa diri, balikkah. Balik?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya buat ruling pada 5.30 petang Menteri akan menjawab. Jadi, yang lain itu tunggu masa di Bil-bil yang lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sebab kita sudah dua tiga hari prepare, kesedihan itu amat sangatlah kalau tidak diberi peluang. Kalau Yang Berhormat Speaker buat ruling, apa boleh buat, terpaksa membawa diri dengan hati yang sedih. Apa boleh buat!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk. Saya rasa lain kali elok hari yang pertama itu bangun tiga, empat, lima kali. Jadi Speaker dapat nampak. Kali ini saya tidak dapat benarkanlah. Jemput Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Sebagaimana yang disebut, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian dan juga Kerajaan yang dapat membuat Rang Undang-undang dan juga dijalankan nanti berhubung dengan Lembaga Koko Malaysia ini kerana kita tahu sebagaimana telah diberi ucapan dan penerangan, keluaran hasil koko di negara ini ialah keempat terbesar di dunia ini selepas Ivory Coast, Brazil dan juga Ghana seperti yang telah diterangkan tadi. Kita adalah negara yang keempat dan mudah-mudahan dengan adanya Lembaga ini dan juga penanaman di mana akan datang, kemungkinan negara kita akan menjadi pengeluar yang utama dalam dunia.

Soal yang lain, apa yang saya hendakkan supaya Lembaga ini di masa yang akan datang, kita telah mewujudkan berbagai-bagai Lembaga tetapi banyak Lembaga-lembaga yang tersebut kadangkala hanya pada nama sahaja. Apabila telah diwujudkan, pelaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan baik. Umpamanya pada satu masa kita telahpun mengarahkan orang-orang kampung yang berpendapatan kecil supaya menanam pisang dan orang kampung telah berlumba-lumba untuk menanam pisang. Apabila hendak dijual, pihak FAMA telah menolak tidak mahu membeli dan ada alasan-alasan. Dengan keadaan ini orang-orang kampung dan pekebun-pekebun kecil merasai hampa di atas usaha-usaha mereka itu.

Dalam keadaan ini saya mengharap supaya Lembaga ini di masa akan datang apabila diwujudkan, akan di-

jalankan benar-benar supaya pihak Kerajaan benar-benar menghargai apa yang telah dikorbankan oleh sama ada pekebun-pekebun kecil ataupun pihak estet-estet yang besar ataupun orang-orang kampung.

Soal koko ini sungguhpun saya duduk di Kuala Lumpur, kalau ditanya kemungkinan tidak tahu hal koko tetapi walau bagaimanapun saya berasal dari kampung, ada juga melihat keadaan koko-koko yang ditanam oleh saudaramara dan juga rakan-rakan di kampung. Apabila di kampung kita melihat keadaan. Saya melihat kadang-kadang banyak koko ini ditanam begitu sahaja dengan suka-suka hati. Apabila melihat keadaan buah ataupun bijinya sebagaimana dikatakan di dalam ucapan, di segi mutu, berikutan, dari kandungan asid tinggi, saiz biji tidak seragam dan seterusnya tadi, supaya pihak Lembaga Koko ini di masa yang akan datang benar-benar dapat menyediakan benih-benih koko yang bermutu tinggi yang sama saiz yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan, yang dikehendaki dibeli oleh pihak koko antarabangsa supaya harga-harga ini dapat bersaing dengan koko-koko yang dikeluarkan oleh negara-negara sebagaimana yang disebutkan tadi. Ini amat penting kerana kalau kita tidak menjaga dalam soal ini, kita hanya mengharap pihak orang-orang kampung atau pekebun-pekebun kecil untuk menanam, apabila tiba hasilnya, bila hendak dijual, begitu kurang harganya.

Kita tahu koko ini memang sesuai kepada orang kampung khasnya kerana koko ini bila telah mengeluarkan hasil, buah koko ini boleh diambil tiap-tiap hari dan boleh dikeluarkan bijinya, dikeringkan dan boleh dijual. Kalau sekiranya dijual dengan banyaknya nanti saya harap pihak Lembaga ini bersedia membeli bila-bila masa apabila orang-orang kampung menyediakan secupak, dua cupak, dua kati, satu kilo dan seterusnya dapat dibeli. Kalau tidak, ini juga tidak akan berhasil.

Ini disebabkan kerana koko apa yang saya dapat tahu umpamanya koko ini boleh dipetik hari-hari kalau dibandingkan dengan kelapa. Kelapa pusingannya apa yang saya tahu di antara 45 hari hingga 2 bulan pada satu pusingan baru dapat ambil balik. Begitu juga kelapa sawit di antara 15 hari satu pusingan. Dan juga getah. Getah kita tahu dan sedia maklum setiap hari boleh ditoreh di antara pukul 5.00 pagi hingga ke 9.30 pagi. Masa itu getahnya masih sejuk dan boleh dikeluarkan. Begitu juga bagi maksud dengan belaan ikan-ikan. Ikan juga ada masanya. Di musim tengkujuh kemungkinan kita tidak boleh menangkap ikan, tetapi dengan adanya koko ini tadi seperti saya sebut tadi, koko ini boleh diambil tiap-tiap hari. Kerana kalau biji telah ada kemungkinan boleh dikeringkan cara yang moden dengan menggunakan kuasa elektrik dan sebagainya untuk dapat dijual,

Inilah yang kita harapkan supaya Lembaga ini dapat benar-benar menjaga kualiti, saiz dan seterusnya supaya harganya dapat setanding dan juga negara kita akan dapat menjual dengan harga yang baik.

Soal yang lain tanaman sampingan yang saya lihat estet-estet yang besar-besar apabila dia hendak menanam koko ini dia menggunakan pohon-pohon yang ditanam terlebih dahulu 6 bulan ataupun setahun barulah koko ditanam. Banyak pohon-pohon yang ditanam itu nampaknya membazir sahaja. Kalau disuruh orang kampung, kemungkinan dalam masa satu tahun tidak dapat hasil apa sekalipun kerana pokok-pokok yang ditanam itu tidak mendatangkan hasil.

Saya mencadangkan supaya kalau boleh pihak MARDI dan FAMA dan sebagainya membuat kajian supaya memperkenalkan satu pohon yang boleh membuat perlindungan kepada pokok ini umpamanya kelapa yang rendah-rendah yang boleh ditanam di samping

itu dapat hasilnya sama ada pokok rambutan kemungkinan boleh ditanam sebagai sampingan. Saya rasa ini boleh dibuat dengan tidak membuang masa kepada pekebun-pekebun kecil menanti pohon-pohon koko hidup dan menanti pokok yang hendak meredupkan dan mendeduhkan pokok ini, masanya itu terbuang begitu sahaja. Jadi inilah harapan saya supaya pihak penyelidikan diberi supaya usaha yang benar-benar akan dapat memberikan hasil sampingan umpamanya tanaman pisang. Pisang rasa saya tidak begitu lama kerana koko ini umurnya banyak lama kemungkinan 10-15 tahun boleh pakai, tetapi pisang kemungkinan 1-2 tahun sahaja. Tetapi inilah pohon-pohon yang saya rasa supaya pihak Lembaga Koko ini mengadakan.

Soal yang lain ialah saya mengambil soal berhubung dengan perlantikan Lembaga Koko Malaysia (LKM) yang telah dicadangkan sebagaimana yang disebutkan di dalam Bahagian II — Keanggotaan Lembaga.

- Fasal 3(2) (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi industri koko;
- (c) seorang wakil Perbendaharaan;
- (d) seorang wakil Kementerian Pertanian;
- (e) seorang wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (f) lima orang mewakili industri koko;
- (g) tidak lebih daripada enam orang mewakili kepentingan-kepentingan lain dalam

industri koko atau Kerajaan Persekutuan atau kepentingan Negeri-negeri.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, soal di sini dengan Fasal 3(2) (g) ini rasa saya wakil dari MARDI dan FAMA juga patut dimasukkan dalam enam orang jangan ditinggalkan nanti supaya dapat mereka ini iatu FAMA atau MARDI....

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat....

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya faham Yang Berhormat itu suruh saya berhenti. Sedikit sahaja lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, tidak. Koram ini nampaknya tidak cukup. Dengan ikhlas, bukan tujuan apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bilang — 21 Ahli. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 36Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila teruskan Yang Berhormat: Satu minit sahaja lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Satu minit pun sudah kena. Sebagaimana saya sebut tadi supaya Ahli Lembaga ini terdiri daripada yang (g) itu, yang (a) sampai (f) itu memang sudah sesuai, tetapi (g) yang enam orang itu supaya Menteri yang berkenaan di masa perlantikan nanti supaya jangan ditinggalkan MARDI dan FAMA. Jikalau boleh juga

wakil-wakil daripada pengeluar-pengeluar koko yang besar-besar, bukan yang kecil-kecil seperti Harrison & Crossfields, Guthrie dan sebagainya supaya orang-orang ini yang lebih memahami dan pandai dalam hal-hal koko; kerana kita tidak mahu Ahli Lembaga ini duduk membincangkan soal-soal yang dia tidak faham, akhirnya Lembaga ini nanti akan mengikut Lembaga-lembaga yang telahpun ada satu dua yang tidak menjalankan tugas dengan baik.

Akhirnya, kerana saya mengikut masa dan juga janji yang saya sebut tadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan kita akan mendapat lagi kejayaan dalam negara kita berhubung dengan Rang Undang-undang ini dan juga pengeluaran koko di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menjawab.

5.37ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Larut, Nibong Tebal, Padang Terap, Sepang, Marang, Labuan, Pasir Mas, Kapit, Tanjong Aru, Maran, Saratok dan Lembah Pantai Yang turut serta dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Saya telah mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk memberi penjelasan kepada pandangan serta ulasan-ulasan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat setiap orang satu-persatu.

Tetapi saya akan cuba menjawabnya secara keseluruhan kerana terdapat perkara-perkara yang sama dibangkitkan berkenaan dengan keanggotaan Lembaga yang telah disentuh oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai keanggotaan Jemaah Lembaga dan perlantikan Pengerusi yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, seperti telah saya nyatakan di dalam ucapan saya, keahlian Lembaga yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah terdiri daripada Pengerusi dan tidak lebih daripada 15 orang ahli lain seperti yang jelas termaktub di dalam Seksyen 3(2) di mana kepentingan industri koko akan terpelihara.

Mengenai perlantikan Pengerusi yang berpengalaman dan pakar dalam bidang industri koko serta amanah, Kementerian apabila mempertimbangkan calon-calon tertentu, sudah tentu akan mengambil perhatian sewajarnya kriteria-kriteria yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Begitu juga dalam perlantikan pegawai-pegawai pengurusan Lembaga di mana Lembaga akan mengambil perhatian kriteria-kriteria yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mereka terdiri daripada ahli-ahli sains, profesional yang berpengalaman dan amanah dan akan diwakili oleh sektor-sektor yang datang dari sektor swasta atau sektor awam yang menjaga selama-lamanya berkenaan pembangunan perindustrian atau perusahaan koko di Malaysia. Kalau dia datang dari syarikat-syarikat yang besar atau dari FAMA dan MARDI atau datang dari Sabah, Sarawak atau lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia, semua akan dipertimbangkan dan saya haraplah akhirnya kita boleh menubuhkan satu Lembaga yang patut boleh berfaedah kepada perusahaan koko pada keseluruhannya.

Berkenaan ses, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal pungutan ses dan penggunaan ses. Kerajaan memang sedar mengenai harga koko yang rendah pada masa kini dan Kerajaan sentiasa sensitif akan kepentingan industri koko kita. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil keputusan menanggung pungutan ses sehingga ke suatu masa kelak apabila harga koko bertambah baik. Mengenai bila dan sampai berapa harga, saya ingat sekurang-kurangnya sebelum harga koko di pasaran antarabangsa tidak sampai ke atas atau melebihi dari kos pengeluaran, kita tidak patut menjalankan pungutan ses dan selepas itu barangkali Kementerian akan mengkaji dan bila sampai masa yang sesuai kita akan mengumumkan pungutan ses.

Mengenai penggunaan ses pula, buat masa ini Lembaga Koko Malaysia tidak bercadang untuk menggunakan ses bagi tujuan tanaman semula, sebagaimana jelas dalam peruntukan fungsi-fungsi Lembaga dan peruntukan kewangan. Sebaliknya, Lembaga akan menumpukan perhatian kepada penyelidikan, pembangunan dan pemasaran yang merupakan keperluan utama bagi memajukan lagi industri koko Malaysia. Saya difahamkan kebanyakan Ahli bercadang berkenaan mengadakan ses atau tabung ini untuk mencagarkan tanaman semula sebab skim ini telah dijalankan berkenaan perusahaan getah, tetapi masa sekarang untuk kelapa sawit atau tanaman-tanaman lain belum mengadakan tabung untuk menanam semula. Tetapi atas sesuatu industri yang baru dibangun dan fokus patut diberi kepada penyelidikan, pemasaran, pembangunan dan lain-lain untuk mengukuhkan industri itu, khas di dalam pasaran dunia di mana pengeluaran dari industri itu akan dapat dijual di pasaran antarabangsa.

Peraturan-peraturan pendaftaran dan pelesenan, Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada menyentuh mengenai Fasal

11(a), iaitu peraturan-peraturan berkaitan dengan pendaftaran dan pelesenan. Kerajaan telah membuat peraturan-peraturan tertentu yang akan dilaksanakan oleh Lembaga akan menentukan supaya peraturan-peraturan tersebut dibuat secara mudah dan tidak menyulitkan pihak industri koko, terutamanya pekebun-pekebun kecil.

Berkenaan Fasal 8(b) yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai penjelasan yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukacita saya menjelaskan tujuan Fasal ini ialah bagi menentukan supaya segala kemajuan dan eksploitasi berkaitan dengan hasil-hasil penyelidikan yang mana Lembaga mendapati belum dimajukan atau sedang dimajukan yang mempunyai manfaat kepada kepentingan awam dan kepentingan industri koko terpelihara. Ini bermakna adalah tanggungjawab Lembaga bagi menentukan semua penyelidikan dan hasil-hasil penyelidikan adalah untuk kepentingan masa hadapan negara dan industri koko.

Berkenaan fungsi penyelidikan, pandangan bahawa pihak swasta seperti Kumpulan Dunlop dan Guthrie juga menjalankan kerja-kerja penyelidikan, saya dapati ini adalah satu pandangan yang baik kerana Kerajaan memang menggalakkan pihak swasta turut terlibat dalam usaha-usaha penyelidikan koko dan mereka boleh membantu Lembaga Koko ke arah memajukan industri koko, bukanlah tujuan untuk Lembaga Koko Malaysia mengadakan monopoli sahaja atas penyelidikan industri koko. Kita sebenarnya menggalakkan pihak swasta dan institusi-institusi penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan atas koko dan jika perlu dari masa ke masa, kita barangkali mengadakan kerjasama 'joint research', dengan izin, antara sektor swasta dan Lembaga atau penyelidikan yang dibiayai (finance) oleh Lembaga melalui kewangan yang

ada dari Tabung Lembaga Koko Malaysia.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Di samping itu, menyedari kepentingan kemajuan pekebun kecil MARDI yang telah banyak memberi sumbangan bagi kemajuan dalam penyelidikan koko akan terus bertanggungjawab menjalankan penyelidikan mengenai koko dan tanaman-tanaman selingan, iaitu kelapa dan koko yang berkaitan dengan pekebun kecil. Walau bagaimanapun, dari segi keseluruhannya Lembaga Koko yang akan ditubuhkan kelak adalah bertanggungjawab bagi menentukan segala aspek penyelidikan mengenai koko yang dijalankan dengan teratur dan berkesan. Hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga kelak seperti penyelidikan biologi dan agronomi, pembiakan kawalan penyakit-penyakit koko dan serangga-serangga perosak, pemerosesan dan penyelidikan guna akhir (end use) akan dapat juga dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah sentuh mengenai koko sebagai eksport ketiga merasa sangsi sama ada koko akan menjadikan tanaman eksport ketiga memandangkan buah-buahan dan juga bunga-bunga sedang dimajukan untuk eksport. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat akui semasa membahaskan Rang Undang-undang ini, industri koko mempunyai potensi bagi sumber pendapatan eksport jika dilihat dari perkembangan industri ini yang pesat sejak kebelakangan ini. Pendapatan eksport biji-biji koko dan keluarannya telah meningkat 544%, iaitu dari \$134 juta dalam tahun 1977 kepada \$863.7 juta dalam tahun 1987.

Malaysia juga terletak di kawasan yang strategik untuk meningkatkan eksport koko di pasaran-pasaran tradisi

di samping menembusi pasaran-pasaran baru di negara-negara yang pesat membangun khususnya di kawasan Timur Tengah atau di kawasan Asia Jauh. Dengan penubuhan Lembaga ini beserta usaha-usaha gigih untuk memajukan industri koko di masa hadapan, saya percaya industri koko akan terus kekal sebagai tanaman eksport utama Malaysia.

Mengenai meningkatkan penggunaan koko, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Canada, Britain, Jepun, Perancis dan Jerman Barat, pengguna-penggunaanya dikatakan berhati-hati menghadkan makanan coklat bagi menjaga kesihatan. Walau bagaimanapun, saya difahamkan di mesyuarat Advisory Group On World Cocoa Economy, dengan izin, yang diadakan di Mexico City baru-baru ini, kumpulan tersebut mencadangkan supaya usaha-usaha diambil bagi menggalakkan makanan coklat sebagai sumber tenaga dan kesihatan. Dengan kempen-kempen sedemikian yang sedang digalakkan, penggunaan koko dijangka akan meningkat di samping kegunaannya dalam bidang-bidang lain. Saya percaya penggunaan koko bukan sahaja akan bertambah di negara-negara maju, tetapi akan bertambah di negara-negara yang sedang maju.

Berkenaan penyertaan dalam ICCO atau Pertubuhan Koko Antarabangsa, Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan mengenai penyertaan Malaysia di dalam Pertubuhan Koko Antarabangsa (ICCO) dan meminta kajian yang mendalam dibuat sebelum Malaysia menyertai pertubuhan ini. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji dengan teliti dan mendalam mengenai implikasi buruk baiknya Malaysia menyertai ICCO, sama ada dari segi kos dan implikasi kewangan dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan

terakhir yang berlaku dalam ekonomi koko dunia dan kesan-kesannya kepada perkembangan serta kemajuan industri koko Malaysia.

Penyertaan Malaysia dalam ICCO bergantung setakat mana Malaysia akan mendapat manfaat dari penyertaan tersebut. Ini adalah satu masalah yang bukan senang dikira. Kita hanya melihat dari segi pihak industri, pihak ladang atau pihak pekebun kecil, di mana kebanyakan mereka takut jika mereka mengambil atau memasuki dalam ICCO, perkembangan industri koko akan dihadkan sebab quota pengeluaran dan quota eksport akan dijalankan oleh ICCO. Di dalam lawatan satu rombongan dari ICCO satu atau dua bulan yang lalu, soalan ini telah dibawa kepada rombongan itu dan mereka telah menjawab bahawa perjanjian koko antarabangsa yang dijalankan oleh Pertubuhan Koko- Antarabangsa tidak tersebut di mana-mana pun mengenai kuasa untuk menghadkan quota pengeluaran atau eksport ke mana-mana negara. Jika negara ini hendak masuk di dalam ICCO, tidak ada apa-apa peruntukan di dalam perjanjian koko antarabangsa yang boleh menghadkan mereka di atas quota eksport atau quota pengeluaran.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran); Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Dato' Dr. Lim Kheng Yaik: Boleh.

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa dalam perjanjian itu, ICCO tidak ada peruntukan yang mengatakan.....

Dato' Dr. Lim Kheng Yat: ICCA.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak tahulah, apa-apalah. Beliau

mengatakan bahawa tidak ada peruntukan yang mengatakan bahawa akan diadakan export control, dengan izin, Jadi, tidakkah kemungkinan di masa akan datang dengan Fasal ataupun provisi ini (this provision) dimasukkan, kalau sekiranya ramai ahli dalam ICCA ini bersetuju nanti dan ini memungkinkan juga kita terlibat dalam memaksa kita sendiri untuk mengawal pengeksportan akibat dari persetujuan yang akan datang.

Dato' Dr. Lim Kheng Yaik: Jika kita masuk sebagai ahli, kita terikatlah dengan apa yang dipersetujui oleh semua ahli dalam perjanjian kokp antarabangsa. Jika kita takut kepada semua syarat yang akan dikenakan ini, saya ingat kalau pertubuhan dengan ahli-ahlinya mengambil keputusan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, mereka mesti ada sebab mengapa mereka berbuat demikian.

Seumpamanya, Malaysia bukan ahli OPEC di mana bila OPEC mengambil keputusan untuk mengurangkan pengeluaran mereka dengan kadar 10%, walaupun Malaysia bukan ahli OPEC, kita ikut bersama. Sebab dengan bekalan (supply) yang lebih pada masa itu apa yang kita sebagai sebuah negara patut membuat iaitu mengurangkan pengeluaran. Tetapi selain dari itu, saya, dalam Dewan ini bukanlah saya hendak meminta Ahli-ahli Yang Berhormat terus menyokong supaya Malaysia menyertai dalam ICCO, tetapi kita mesti tengok pros and cons. Jangan tengok yang tidak baik atau yang buruk sahaja, tetapi ada baiknya juga.

Saya tahu sekarang 70% eksport biji koko Malaysia dikenakan ses yang dijalankan oleh Pertubuhan Koko Antarabangsa dan oleh sebab kita jual secara langsung atau secara tidak langsung kepada negara-negara pembeli yang menjadi ahli dalam pertubuhan itu dan disebabkan adanya perjanjian ini, mereka terpaksa mengutipkan ses bagi pihak pertubuhan itu untuk membayar

stok penimbal. 70% pengeluaran biji koko kita dikenakan ses tetapi pada satu hari bila Stok Penimbal dijual, duit yang dikutip atas pejualan Stok Penimbal inj tidak dibalikkan kepada Malaysia sebab Malaysia tidak menjadi ahli dalam Pertubuhan Koko Antarabangsa. Ini adalah merugikan negara kita. Ini adalah satu point, saya ingat ada banyak point dan fakta-fakta untuk mahu masuk atau tidak masuk. Patutlah Kementerian Perusahaan Utama terpaksa kena mengkaji dengan mendalam, dengan teliti, dengan perlahan-lahan dan jangan jalan dengan cepat-cepat.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang meminta supaya pemasaran koko tidak hanya tertumpu di pasaran-pasaran tradisional di negara-negara Eropah, sukacita saya menjelaskan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan skop pasaran dan saya percaya dengan mengadakan strategi-strategi dan program untuk menembusi pasaran-pasaran baru di negara-negara yang pesat membangun di Timor Tengah di samping menambah pasaran di pasaran-pasaran tradisi, eksport Malaysia akan dapat ditingkatkan.

Berkenaan dengan ibupejabat Lembaga, menyentuh mengenai ibupejabat Lembaga yang akan ditempatkan di Sabah sebagaimana dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sukacita saya menjelaskan bahawa penempatan ibupejabat Lembaga di Sabah adalah selaras dengan dasar integrasi nasional dan juga kepentingan negeri Sabah sebagai pengeluar koko yang utama. Walaupun.....

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Untuk penjelasan, mengenai tujuan mengadakan ibupejabat di Sabah ini salah satu faktor yang sedang dipertimbangkan ialah integrasi nasional, tetapi kalau kita tengok kedudukan geography — Sabah di

sebelah timur, Semenanjung di sebelah barat, Sarawak di tengah-tengah. Jadi maca mana, kalau kita fikir betul-betul dari segi integrasi nasional, tidakkah Sarawak itu paling tepat?

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Dalam masalah geography seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat barangkali kata Sarawak dipilih, tetapi Yang Berhormat lupa ada faktor yang lain di mana Sarawak keluaran sedikit sahaja koko (*Ketawa*). Dengan itu ada banyak faktor yang mana Sabah dipilih. Saya ingat banyak negeri pun mahu ibupejabat ini ditempatkan di negeri masing-masing tetapi kita kena realistik sedikitlah.

Yang Berhormat itu juga mencadangkan bahawa lebih banyak peruntukan diberi kepada stesen Quoin Hill di Sabah yang saya ingat adalah stesen penyelidikan utama berkenaan industri koko yang ada sekarang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Stesen Quoin Hill akan diambilalih (taken over) oleh Lembaga bila Lembaga ditubuhkan. Maka dengan itu tidak payah ada peruntukan tambahan (extra) untuk Quoin Hill. Ada cadangan untuk menubuhkan cawangan atau stesen-stesen penyelidikan di Semenanjung Malaysia iaitu untuk menjalankan Penyelidikan guna akhir (end-use research), penyelidikan pengeluaran dan pemerosesan di samping menguruskan hal ehwal pemasaran dan melaksanakan penguatkuasaan pelesenan. Tetapi atas permintaan seorang Yang Berhormat dari Sarawak yang mana beliau minta tiap-tiap bahagian kena mengadakan satu ibupejabatnya, saya ingat ini susah hendak jadi sebab kalau tiap-tiap bahagian, tiap-tiap daerah di Semenanjung Malaysia mesti adakan satu pejabat untuk menjaga koko, saya irigat Lembaga Koko Malaysia akan jadi bankrap sebelum ia ditubuhkan (*Ketawa*). Tetapi sejauh mana kita boleh mengadakan stesen atau ibupejabat yang strategik yang mana yang pertama boleh menolong berkhidmat kepada

pekebun-pekebun kecil yang ada di luar bandar dan juga untuk memberikan, mengelolakan atau mengendalikan hasil-hasil dari penyelidikan-penyelidikan yang dikeluarkan oleh Lembaga Koko Malaysia.

Masalah-masalah penanaman koko, Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga minta penjelasan secara khusus mengenai Seksyen 8 (n) samada fungsi LKM meliputi penyelidikan ke atas makhluk perosak koko seperti 'cocoa pod borer', dengan izin, kerana serangan serangga ini merupakan gejala yang amat membahayakan tanaman ini. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya menjelaskan bahawa tanggungjawab dan fungsi LKM adalah meliputi penyelidikan ke atas penyakit dan juga makhluk perosak dan bukan sahaja atas penyakit 'cocoa pod borer' tetapi atas banyak penyakit-penyakit yang ada berkaitan dengan tanaman koko juga. Diharapkan dan insya Allah, mereka akan mengeluarkan banyak ubat yang mana semua penyakit mengenai industri koko boleh dikawal dengan penyelidikan yang akan dijalankan dengan Lembaga itu.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyebut mengenai masalah-masalah sistem pengairan penyakit koko dan serangan serangga perosak dan masalah tanaman pelindung yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga merayu supaya Lembaga yang akan ditubuhkan kelak memberi perhatian kepada kepentingan-kepentingan pekebun kecil supaya tahap keupayaan pekebun-pekebun kecil dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kemajuan pekebun kecil yang mana kepentingan pekebun-pekebun kecil adalah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari kawasan luar bandar, sukacita saya menjelaskan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya penyelidikan

mengenai koko dan tanaman-tanaman selingan iaitu dengan kelapa dan kopi yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil akan dilaksanakan oleh MARDI. Walau bagaimanapun, di dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan industri ini, kerjasama yang erat di antara LKM dan MARDI akan tetap diteruskan terutamanya dari aspek penyelidikan dan kemajuan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang yang mengatakan supaya penyelidikan dimajukan bagi membolehkan koko ditanam tanpa tanaman pelindung. Lembaga Koko akan diminta mengambil kira cadangan ini dalam menyediakan program-program penyelidikan bagi koko dan jika cara menanam koko tanpa pelindung atau zero shade, dengan izin, didapati viable dan memuaskan, sudah tentu sistem menanam cara begitu akan digatakan di sektor pekebun kecil dan juga di estet.

Saya menghargai harapan Ahli-ahli Yang Berhormat agar dengan penubuhan Lembaga Koko Malaysia kelak akan dapat menghindarkan eksploitasi orang tengah dalam aktiviti pengedaran dan pemasaran biji koko pekebun kecil. Dalam hubungan ini saya ingin menjelaskan bahawa fungsi Lembaga akan ditumpukan bagi mengawalselia aktiviti pengedaran supaya gred dan mutu koko yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil bertambah baik. Di samping mengawalselia aktiviti-aktiviti pemasaran tugas-tugas pendaftaran pelesenan dan persijilan, walaupun Lembaga tidak akan melibatkan diri dalam urusan niaga, penjualan dan pembelian koko.

Adalah diharapkan dengan fungsi-fungsi yang akan dijalankan oleh Lembaga kelak dengan secara tidak langsung akan dapat membantu pekebun kecil.

Tentang pemerosesan atau end use, Yang Berhormat dari Marang juga

mengesyorkan supaya Lembaga Koko Malaysia juga memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti yang dapat dipelbagaikan keluaran koko atau end use, dengan izin. Berhubung dengan perkara ini suka saya menjelaskan bahawa memanglah salah satu fungsi Lembaga untuk menjalankan dan menggalakkan penyelidikan atas pengeluaran, penggunaan dan pemerosesan koko kepada barangan siap seperti yang jelas terdapat dalam fungsi Lembaga di dalam Seksyen 8 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Marang yang berpendapat oleh kerana MARDI, FAMA dan juga Kerajaan Sabah telah mengambil kegiatan penyelidikan, Kerajaan patutlah menggunakan atau bekerjasama dengan agensi-agensinya itu. MARDI akan terus bertanggungjawab menjalankan penyelidikan koko dan tanaman selingan iaitu dengan kelapa dan kopi yang saya sebut tadi yang berkaitan dengan pekebun kecil supaya penyelidikan dijalankan oleh MARDI tidak terjejas. Lembaga Koko akan menetapkan spesifikasi gred dan garis panduan pengedaran tanpa mengambilalih fasiliti-fasiliti yang terdapat pada FAMA. Lembaga akan bekerjasama rapat dengan kedua-dua agensi iaitu FAMA dan MARDI, terutamanya dalam tempoh peralihan supaya program yang sedang berjalan dapat diteruskan dengan lancar.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga membangkitkan perkara berkenaan dengan diskriminasi pengimportan koko di negara-negara maju seperti E.E.C. Kerajaan sedang berusaha untuk menghapuskan sekatan duti yang dikenakan ke atas koko Malaysia yang diimport oleh negara-negara E.E.C. melalui rundingan-rundingan perdagangan di peringkat antarabangsa seumpamanya perundingan perdagangan pelbagai atau Multi-lateral Trade Negotiations (MLTN).

Untuk menjawab berkenaan perkara yang mengenai penyelidikan supaya LKM mengambilalih tugas-tugas semua stesyen agensi yang menjalankan penyelidikan ke atas koko Malaysia ini, masalah kakitangan perlulah diselesaikan terlebih dahulu. Kita sememangnya bercadang mengambilalih kebanyakan stesyen koko, terutamanya di Sabah dan sudah tentu pegawai-pegawai dan kakitangan di stesyen-stesyen berkenaan diberi keutamaan bagi diserapkan dalam Lembaga berdasarkan pentingnya pengalaman dan kepakaran mereka.

Tugas-tugas yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Lembaga Koko Malaysia akan bekerjasama pada masa sekarang dengan Lembaga atau Jabatan Pertanian bagi mencegah penyakit-penyakit koko daripada merebak dalam negeri.

Dengan penubuhan LKM yang bertanggungjawab mengawalselia peng-gredan, pendaftaran dan pelesenan di seluruh Malaysia, masalah sistem peng-gredan yang tidak seragam pada masa kini saya harap dapat diatasi. Ah!....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Letihkah Yang Berhormat!

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Bukan letih—banyak soalan. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Secara ringkas.

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Secara ringkas.

Menjawab teguran Ahli dari Kapit, Sarawak yang selalu takut Sarawak tidak masuk di dalam Lembaga Koko Malaysia, sukalah saya di sini memberi jaminan di mana keseluruhan kepentingan kepada Sarawak, kepada pekebun-pekebun kecil di Sarawak akan diambilkira dan jika sesuai, saya haraplah, bukan saya jamin, seorang

ahli dari Sarawak akan dipilih untuk menjadi ahli di dalam Lembaga. Saya harap—bukan saya jamin. (*Ketawa*)

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli dari Tanjong Aru yang menyentuh berkenaan Fasal 28 yang mana beliau takut dalam undang-undang ini mengatakan: Menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang melalui pemberitahuan dalam Warta daripada mana-mana peruntukan Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan sesuai dikenakan. Ini typical DAP, tengok peruntukan ini dia sudah takut, kita semua kecualikan, semua orang tidak berttkir baik, DAP selalu ingat kita orang bodoh, hanya mereka sahaja yang pandai. Perkara ini merupakan satu enabling provision dan saya akan mempertimbangkan berdasarkan merit bagi setiap kes yang perlu diberikan pengecualian. Kalau tidak ada peruntukan seperti Fasal 28 ini, barangkali ada satu kes anomali atau apa-apa yang berkaitan, tangan dan kaki kita semua diikat, apapun tidak boleh buat.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(6) iaitu Yang Berhormat Menteri mengeluarkan sangkaan jahat, tidak patutlah, kerana kami membuat cadangan yang bernas supaya Lembaga apabila ditubuhkan kelak dapat menjaga kepentingan orang ramai, termasuk orang di Sabah, tidak patutlah mengeluarkan sangkaan begitu jahat.

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Saya cakap dia ingat kita bodoh, saya cakap kita bodoh, bukan dia bodoh. Itu ada jahatkah? Apa ini!. (*Ketawa*) Saya cakap dia ingat kita bodoh. Itu dia cakap—sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat jangan....

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Okaylah kalau dia mahu saya cakap 'you bodoh',

kita tidak bodohlah (*Ketawa*). Ini dia tidak tahu apa yang dia cakap.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang telahpun dibangkitkan semasa membahaskan Rang Undang-undang ini.

Sekiranya saya tidak menjawab perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara wajar yang telah disentuh itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, penyalahgunaan dan penagihan dadah masih lagi menjadi masalah serius yang kita hadapi sekarang. Mengikut perangkaan kita bagi jangka masa 1970 hingga Disember, 1987 jumlah cumulative penagih dadah yang dikesan buat pertama kalinya melebihi angka 128,000 orang. Walaupun untuk beberapa tahun kebelakangan ini angka ini telah menurun, namun Kerajaan masih memberi perhatian yang berat terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, berbagai-bagai langkah dan tindakan telah diambil. Ini termasuklah tindakan-tindakan dalam lima bidang yang berikut dilaksanakan sekali gus iaitu:-

- (i) Penggubalan undang-undang yang ketat.
- (ii) Tindakan pencegahan oleh penguatkuasaan yang tegas;
- (iii) Langkah-langkah pemulihan dan kemudahan rawatan;
- (iv) Tindakan positif dengan kempen-kempen kesedaran me-

ningatkan orang ramai bahawa dadah itu najis dan merbahaya; dan

(v) Kerjasama antarabangsa.

Kesemua ini dilakukan dengan gigih, teliti dan menyeluruh. Peringatan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan meliputi semua peringkat dan keseluruhan negara. Usaha dan tindakan kita memerangi najis dadah ini telah dapat sokongan rakyat dan telah terbukti dengan penyertaan mereka dalam badan-badan sukarela menentang penyalahgunaan dadah, peranan mereka dalam kempen-kempen dan dalam aktiviti-aktiviti pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, kegigihan kita memerangi penyalahgunaan dan penagihan dadah bukan sahaja telah mendapat perhatian dunia tetapi juga sokongan mereka. Walaupun ada negara-negara yang menyebarkan berita-berita negatif terhadap usaha-usaha kita terutama sekali mengenai hukuman gantung mandatori bagi pengedar-pengedar yang sabit kesalahan mereka namun ini tidak membawa kesan. Tindakan kita ini tidak ada bandingnya di negara-negara lain baik dari segi perundangannya, usaha-usaha pemulihan mahu pun kempen-kempen yang diadakan.

Malahan kempen kita menyebarkan mesej anti dadah ke seluruh dunia telah mencapai kemuncaknya dengan perantukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi Presiden kepada Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedar Dadah di Vienna pada 17hb hingga 26hb Jun, 1987 yang lalu. Ini jelas menunjukkan negara-negara Barat juga mengakui perjuangan anti dadah kita.

Setelah beberapa tahun kita memerangi najis dadah ini, kita telah mencapai banyak kejayaan. Ini boleh kita lihat dari meningkatnya bilangan pengedar dan penagih yang telah dibawa

ke muka pengadilan, bilangan rawatan yang telah berjaya serta sokongan rakyat yang tidak jemu-jemu. Hasil dari sokongan orang ramai iaitu melalui maklumat-maklumat yang didapati dari mereka serta kegigihan penguatkuasaan maka bilangan tangkapan pengedar dan penjual dadah telah meningkat seperti berikut:-

	Kes Tangkapan		
	1986	1987	1988 (Sehingga Mei)
Pengedar	479	529	225
Penjual	116	424	200

Akibat dari tertangkapnya pengedar dan penjual ini maka tertutuplah sumber dadah dari pengedaran. Dengan itu jumlah rampasan pihak berkuasa juga menurun seperti berikut:-

Jumlah rampasan dadah mengikut tahun, Jenis dan kuantiti

Tahun	Jenis	Kuantiti
1986	Candu mentah	331.79 kilogram
1987	"	195.39 "
1988 "	"	137.4 "
(hingga kini)		
1986	Candu masak	6.28 kilogram
1987 "	"	22.01 "
1988 "	"	1.42 "
(hingga kini)		
1986	Morphine	21.6
1987 "	"	0.45 "
1988	"	Tiada
(hingga kini)		
1986	Heroin	114.8
1987 "	"	40.2
1988	"	60.96 "
(hingga kini)		
1986	Pil Psikotropik	346,679 biji
1987	"	116,223 "
1988	"	56,336 "
(hingga kini)		

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak kejayaan-kejayaan kita setakat ini namun kita masih belum lagi boleh mendabik dada dan berbangga. Usaha menentang gejala ini perlu diteruskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin telah mencapai kejayaan dari segi rawatan serta pemulihan penagih-penagih, perundangan dan kempen-kempen tetapi banyak lagi yang perlu kita buat dalam membanteras pengedar-pengedar ini sendiri. Pengedar-pengedar dadah ini adalah penjenayah yang tidak berperikemanusiaan dan juga tidak bertimbang rasa. Secara langsung kesan kegiatan mereka boleh mengancam keselamatan negara dan melemahkan muda-mudi kita yang menjadi harapan bangsa dan negara. Betapa tidaknya lebih 60% daripada penagih-penagih yang telah dikesan adalah berumur antara 20 hingga 29 tahun. Jika pengedar-pengedar ini tidak dihapuskan besar kemungkinan lebih ramai golongan remaja kita yang bakal menjadi pemimpin masa depan akan terjerumus dalam perangkap dadah. Masa depan negara kita akan musnah sekiranya pengedar-pengedar ini tidak dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya golongan pengedar dadah inilah yang menjadi punca masalah ini. Merekalah yang menyeludup dadah ke negera kita dan menjadikan negara kita sebagai saluran bekalan dadah antarabangsa di samping mengedarnya di sini. Mereka ini merupakan golongan yang mempunyai strategi dan cara bergerak yang rapi. Mereka bukan sahaja cekap merancang dalam pengedaran-pengedaran dadah dan mencari mangsa-mangsa baru tetapi yang lebih merbahaya usaha-usaha mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Sekim Pengeluaran Wang KWSP

6.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Mac tahun ini, Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Parlimen bahawa Pasukan Petugas KWSP telah merekomen kepada Kerajaan dua skim pengeluaran yang baru bagi kelulusannya. Ini ialah cadangan pengeluaran untuk menunaikan Fardhu Haji dan bagi pelajaran tinggi.

Meskipun cadangan dua skim ini dialu-alukan, Pasukan Petugas itu hendaklah berbuat lebih banyak untuk membantu pencazum-pencarum terutama mereka yang sedang menganggur sekarang.

KWSP telah berkembang menjadi sebuah institusi kewangan yang teguh apabila ditimbang dari segi jumlah aset dan pelaburan Kumpulan. Dalam bentuk kekuatan kewangan, jumlah aset Kumpulan sekarang melebihi \$28 bilion. Jumlah pelaburan Kumpulan sehingga akhir 1986 berjumlah \$27 bilion yang memberikan aliran hasil \$2,151.8 juta. Memandangkan kedudukan kewangan yang kuat, lebih banyak skim pengeluaran mestilah diperkenalkan dan skim-skim yang ada sekarang patutlah diperkemas atau dipertingkatkan lagi bagi faedah 4.9 juta pencazum.

Jika 1986 menyaksikan beberapa faedah baru dan faedah pra-persaraan yang menarik diperkenalkan, dalam bentuk skim faedah hilang upaya, skim pengeluaran gadaian pinjaman perumahan di samping skim faedah kematian yang diperbaiki, maka 1988 patut memperkenalkan lebih banyak skim baru sebagai tambahan cadangan pengeluaran bagi menunaikan Fardhu Haji dan pembiayaan pelajaran tinggi.

Saya merekomen kepada Pasukan Petugas KWSP untuk mengkaji perkara-perkara berikut:

- (i) menimbang untuk memperkenalkan satu skim insurans termasuk insurans kesihatan bagi para pencarum;
- (ii) menimbang pengeluaran sebahagian caruman bagi membolehkan pencarum-pencarum yang tidak bekerja menggunakannya sebagai modal perniagaan kecil;
- (iii) mengurangkan umur kelayakan dari 50 ke 45 tahun berkaitan pengeluaran satu pertiga simpanan pencarum;
- (iv) memperbaiki faedah-faedah untuk pencarum dengan membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan sehingga 50% kos rumah kos rendah atau 50% dari jumlah simpanan yang mana satu kurang tertakluk jumlah maksimum \$20,000.
- (v) pencarum-pencarum hendaklah juga dibenarkan pengeluaran sehingga 30% atau 50% dari jumlah simpanan mereka yang mana satu lebih rendah untuk membeli rumah;
- (vi) menimbang untuk memperkenalkan satu skim pencen bagi pencarum-pencarum

KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun;

- (vii) menaikkan kadar dividen dari 8.5% yang dilakukan pada masa kini ke 9% bagi memberi lebih banyak faedah bagi pencarum-pencarum;
- (viii) menjalankan pembangunan perumahan dengan menubuhkan sebuah syarikat untuk membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana untuk dijual kepada pencarum;
- (ix) mengkaji semula kemungkinan merangka satu skim untuk membantu ahli-ahli KWSP yang diberhentikan kerja. Adalah dicadangkan bahawa KWSP membenarkan ahli-ahli KWSP yang diberhentikan kerja yang berumur 50 tahun untuk mengeluarkan dividen atau faedah daripada caruman pada setiap bulan sehingga mereka mencapai umur 55 tahun.

Saya menggesa Pasukan Petugas KWSP supaya mengkaji cadangan di atas dan membuat rekomendasi kepada Kerajaan bagi dilaksanakan supaya menyediakan lebih banyak faedah bagi 4.9 juta orang pencarum KWSP untuk negara kita. Sekian.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow); Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat KWSP untuk memberi faedah dan perkhidmatan yang lebih bermakna kepada pencarum-pencarumnya, Lembaga KWSP telah menubuhkan satu Pasukan Petugas untuk membuat kajian menyeluruh bagi memperbaiki lagi skim pengeluaran wang KWSP dengan memperkenalkan skim-skim baru.

Kajian menyeluruh ini telah dipuat

dalam tahun 1987 dan empat skim baru telah diperakukan kepada Lembaga KWSP untuk pertimbangan. Lembaga KWSP, seterusnya telah memutuskan bahawa dua daripada empat cadangan berkenaan iaitu cadangan pengeluaran untuk tujuan pelajaran tinggi dan menunaikan Fardhu Haji dikaji dengan mendalam lagi, terutamanya dari segi implikasi-implikasi makro dalam pelaksanaannya.

Kedua-dua cadangan ini telahpun dirujuk oleh Lembaga KWSP kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya. Kementerian Kewangan bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan lain telah menjalankan selanjutnya ke atas kedua-dua skim yang berkenaan. Kajian ini tertumpu kepada dua aspek penting iaitu sama ada cadangan-cadangan tersebut sejajar dengan tujuan utama penubuhan KWSP dan keupayaan KWSP dari segi kedudukan kewangan bagi melaksanakannya. Hasil-hasil kajian tersebut

akan dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan muktamad Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.

